





Rasional Kulit Hadapan & Tema Laporan Ini

Jelas, dunia berubah dengan pantas, secara kompleks dan tidak dapat diramalkan. Cabaran makroekonomi dengan keadaan geopolitik seperti konflik Rusia-Ukraine dan ketegangan China-Amerika Syarikat yang memuncak serta disrupsi rantai supPLY yang berterusan menimbulkan tekanan dan cabaran baharu bagi perniagaan yang sememangnya telah bergelut dengan disrupsi yang diakibatkan oleh pandemik COVID-19. Kenaikan pesat harga tenaga, makanan dan bahan mentah terus membawa kekangan kepada pertumbuhan ekonomi global.

Inovasi dan pertumbuhan yang memangkinkan transformasi dunia moden seperti peningkatan teknologi kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI), penguasaan Internet dan pendigitalan yang meluas membawa impak yang ketara dalam cara kita bekerja dan menjalani kehidupan harian.

Cara kita berhadapan dan menangani disrupsi-disrupsi makroekonomi dan persekitaran ini adalah soal perspektif. Kami memilih untuk melihat disrupsi-disrupsi ini sebagai peluang dan kami terus berusaha untuk membina perniagaan-perniagaan yang kukuh dan mampu berdaya tahan walaupun di dalam keadaan pasaran yang tidak menentu. '**Disiplin dalam Disrupsi**', mencerminkan pendekatan kami dan menjadi tema untuk Laporan Tahunan Ekuinas 2022. Tahun ini, kami meneliti semula hala tuju, pelaburan dan strategi perniagaan kami. Tahun ini memberi kami peluang untuk membuktikan pentingnya mengelakkan disiplin dan keseimbangan dalam pendekatan pelaburan dan ia juga membuktikan kebolehan organisasi kami dalam menghasilkan impak positif di dalam pasaran yang stabil, maupun yang tidak menentu.



Kandungan Laporan ini



1

Kami Adalah Ekuinas

- 006** Mengenai Kami
- 007** Visi, Misi dan Nilai-nilai
- 008** Struktur Korporat
- 009** Maklumat Korporat
- 010** Struktur Organisasi



2

Kepimpinan di Ekuinas

- 014** Lembaga Pengarah
- 016** Profil Lembaga Pengarah
- 026** Pengurusan Kanan
- 028** Profil Pengurusan Kanan



042 Perutusan Bersama Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif

3



087 Laporan Portfolio

4



098 Kelestarian Adalah Sebahagian Dari Identiti Kami

5

Ulasan Tahun 2022

- 034** Tahun 2022 Sekilas Pandang
- 036** Maklumat Kewangan Utama 2022
- 040** Sorotan Kewangan Selama Lima Tahun
- 042** Perutusan Bersama Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif

Prestasi Ekuinas 2022

- 054** Laporan Prestasi Pelaburan
- 087** Laporan Portfolio
 - Dana Ekuinas Direct (Tranche II)
 - Dana Ekuinas Direct (Tranche III)
 - Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)
 - Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)
 - Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)
 - Nota kepada Laporan Portfolio

Strategi Kelestarian

- 098** Kelestarian Adalah Sebahagian Dari Identiti Kami
- 099** Kerangka dan Prestasi ESG
- 102** Sosial: ILTIZAM Bersama Ekuinas
 - ILTIZAM: Memenuhi Mandat Sosial
 - ILTIZAM untuk Keusahawanan
 - ILTIZAM untuk Pendidikan
 - ILTIZAM untuk Komuniti
 - Skim Zakat Wakalah
- 110** Tadbir Urus
 - Penyata Tadbir Urus Korporat
 - Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko
 - Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
 - Dasar Pendedahan
- 133** Alam Sekitar

1

Kami Adalah Ekuanas



Mengenai Kami



Ekuiti Nasional Berhad, atau Ekuinas, adalah sebuah **syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian (PE)** yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 1 September 2009 untuk **menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi secara saksama dan mampan** berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan telus, menerusi pembentukan syarikat-syarikat peneraju generasi baharu di Malaysia.

Kerajaan memperuntukkan dana kepada Ekuinas dalam bentuk geran yang dipegang secara amanah oleh Yayasan Ekuiti Nasional (YEN), sebuah yayasan amanah ditubuh khusus dengan mandat untuk meningkatkan dan mengembangkan ekuiti Bumiputera.

Dana yang dipegang di bawah YEN disalurkan ke Ekuinas Capital Sdn Bhd, juga dikenali sebagai Ekuinas Capital, yang berfungsi sebagai modal dana yang ditetapkan syarikat. Ekuinas berfungsi sebagai syarikat yang menguruskan dana ekuiti persendirian ini, diterajui oleh pasukan pengurusan untuk mengendalikan operasi syarikat.

Kedua-dua Ekuinas dan Ekuinas Capital, anak syarikat milik penuh YEN, berusaha untuk memenuhi misi menggalakkan kesaksamaan, mempertingkatkan penyertaan ekonomi bumiputera yang mampan berlandaskan objektif-objektif kawangan dan sosial.

● Bagaimana Ekuinas Beroperasi?

Berdasarkan model ekuiti persendirian (PE):

- Pelaburan dalam syarikat berpotensi tinggi
- Mengembangkan nilai syarikat secara agresif
- Menjual kembali ekuiti setelah syarikat meningkat maju atau meneraju pasaran

● Objektif Utama

● Objektif Kewangan

- Meningkatkan **penciptaan kekayaan** institusi Bumiputera

● Objektif Sosial

- Meningkatkan **penyertaan Bumiputera** dalam empat (4) dimensi:
 - **Pemilikan ekuiti**
 - **Pengurusan**
 - **Pekerjaan**
 - **Mencipta nilai** dalam rantai bekalan

● Kaedah Pelaburan

● Pelaburan Langsung

Pelaburan yang dilakukan secara langsung oleh Ekuinas condong ke arah pembelian keluar dan pegangan kawalan atau majoriti, juga modal pertumbuhan untuk syarikat yang lebih kecil.

● Program Penyumberan Luar

Pelaburan dilaksanakan oleh pihak ketiga yang dilantik sebagai Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) bagi pihak Ekuinas, berfokus kepada peruntukan modal pertumbuhan. Menerusi platform ini, Ekuinas menyumbang ke arah pembangunan industri PE Malaysia.

VISI


Untuk menjadi syarikat **pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia**

MISI

Untuk **melahirkan generasi syarikat peneraju Malaysia yang baharu**, di samping **menggalakkan penjanaan kekayaan serta penglibatan Bumiputera di dalam ekonomi** secara saksama dan mampan berlandaskan prinsip mesra pasaran, merit dan ketelusan



Struktur Korporat



* Telah terealisasi sepenuhnya

Tarikh diperbadankan: 22 Julai 2022

Pelaburan sulung berlangsung pada: 28 Februari 2023

Maklumat Korporat

LEMBAGA PENGARAH

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA

Pengerusi

TAN SRI DATO' SERI MOHAMED JAWHAR HASSAN

(Meletak jawatan pada 30 September 2022)

TAN SRI DR. RAHAMAT BIVI YUSOFF

(Meletak jawatan pada 30 Jun 2022)

DATUK ALI ABDUL KADIR

DATO' ABDUL HAMID SHEIKH MOHAMED

DATUK SERI SAIFUL ANUAR LEBAI HUSSEN

(Meletak Jawatan pada 14 Oktober 2022)

DATUK MAIMONAH MOHAMED HUSSAIN

(Dilantik pada 1 Mei 2022)

DATO' ABDUL MUTALIB ALIAS

(Dilantik pada 1 Mei 2022)

TAN SRI SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

(Dilantik pada 1 Oktober 2022)

SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

JAWATANKUASA LEMBAGA

JAWATANKUASA AUDIT & PENGURUSAN RISIKO

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Pengerusi

(Meletak jawatan pada 30 Jun 2022)

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed

Pengerusi

(Meletak jawatan pada 26 Ogos 2022)

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

(Meletak jawatan pada 30 September 2022)

Datuk Ali Abdul Kadir

Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Husen

(Meletak jawatan pada 14 Oktober 2022)

Dato' Abdul Mutalib Alias

(Dilantik pada 26 Ogos 2022)

JAWATANKUASA PELANTIKAN & GANJARAN

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan

Pengerusi

(Meletak jawatan pada 30 September 2022)

Datuk Maimoonah Mohamed Hussain

Pengerusi

(Dilantik pada 26 Ogos 2022)

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed

Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Husen

(Meletak jawatan pada 14 Oktober 2022)

Dato' Abdul Mutalib Alias

(Dilantik pada 26 Ogos 2022)

JAWATANKUASA PELABURAN

Datuk Ali Abdul Kadir

Pengerusi

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed

Datuk Maimoonah Mohamed Hussain

(Dilantik pada 1 Mei 2022)

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Heng Khim Hui

Ahmad Hilmy Abd Jalil

Aliff Omar Mohamad Omar

Zain Azmir Zain Azahari

JAWATANKUASA TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

Tan Sri Dr. Rahamat Bivi Yusoff

Pengerusi

(Meletak jawatan pada 30 Jun 2022)

Dato' Abdul Mutalib Alias

Pengerusi

(Dilantik 26 Ogos 2022)

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Hizwani Hassan

Fazlin Abu Hassan Shaari

(Dilantik 26 Ogos 2022)

JAWATANKUASA PENGURUSAN KANAN

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir

Ketua Pegawai Eksekutif

Roselinda Hashim

Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat

Heng Khim Hui

Pengarah Kanan, Pengurusan & Pemantauan Portfolio

Ahmad Hilmy Abd Jalil

Pengarah Kanan, Pelaburan

Aliff Omar Mohamad Omar

Pengarah Kanan, Pelaburan

Zain Azmir Zain Azahari

Pengarah Kanan, Pelaburan

Sharifah Noralina Yassin

Ketua Sumber Manusia

SETIAUSAHA SYARIKAT

Alwizah Al-Yafii Ahmad Kamal

(MAICSA 7033148)

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT

Akauntan Bertauliah

BANK-BANK UTAMA

Malayan Banking Berhad

CIMB Bank Berhad

Affin Bank Berhad

ALAMAT BERDAFTAR

AKAL Corporate Advisors Sdn. Bhd.

43-2, Plaza Damansara

Jalan Medan Setia 1

Bukit Damansara

50490 Kuala Lumpur

W. P. Kuala Lumpur

ALAMAT PEJABAT

Ekuiti Nasional Berhad

200901025164 (868265-U)

Aras 16, Surian Tower


No. 1, Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya

Selangor

Struktur Organisasi



ekuinias



2

Kepimpinan di Ekuinas





Lembaga Pengarah



Berdiri Dari Kiri Ke Kanan

Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Hussen, Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan, Datuk Ali Abdul Kadir, Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan, Datuk Maimoonah Hussain, Dato' Abdul Mutalib Alias dan Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed.

Profil Lembaga Pengarah



Tarikh Perlantikan

9 Januari 2009

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Felo, di Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Ahli, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

Jawatan Semasa

- Pengerusi, Icon Offshore Berhad
- Pengerusi, Yayasan Raja Muda Selangor
- Pengerusi, Yayasan Amir
- Ahli Lembaga Pemegang Amanah, Yayasan DayaDiri
- Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas, Maxis Berhad
- Canselor, Universiti Selangor

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengerusi Eksekutif, PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia
- Pengerusi, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
- Pengerusi, Danamodal Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga PwC Global IFRS
- Ahli, Standards Advisory Council, Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa



**SYED YASIR ARAFAT
SYED ABD KADIR**

Ketua Pegawai Eksekutif

- Ahli, Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli, Jawatankuasa CSR

**Tarikh Perlantikan**

1 Mac 2016

**Kelayakan/Keahlian/Anugerah**

- Ijazah Sarjana Muda (dengan Kepujian) dalam Perakaunan dan Pengurusan Kewangan, University of Essex, United Kingdom
- Felo, Chartered Institute of Management (FCMA)
- Ahli, Chartered Global Management Accountant (CGMA).

Jawatan Semasa

- Pengerusi, Orkim Sdn bhd
- Ahli Lembaga, Icon Offshore Berhad
- Ahli Lembaga, Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Revenue Valley Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Medispec (M) Sdn Bhd
- Ahli, Panel Pelaburan, Tabung Haji
- Ahli, Modal Teroka dan Ekuiti Persendirian Malaysia (MVCDC)

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengurus Negara (Perbankan Borong ING)
- Timbalan Presiden, Corporate Finance, ING Corporate Advisory (Malaysia) Sdn Bhd
- United Overseas Bank (Malaysia) Berhad
- Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Commerce International Merchant Bankers Berhad
- Aseambankers Malaysia Berhad



Profil Lembaga Pengarah



Tarikh Perlantikan

9 Januari 2009

Tarikh Letak Jawatan

30 September 2022

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Felo Kehormat, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR)
- Felo, Institut Keselamatan Awan Malaysia (IPSON)

Jawatan Semasa

- Ahli Lembaga, Institut Pengajian Islam Lanjutan Antarabangsa (IAIS),
- Ahli, Rangkaian Kepimpinan Asia Pasifik untuk Membendung Percambahan Nuklear dan Perlucutan Senjata

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengurus dan Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia
- Pengurus, New Straits Times Berhad
- Ahli, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli, Kumpulan Kerja Majlis Ekonomi
- Ahli, Panel Penasihat, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM)
- Pakar dan Tokoh Malaysia, Forum Serantau ASEAN (ARF).



 **Tarikh Perlantikan**

19 Oktober 2011

 Tarikh Letak Jawatan

30 Jun 2022

 Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia
- Ijazah Sarjana Ekonomi dari University of Western Michigan, Amerika Syarikat
- Ijazah Kedoktoran dari Australian National University.

 Jawatan Semasa

- Ahli Lembaga Pengarah, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)
- Ahli Lembaga, Malaysia-Thailand Joint Authority (MTJA)
- Ahli Lembaga, IOI Corporation Berhad
- Ahli, Lembaga Gabenor, Universiti Multimedia

 Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (2011-2017)
- Timbalan ketua Setiausaha, Kementerian Kewangan (MOF)
- Pengarah, Bahagian Belanjawan, MOF
- Pengarah, Suruhanjaya Tenaga
- Timbalan Pengarah, Bahagian Ekonomi Makro, Unit Perancang Ekonomi (EPU)



Profil Lembaga Pengarah



Tarikh Perlantikan

10 Januari 2015

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Felo, bagi Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)
- Ahli, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
- Ahli, Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- Felo Kehormat Institute of Chartered Secretaries & Administrators (UK)
- Felo Kehormat, Institut Pengarah-Pengarah Malaysia
- Penasihat Kehormat, Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW) – KL City Chapter
- 'Lifetime Achievement Award' oleh ICAEW-Malaysian Chapter (2012)
- 'The President's Award' oleh MICPA (2012)

Jawatan Semasa

- Pengurus, JcbNext Berhad
- Pengurus, Enra Group Berhad
- Ahli Lembaga, Citibank Berhad
- Pengurus, Amanah Lestari Alam
- Pengurus, Tropical Rainforest Conservation and Research Centre
- Pengurus, Persatuan Makanan Ehsan

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengurus, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
- Ahli, Lembaga Exco dan Pengurus (Asia Pasifik) Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO)
- Pengurus, Financial Reporting Foundation
- Pengurus Eksekutif dan Rakan Kongsi, Ernst & Young
- Presiden, Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)



**📅 Tarikh Perlantikan**

6 Januari 2020

🎓 Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Felo, Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA)

📝 Jawatan Semasa

- Pengarah Eksekutif, Symphony House Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, MMC Corporation Berhad
- Ahli Lembaga, Maybank Investment Bank Berhad
- Ahli Lembaga, Maybank IBG Holdings Limited, Singapura
- Ahli Lembaga, PT Maybank Sekuritas Indonesia
- Ahli Lembaga, Tabung Haji
- Ahli Lembaga, OM Holdings Limited

📋 Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Ketua Pegawai Kewangan, Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad
- Pengurus Kanan, Perancangan Korporat, Kumpulan Amanah Capital Malaysia Berhad
- Pegawai, Perbankan Korporat, Bumiputra Merchant Bankers Berhad
- Akauntan, Tetuan Lim, Ali & Co./Arthur Young (kini dikenali sebagai Ernst & Young)



Profil Lembaga Pengarah



Tarikh Perlantikan

8 Januari 2019

Tarikh Letak Jawatan

14 Oktober 2022

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Pengurusan Awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Jawatan Semasa

- Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi (EPU) (Sehingga 14 Oktober 2022)
- Lembaga Pengarah, Iskandar Regional Development Authority (IRDA)
- Ahli Majlis, East Coast Economic Region Development Council (ECERDC)
- Ahli Lembaga, Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDA)
- Ahli Lembaga, Sarawak Regional Corridor Development Authority (RECODA)
- Ahli Lembaga, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)
- Ahli Lembaga, Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Timbalan Ketua Pengarah (Polisi), Unit Perancangan Ekonomi (EPU)
- Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Kesihatan
- Pengarah Kanan, Bahagian Dasar dan Pembangunan, Unit Perkongsian Awam-Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri
- Pengarah, Bahagian Pembangunan Koridor, Jabatan Perdana Menteri



 **Tarikh Perlantikan**

1 Mei 2022

 Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Sarjana Muda Perakaunan, National University of Singapore
- Jurubank Bertauliah
- Anugerah Eksekutif Cemerlang Luar Negara (2015) dari Singapore Business Award
- Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Asia Terbaik dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia berorientasi HR oleh Kongres HRD Sedunia (2019)

 Jawatan Semasa

- Ahli Lembaga, National Gallery Singapore
- Ahli Lembaga, A5-DB Operations (M) Berhad

 Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Pengarah Urusan Kumpulan, Affin Hwang Capital (2014-2019)
- Pengarah Urusan, Affin Investment Bank (2007-2013)
- Ahli Lembaga, Affin Hwang Asset Management (2014-2019)
- Pengarah, Hutang dan Pasaran Modal, Affin Bank Berhad (2003-2006)
- Pengarah, Ketua Bahagian Sindikasi, Asia Tenggara, (1994-2001)
- Pengarah, Kewangan Berstruktur & Penasihat Projek, Pasaran Asia Tenggara, Morgan Granfell (Asia) Ltd



Profil Lembaga Pengarah



Tarikh Perlantikan

1 Mei 2022

Kelayakan/Keahlian/Anugerah

- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan, Governors State University, Illinois, USA
- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan, Northern Illinois University, Illinois, USA

Jawatan Semasa

- Pengurus dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bintulu Port Holdings Berhad

Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan

- Ahli Lembaga, Kumpulan Bank Rakyat (2010-2015)
- Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan PR1MA Malaysia (2011-2019)
- Pegawai Khas/Setiausaha Politik, Kerajaan Malaysia
 - Kementerian Kerja Raya
 - Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi
 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
 - Kementerian Kewangan
- Ahli Majlis, Majlis Amanah Rakyat (MARA) (1996-2000)
- Naib Presiden, Perbankan Pelaburan, Chase Manhattan Bank



**TAN SRI SHAHRYL RIDZA RIDZUAN**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Tarikh Perlantikan**

1 Oktober 2022

**Kelayakan/Keahlian/Anugerah**

- Ijazah Sarjana Seni, Cambridge University
- Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Sivil, Oxford University
- Dipanggil ke Malaysian Bar dan Bar of England dan Wales

**Jawatan Semasa**

- Penggerusi, Axiata Group
- Penggerusi, Iskandar Waterfront Holdings Sdn Bhd
- Ahli Lembaga, Malaysia Aviation Group Berhad
- Ahli Lembaga, Malaysia Airlines Berhad

**Pengalaman Terdahulu yang Berkaitan**

- Pengarah Urusan, Khazanah Nasional Berhad (2018-2021)
- Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (2013-2018)
- Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pelaburan), KWSP (2009-2013)
- Pengarah Urusan, Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) (2003-2009)
- Pengurusan Danaharta Nasional
- Pembantu Tadbir Undang-Undang, Zain & Co (1994-1996)





Pengurusan Kanan



Berdiri Dari Kiri Ke Kanan

Sharifah Noralina Yassin, Roselinda Hashim, Ahmad Hilmy Abd Jalil, Aliff Omar Mohamad Omar, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir, Zain Azmir Zain Azahari, Heng Khim Hui dan Fazlin Abu Hassan Shaari.

Profil Pengurusan Kanan



1

SYED YASIR ARAFAT SYED ABD KADIR

Ketua Pegawai Eksekutif

Tarikh Permulaan
1 November 2009

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir merupakan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ahli Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad dan ahli Jawatankuasa Pelaburan Ekuinas. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 Mac 2016.

Profil dibentangkan di muka surat 17.



2

ROSELINDA HASHIM

Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat

Tarikh Permulaan
1 Oktober 2009

Roselinda Hashim merupakan Pengarah Kanan, Perundangan & Hal Ehwal Korporat di mana beliau mengetuai Jabatan Perundangan dan Kesetiausahaan dan Jabatan Komunikasi di Ekuinas. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan.

Sebelum menyertai Ekuinas, Roselinda merupakan Pengurus Besar Kumpulan, Jabatan Perundangan & Kesetiausahaan di Media Prima Berhad selama lima tahun. Terlebih dahulu, beliau merupakan Rakan Kongsi di Raslan Loong dan memfokuskan kepada penggabungan dan pengambilalihan (M&A), usaha sama, pengaturan semula korporat dan aspek korporat Malaysia dan undang-undang komersil yang lain.

Roselinda berkecimpung di dalam hal ehwal perundangan sejak 1996 dan memulakan kariernya di Shearn Delamore & Co. Roselinda menamatkan pengajian di School of Oriental & African Studies (SOAS), University of London dengan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB, Hons) serta Ijazah Sarjana Undang-Undang (LLM). Beliau dipanggil ke *Bar of England and Wales*, United Kingdom pada 1994 dan bertugas sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara kepada *Malaysian Bar* pada tahun 1996. Roselinda menerima lesen daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia untuk berkhidmat sebagai Setiausaha Syarikat pada tahun 2005.



3

HENG KHIM HUI

Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio

**Tarikh Permulaan**

18 November 2013

Heng Khim Hui ialah Pengarah Kanan, Pengurusan dan Pemantauan Portfolio. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Beliau bekerjasama dengan para CEO dan pengurusan kanan syarikat portfolio untuk memacu pertumbuhan dan penciptaan nilai menerusi inisiatif-inisiatif strategik termasuk jualan dan pemasaran, operasi, digital dan teknologi. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam portfolio peruncitan, perkilangan, penjagaan kesihatan dan teknologi.

Sebelum menyertai Ekuinas, Khim Hui berkhidmat di Boston Consulting Group di mana beliau menasihat dan bekerja dengan MNC dan GLC di rantau Asia Tenggara mengenai strategi kemasukan pasaran, strategi pertumbuhan, M&A dan transformasi operasi. Sebelum itu, beliau berkhidmat di A.T. Kearney dan Accenture. Beliau mempunyai 12 tahun pengalaman perundingan pengurusan dalam sektor perkhidmatan kewangan, minyak dan gas dan sektor telekomunikasi.

Khim Hui menamatkan pengajian di Imperial College di London dengan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan dan mempunyai Ijazah Sarjana Sains dari Stanford University, kedua-duanya dalam Kejuruteraan Mekanikal. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan (MBA) dari INSEAD.



4

AHMAD HILMY ABD JALIL

Pengarah Kanan, Pelaburan

**Tarikh Permulaan**

6 Januari 2020

Ahmad Hilmy Abd Jalil menyertai Ekuinas pada Januari 2020. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan.

Hilmy mempunyai 14 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan di rantau Asia Tenggara, sebagai pemimpin kanan dengan Deutsche Bank yang berpusat di Singapura dan sebelumnya dengan UBS Investment Bank. Beliau telah memimpin urusan M&A, urus niaga ekuiti dan hutang untuk pelanggan di Malaysia, Singapura dan Indonesia dalam pelbagai industri termasuk penjagaan kesihatan dan pengguna, telekomunikasi & media, industri dan infrastruktur & utiliti. Sebelum memasuki industri perbankan, Hilmy berkhidmat di Symphony House dan PwC Corporate Advisory.

Beliau menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dalam bidang Perakaunan dan Kewangan dari University of Melbourne dan Ijazah Sarjana Perdagangan (Kewangan Lanjutan) dari University of New South Wales dan merupakan penganalisa kewangan bertauliah atau Chartered Financial Analyst (CFA).

Profil Pengurusan Kanan



5

ALIFF OMAR MOHAMAD OMAR

Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh Permulaan

10 Julai 2017

Aliff Omar ialah Pengarah Kanan Pelaburan di Ekuinas. Beliau menyertai Ekuinas sebagai Pengarah Pelaburan pada Julai 2017, meliputi sektor tenaga dan pengguna. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Aliff membawa pengalaman lebih 14 tahun dalam bidang khidmat nasihat korporat dan urusniaga. Sebelum menyertai Ekuinas, Aliff berkhidmat sebagai Pengarah, Perbankan Pelaburan di UBS AG. Beliau mengetuai beberapa Urus niaga penggabungan dan pengambilalihan (M&A) dan pasaran modal di Malaysia dan Asia Tenggara, menasihati korporat dalam sektor tenaga, kewangan, infrastruktur & utiliti dan harta tanah. Sebelum UBS, Aliff merupakan sebahagian daripada pasukan M&A CIMB Investment Bank dan Bahagian Perbankan Pelaburan Maybank Investment Bank.

Aliff telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan dan Sains Pengurusan Industri (Cum Laude) dengan pengkhususan kedua dalam Ekonomi dari Northwestern University, serta Ijazah Sarjana Falsafah dalam Kewangan dari University of Cambridge.



6

ZAIN AZMIR ZAIN AZAHARI

Pengarah Kanan, Pelaburan

Tarikh Permulaan

15 Jun 2022

Azmir Zain merupakan Pengarah Kanan Pelaburan di Ekuinas. Beliau juga adalah ahli Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Sebelum menyertai Ekuinas, Azmir berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi di Suruhanjaya Penerbangan Malaysia dan Pengarah Pelaburan di Khazanah Nasional Berhad. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan pelaburan, pengawalseliaan ekonomi, perancangan korporat, dan M&A, terutamanya dalam industri yang teratur, di dalam pasaran domestik dan antarabangsa.

Azmir memegang Ijazah Sarjana Muda dalam Undang-Undang (BA Hons) dari Universiti Oxford dan MBA dari INSEAD. Beliau juga merupakan Felo, Institute of Chartered Accountants in England & Wales (ICAEW) dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Selain daripada tanggungjawabnya di Ekuinas, beliau juga merupakan Pengarah Bebas di Balai Seni Negara Malaysia dan NanoMalaysia Berhad.



7

SHARIFAH NORALINA YASSIN

Ketua Pegawai Sumber Manusia

**Tarikh Permulaan**

3 September 2012

Sharifah Noralina (Nina) merupakan Ketua Pegawai Sumber Manusia, yang bertanggungjawab untuk pengurusan Sumber Manusia, Pentadbiran, dan fungsi Sistem Maklumat Pengurusan (MIS) bagi Ekuinas. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kanan.

Nina bertanggungjawab untuk Strategi Sumber Manusia (HR) dan pelaksanaannya di semua Syarikat Portfolio Ekuinas melalui kerjasama rapat dengan para CEO, Ketua Sumber Manusia (HR), pasukan Pelaburan, dan pasukan Pemantauan & Pengurusan Portfolio untuk memastikan semua inisiatif HR selaras dengan pelan penciptaan nilai bagi setiap syarikat.

Sebelum menyertai Ekuinas, Nina bertugas sebagai Pengarah Sumber Manusia di Dutch Lady Malaysia & Singapura. Sebelum menyertai dunia HR korporat, Nina mempunyai pengalaman lebih sembilan (9) tahun sebagai perunding di Accenture, Aon, dan Willis Towers Watson di mana beliau memberi khidmat nasihat kepada syarikat-syarikat multinasional besar, Syarikat Berkaitan Kerajaan, syarikat pelaburan, dan agensi kerajaan lain.

Nina lulus dengan Ijazah Sarjana Muda Seni dalam Organisasi dan Psikologi dari University of Michigan, Ann Arbor.



8

FAZLIN ABU HASSAN SHAARI

Ketua Pegawai Kewangan

**Tarikh Permulaan**

27 September 2021

Fazlin merupakan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) bagi Ekuinas. Beliau adalah seorang akauntan yang berkelayakan dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang strategi & pelaburan, kewangan korporat & operasi, hubungan pelabur, dan pengurusan am.

Sebelum menyertai Ekuinas, Fazlin berkhidmat dengan PricewaterhouseCoopers, CIMB Investment Bank, Media Prima Berhad, dan Tune Group. Beliau juga pernah berperanan sebagai penasihat dalam projek pengumpulan dana, penstrukturkan semula hutang, pengurangan kos, dan penyusunan semula korporat.

Fazlin memegang ijazah MBA dengan Kepujian dari Universiti Nottingham dan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Perakaunan & Kewangan dari Universiti Warwick. Beliau adalah seorang ahli Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA), dan beliau menamat pentaulahan ACCA dan MICPA semasa tempoh berkhidmat di PwC.

3

Ulasan Tahun 2022



Tahun 2022 Sekilas Pandang

PRESTASI PELABURAN

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCE II)

PULANGAN KASAR PORTFOLIO
RM716.6 JUTA

IRR KASAR
11.9% SETAHUN

IRR BERSIH
8.6% SETAHUN

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)

PULANGAN KASAR PORTFOLIO
RM133.5 JUTA

IRR KASAR
3.1% SETAHUN

IRR BERSIH
-2.1% SETAHUN

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV)

PULANGAN KASAR PORTFOLIO
RM91.1 JUTA

IRR KASAR
77.2% SETAHUN

IRR BERSIH
8.4% SETAHUN

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I)

PULANGAN KASAR PORTFOLIO
RM82.0 JUTA

IRR KASAR
4.1% SETAHUN

IRR BERSIH
3.4% SETAHUN

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II)

KERUGIAN KASAR PORTFOLIO
RM(14.4) JUTA

IRR KASAR
-2.7% SETAHUN

IRR BERSIH
-3.8% SETAHUN

JUMLAH KUMULATIF PORTFOLIO PELABURAN

JUMLAH BILANGAN PELABURAN	71
PELABURAN LANGSUNG	48
PENYUMBERAN LUAR	23

JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA,
BERSAMA-SAMA DENGAN RAKAN PELABURAN SWASTA

RM5.1 BILION

JUMLAH PELABURAN KOMITED OLEH EKUINAS

RM4.4 BILION

PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

– GABUNGAN PELABURAN LANGSUNG DAN PROGRAM PENYUMBERAN LUAR



PENINGKATAN DALAM EKUITI BUMIPUTERA

RM6.5 BILION

1.6x modal dilabur



PENINGKATAN PENGURUSAN BUMIPUTERA SEJAK
KEMASUKAN EKUINAS KE DALAM SYARIKAT

21.9%



PENINGKATAN DALAM JUMLAH NILAI PEMEGANG SAHAM

RM8.2 BILION

2.1x modal dilabur



PENINGKATAN KAKITANGAN BUMIPUTERA SEJAK
KEMASUKAN EKUINAS KE DALAM SYARIKAT

14.4%

SYARIKAT PENGURUSAN DANA



JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FuM)

RM4.1 BILION



NISBAH OPEX KEPADA FuM

0.9%



PERBELANJAAN OPERASI (OPEX)

RM38.3 JUTA



KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT

RM1.1 JUTA

Maklumat Kewangan Utama 2022

1 PERGERAKAN DANA DARIPADA/KEPADA YAYASAN EKUITI NASIONAL BERHAD (YEN)

	2022 RM Juta	2021 RM Juta
Dana diterima daripada YEN pada tahun ini	—	—
Dana kumulatif diterima daripada YEN	4,000.0	4,000.0
Modal dikembalikan kepada YEN pada tahun ini	—	—
Modal kumulatif dikembalikan kepada YEN	320.0	320.0

2 DANA DITUBUHKAN

	Tahun ditubuhkan	Saiz Dana RM Juta	Tumpuan Pelaburan	Tempoh	Status Kedudukan
Dana Ekuinas Direct (Tranche I)	2010	1,000.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1 tahun	Direalisasikan sepenuhnya
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	2012	1,000.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5 + 2 + 1.5 + 2 + 2 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	2014	1,500.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5 + 1 + 2 + 4 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	2019	1,000.0	Beli habis dan Modal Pertumbuhan	5 + 1 + 1 + 4 tahun	Sedang Dilaburkan
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	2011	400.0	Modal Pertumbuhan	6 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	2013	240.0	Modal Pertumbuhan	7 + 1 + 1 + 1 + 1 tahun	Telah Dilaburkan

3 JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN

	2022 RM Juta	2021 RM Juta
Pelaburan langsung	3,500.0	3,500.0
Penyumberan luar	640.0	640.0
	4,140.0	4,140.0
Jumlah dana sedia ada untuk pelaburan, termasuk modal persendirian	4,402.0	4,402.0

4 RINGKASAN PRESTASI DANA**a. Ringkasan Aktiviti Pelaburan Terkumpul**

	Bilangan Pelaburan	Pelaburan Komited RM juta	Jumlah Modal Dilabur di dalam Ekonomi Malaysia RM juta
2022			
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi	11	1,258.2	1,380.3
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	16	1,074.9	1,074.9
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	20	1,694.1	1,694.1
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	1	69.6	69.6
Jumlah – Pelaburan Langsung	48	4,096.8	4,218.9
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	15	264.0	708.4
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	8	75.6	140.6
Jumlah – Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar	71	4,436.4	5,067.9
2021			
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi	11	1,258.2	1,380.3
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	16	1,074.9	1,074.9
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	19	1,672.5	1,672.5
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	1	69.6	69.6
Jumlah – Pelaburan Langsung	47	4,075.2	4,197.3
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	15	264.0	708.4
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	8	75.6	140.6
Jumlah – Penyumberan Luar	23	339.6	849.0
Jumlah – Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar	70	4,414.8	5,046.3

Maklumat Kewangan Utama 2022

4 RINGKASAN PRESTASI DANA (SAMBUNGAN)

b. Ringkasan Aktiviti Realisasi Terkumpul

	Jumlah Bilangan Realisasi	Jumlah Terealisasi RM juta
Dana Langsung		
2022		
Dana Ekuinas Direct (Tranche I) – Terealisasi	11	1,624.4
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	11	901.1
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	6	645.3
Jumlah	28	3,170.8
2021		
Dana Direct (Tranche I) – Terealisasi	11	1,624.4
Dana Direct (Tranche II)	11	901.1
Dana Direct (Tranche III)	6	645.3
Jumlah	28	3,170.8

c. Ringkasan Prestasi Kewangan Terkumpul

	Pulangan Kasar Portfolio/ (Kerugian) RM juta	Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR)	IRR Bersih
Dana Langsung			
2022			
Dana Ekuinas Direct (Tranche I)	716.6	11.9% setahun	8.6% setahun
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	133.5	3.1% setahun	-2.1% setahun
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)	91.1	77.2% setahun	8.4% setahun
2021			
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)	654.0	12.1% setahun	8.6% setahun
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)	(125.3)	-4.3% setahun	-10.4% setahun
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)*	–	N/M*	N/M*
Dana Penyumberan Luar			
2022			
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	82.0	4.1% setahun	3.4% setahun
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	(14.4)	-2.7% setahun	-3.8% setahun
2021			
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	60.5	3.3% setahun	2.5% setahun
Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)	(4.4)	-0.8% setahun	-2.0% setahun

* Prestasi Kewangan untuk Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) tidak dibentangkan pada tahun 2021 kerana dana masih di peringkat awal pelaburan

4 RINGKASAN PRESTASI DANA (SAMBUNGAN)**d. Prestasi Objektif Sosial – Gabungan Pelaburan Langsung dan Penyumberan Luar**

	Ekuiti Bumiputera Dicipta		Jumlah Ekuiti Dicipta	
	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan	Nilai RM juta	Gandaan Modal Dilaburkan
2022	6,506.1	1.6x	8,195.4	2.1x
2021	5,874.7	1.5x	7,694.6	2.0x


5 EKUITI NASIONAL BERHAD (SYARIKAT PENGURUSAN DANA)

	2022 RM juta	2021 RM juta
Jumlah Dana di bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	4,140.0
Perbelanjaan Operasi (OPEX)	38.3	33.7
Nisbah OPEX kepada FuM	0.9%	0.8%
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat (PATZ)	1.1	12.1

Sorotan Kewangan Selama Lima Tahun

JUMLAH DANA DITERIMA

RM3.95 bil RM4.0 bil RM4.0 bil RM4.0 bil RM4.0 bil



■ Nilai terealisasi terkumpul pada akhir tahun sebelumnya
■ Dana diterima pada tahun semasa

JUMLAH BILANGAN DAN NILAI PELABURAN KOMITED

RM3.9 bil RM4.1 bil RM4.4 bil RM4.4 bil RM4.4 bil



■ Program Penyumberan Luar
■ Pelaburan Langsung

JUMLAH KEMASUKAN MODAL KE DALAM EKONOMI NEGARA


RM4.6 bil RM4.8 bil RM5.0 bil RM5.0 bil RM5.1 bil



■ Program Penyumberan Luar
■ Pelaburan Langsung


PELABURAN LANGSUNG – JUMLAH BILANGAN DAN TEREALISASI DARI PELUPUSAN

RM2.7 bil RM3.1 bil RM3.2 bil RM3.2 bil RM 3.2 bil




■ Nilai terealisasi terkumpul pada akhir tahun sebelumnya
■ Nilai terealisasi pada tahun semasa

**PRESTASI DANA – DANA EKUINAS DIRECT
(TRANCHE II)**




**PRESTASI DANA – DANA EKUINAS DIRECT
(TRANCHE III)**



**JUMLAH NILAI EKUITI BUMIPUTERA
DAN PEMEGANG SAHAM LAIN YANG TERCIPTA**



**JUMLAH DANA DI BAWAH PENGURUSAN (FUM) DAN
NISBAH FUM KEPADA PERBELANJAAN OPERASI (OPEX)**



“

Ekuinas akan terus **menempa pertumbuhan mampu** untuk industri ekuiti persendirian (PE) Malaysia dan membangunkan syarikat-syarikat peneraju Malaysia, serta **menempatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang utama di rantau ini.**

”



PERTUMBUHAN EBITDA PORTFOLIO

31.3%



**PERTUMBUHAN PENDAPATAN PORTFOLIO DISATUKAN
30.2%**

RAJA TAN SRI DATO' SERI ARSHAD RAJA TUN UDA
Pengerusi |



Perutusan Bersama **Pengerusi & Ketua Pegawai Eksekutif**

**SYED YASIR ARAFAT
SYED ABD KADIR**
Ketua Pegawai Eksekutif



Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

PIHAK BERKEPENTINGAN YANG DIHORMATI,

Tahun 2022 memaparkan dua separuh tahun yang berbeza. Ia bermula dengan sentimen positif, dipacu oleh kegairahan pemuliharaan ekonomi pasca-pandemik dan kejayaan pelan pelaksanaan vaksin di seluruh dunia. Secara global, Ekuasi Persendirian (PE) terus mengekalkan momentumnya dan mencapai rekod urusniaga baharu dalam separuh pertama tahun 2022, dengan nilai belian keluar sebanyak USD512 bilion, kedua tertinggi selepas jumlah tahunan yang direkodkan pada tahun 2021¹.

Namun demikian, separuh kedua tahun 2022 (2H2022) mengalami perubahan drastik ke prestasi negatif di peringkat global, apabila bank-bank pusat utama memulakan peningkatan kadar faedah yang agresif, mencatatkan kenaikan kadar faedah terbesar dan terpanas dalam dua dekad yang lalu, dengan tujuan untuk menangani inflasi yang meningkat². Pada tahun 2022 sahaja, Bank Pusat Amerika Syarikat (AS) telah meningkatkan kadar sebanyak 425 mata asas (bps), atau 4.25%, untuk mengawal kadar inflasi yang melambung dan mengurangkan daya beli pengguna.

Kenaikan kadar faedah yang luar biasa, yang mencatat tahap tertinggi dalam 40 tahun, sangat signifikan, memandangkan AS telah menikmati kadar faedah sifar selama 15 tahun dan sistem kewangan yang penuh dengan 'dana murah'. Urusniaga berkurang dengan kos pendanaan yang meningkat, lantas mengurangkan kegairahan dalam pasaran modal global. Walau bagaimanapun, aktiviti terus berlanjutan, meskipun pada kadar yang lebih rasional menjelang 2H2022, dan dengan saiz transaksi yang lebih kecil.

Dengan berakhirnya 'wang murah', ditambah pula dengan halangan makroekonomi seperti konflik Rusia-Ukraine, ketegangan yang meningkat di antara China-AS, dan gangguan rantai bekalan, secara keseluruhan mengakibatkan jangkaan pertumbuhan global menurun. Tekanan yang meningkat akibat kenaikan pesat harga tenaga, makanan dan bahan mentah telah memberi cabaran baru kepada perniagaan-perniagaan yang sememangnya sudah bergelut dengan pelbagai disrupti yang disebabkan oleh pandemik.

TINJAUAN PASARAN: KESAN DARIPADA BERAKHIRNYA 'WANG MURAH'

Sekali lagi, prestasi pasaran persendirian global mengatasi pasaran awam walaupun pelaburan, pelepasan, dan pengumpulan dana yang memuncak pada tahun 2021, menurun menjelang 2H2022. Tahun berakhir dengan jumlah dana tidak digunakan mencatat rekod sebanyak USD3.7 trillion, dan Rakan Kongsi Am (GPs), seperti biasa, menunjuk minat untuk melaburkan modal secepat mungkin. Walau bagaimanapun, peserta pasaran tetap berhati-hati sambil mencari petanda yang lebih jelas tentang hala tuju pasaran.

Di Asia Pasifik (APAC), aktiviti urusniaga mengalami penurunan yang ketara. Penggabungan dan pengambilalihan (M&A) dalam PE menurun pada tahun 2022 kepada 2,070 urusniaga dengan nilai yang diumumkan sebanyak USD533 bilion berbanding dengan 2,921 urusniaga pada tahun 2021 dengan nilai yang diumumkan sebanyak USD1,002 bilion.


Di Asia Tenggara (SEA), pembeli strategik bersedia membayar premium tinggi untuk aset di Asia Tenggara dengan median nisbah harga kepada pendapatan (P/E) 19.6x berbanding dengan P/E purata 14.8x untuk urusniaga yang dilakukan pada tahun 2022³. Namun, trend global tetap konsisten dengan jumlah urusniaga keseluruhan menurun seiring dengan prestasi global.

Pertumbuhan di ASEAN agak lambat. Semua trend menyebabkan penguncupan kewangan terutamanya selepas kadar faedah yang rendah selama tempoh yang panjang dan penurunan daya beli isi rumah mengekang perbelanjaan. Di tengah persekitaran yang penuh ketidakpastian pada tahun 2022, Ekuinas mengambil sikap berhati-hati. Kami mengekalkan fokus untuk meningkatkan ketahanan dan kecekapan syarikat-syarikat portfolio kami untuk melindungi pemuliharaan mereka. Pengajaran yang dipetik dari pengalaman selama dua (2) tahun sepanjang pandemik kekal hingga kini, memberi perspektif yang penting dan kritikal.

¹ Sumber: *Shifting Gears: Private Equity Report Midyear 2022*, Bain & Company – 18 June 2022

² Sumber: *Global historical rates deliver historical rate hike blast in 2022* – 24 December 2022

³ Sumber: Mergermarket

Aktiviti Tawaran M&A Asia Pasifik

Sumber: Mergermarket, "Deal Drivers: APAC HY 2022" (Aug 2022)

Jumlah Aktiviti M&A di Asia Tenggara Melibatkan PE, 2018 – YTD 2022

Sumber: Mergermarket as of 15th Nov 2022

Momentum pengguna pada tahun 2021 didorong oleh berbelanja seakan 'balas dendam' dan perbelanjaan secara fizikal di kedai-kedai hampir terhenti, menyebabkan syarikat-syarikat portfolio kami terjejas secara ketara. Penekanan diberikan kepada digitalisasi, kecemerlangan operasi, dan peningkatan portfolio produk bagi syarikat-syarikat kami dalam industri peruncitan, makanan dan minuman, dan perkhidmatan khususnya, untuk memastikan mereka kekal bersaing.

Malaysia kekal tegar. Perbelanjaan pengguna meningkat ekoran daripada pengeluaran sebanyak RM91 bilion daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)⁴, yang turut disokong oleh langkah pemulihan selepas COVID-19. Ini termasuk penghapusan perintah kawalan pergerakan (PKP) dan pembukaan semula sempadan. Banyak sektor seperti perkhidmatan dan peruncitan melihat peningkatan pengunjung hasil daripada perbelanjaan pengguna yang bertambah kukuh, menunjukkan optimisme pemulihan ekonomi. Namun, Indeks FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBMKLCI) kekal tidak berganjak, mengakhiri tahun 2022 dengan penurunan sebanyak 4.6% kepada 1,495.49 mata daripada pembukaan tinggi sebanyak 1,567.53 mata pada 2021⁵. Tahun ini menyaksikan prestasi yang baik bagi saham-saham perbankan serta beberapa saham komoditi dan minyak dan gas yang berkaitan dengan kenaikan kadar faedah dan harga komoditi. Sementara itu, indeks teknologi (-34.43%) mengalami penurunan yang ketara berikutan kejatuhan saham-saham teknologi global manakala indeks kesihatan (-24.11%) turut terjejas akibat penjualan saham syarikat-syarikat sarung tangan selepas pandemik⁶. Pada masa yang sama, nisbah harga kepada keuntungan (P/E) menurun, jatuh dari 22.8x pada tahun 2020 kepada 15.0x pada tahun 2021 dan kepada 14.1x pada tahun 2022⁷.

DISIPLIN DALAM DISRUPSI

Mengekalkan disiplin pelaburan kami dalam keadaan pasaran yang meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, jelas memberi hasil yang positif. Kenaikan dan kejatuhan dramatik dalam pasaran meninggalkan ramai pelabur terperangkap dengan pegangan portfolio yang tidak cair dan penilaian yang jauh lebih rendah daripada yang dijangka. Sektor teknologi yang pada suatu masa dahulu menjadi idaman pasaran awam dan persendirian, mengalami penurunan nilai secara cepat dan mendalam akibat pemecatan secara besar-besaran yang menyukarkan pengumpulan dana.

Sering dikatakan, untuk menikmati kejayaan, kita perlu belajar bagaimana untuk berjaya. Mencari peluang walaupun dalam keadaan pasaran tidak menentu dan membina perniagaan yang kukuh untuk mengharungi cabaran dan ketidakpastian, secara konsisten, tetap menjadi keutamaan kami.

Tahun ini juga memberi peluang untuk kami mengkaji hala tuju, untuk memastikan bahawa strategi perniagaan kami dan syarikat-syarikat portfolio kami kekal tegar dan bersedia untuk mencatat pertumbuhan baru. Kami mengambil inspirasi dari perkataan '**Disrupsi**', dan tema '**Disiplin dalam Disrupsi**' untuk laporan tahunan tahun ini mencerminkan perspektif dan kebolehan kami dalam mengenalpasti berlian dan permata di tengah persekitaran yang membelenggu serta kejayaan kami dalam terus mengekalkan impak positif dalam pasaran yang baik maupun yang mencabar.

⁴ Sumber: RM145.5 billion in EPF withdrawals since 2020, The Star

⁵ Sumber: Bursa expects short-term market volatility in 2023

⁶ Sumber: Bursa Malaysia's biggest movers in 2022, The Edge

⁷ Sumber: Financial Times, Bloomberg (as at 28 October 2021)


Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

MEMPERTAHANKAN FOKUS

Fokus kami untuk tahun 2022 adalah dua fasa: penyaluran modal yang efisien dari Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) dan pemerbadanan Dana Asas iaitu dana baru kami bernilai RM100 juta yang disasarkan untuk syarikat Bumiputera bersaiz sederhana, dan juga menyelesaikan pelupusan Dana Ekuinas Direct (Tranche II) dan Ekuinas Direct (Tranche III) serta penciptaan nilai berterusan bagi syarikat-syarikat portfolio kami tetap menjadi keutamaan. Dari segi perspektif strategik, kami bertumpu untuk menangani apa yang kami lihat sebagai jurang-jurang dalam ekosistem pelaburan persendirian kami.

Di bawah ILTIZAM, yang merupakan cabang tanggungjawab sosial korporat Ekuinas, kami mengambil pendekatan untuk mempergiatkan peluang untuk masyarakat Bumiputera dalam bidang Pendidikan, Keusahawanan dan Komuniti melalui pelbagai inisiatif yang berkaitan dengan literasi awal dan pendidikan, peluang pekerjaan dan pendapatan, usaha mentor di peringkat awal, dan sokongan untuk perniagaan yang berpotensi tinggi untuk berkembang. Di bawah tunggak Keusahawanan, pelancaran ILTIZAM Catalyst melengkapkan inisiatif ILTIZAM Advance kami untuk menawarkan bantuan teknikal dalam bidang-bidang yang ditetapkan serta yang disesuaikan khas, juga pementoran untuk membantu perniagaan-perniagaan kecil dan sederhana yang berpotensi berkembang maju ke tahap seterusnya. ILTIZAM Sosial dan ILTIZAM Ihsan pula memberikan sokongan peningkatan kapasiti kepada usahawan mikro. Gambarajah di bawah ini menggambarkan hasrat kami dalam memajukan ekosistem keusahawanan dan profil syarikat sasaran serta saiz. Pendekatan ini tidak hanya selaras dengan Kerangka Alam, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) kami, tetapi juga berfungsi untuk mengukuhkan dan memperkuat usaha dan impak ke atas komuniti.

Ekosistem Keusahawanan yang dicakupi oleh Ekuinas



Matlamat kami sebagai sebuah perniagaan dan syarikat PE berkait rapat dengan nilai-nilai serta objektif sosial kami. Oleh itu, ia merupakan perkembangan semulajadi apabila Ekuinas memperkenalkan Kerangka ESG pada tahun 2022. Kerangka ini merangkumi Ekuinas dan juga menjadi asas untuk syarikat-syarikat portfolio kami.



MENINGKATKAN ESG DALAM EKOSISTEM KAMI

Matlamat kami sebagai sebuah perniagaan dan syarikat PE berkait rapat dengan nilai-nilai serta objektif sosial kami. Oleh itu, ia merupakan perkembangan semulajadi apabila Ekuinas memperkenalkan Kerangka ESG pada tahun 2022. Kerangka ini merangkumi Ekuinas dan juga menjadi asas untuk syarikat-syarikat portfolio kami. Selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG), kerangka tersebut sejajar dengan peranan kami sebagai pemangkin kepada pembangunan perniagaan dan ekonomi negara.

Segala usaha kami berlandaskan matlamat jangka panjang syarikat iaitu mamangkin impak komersial dan impak positif yang lebih bermakna untuk komuniti, lantas mengembangkan ekuiti Bumiputera. Kami bangga kerana usaha berterusan kami untuk memperdalam dan meluaskan komitmen kami terhadap kelestarian terus mencatat kejayaan. Dalam tahun pertama pelaksanaan pelan ESG, Ekuinas mencapai 100% matlamat dan tonggak ESG seperti yang ditetapkan dalam kerangka ESG kami. Sepanjang tahun, kami bekerjasama dengan syarikat-syarikat portfolio untuk membantu dari segi strategi dan pencapaian kelestarian sambil menyokong mereka dalam menghadapi cabaran-cabaran unik yang dihadapi bagi setiap syarikat.

Maklumat lanjut mengenai pencapaian pelaksanaan kerangka ESG boleh didapati di halaman 99 laporan ini.

SOROTAN KEWANGAN

Syarikat-syarikat portfolio kami sekali lagi mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, dengan Al-Ikhlas Sports and Orkim menjadi peneraju utama. Kami juga menubuhkan Dana Asas, dana pelaburan langsung baharu bernilai RM100 juta dengan tujuan untuk memperkuatkan sokongan kami kepada syarikat-syarikat Bumiputera bersaiz sederhana yang berpotensi. Dana Asas diumumkan pertama kali semasa Bajet 2023 pada November tahun lalu. Kami telah melaksanakan pelaburan sulungnya dalam Eagle Cliffe (M) Sdn Bhd, yang memiliki rangkaian 19 cawangan Kaisar Farmasi di sekitar Lembah Klang.

Kami melaksanakan pelaburan tambahan untuk Davex dengan pembelian Xenergi Sdn Bhd. Pada masa yang sama, syarikat-syarikat

portfolio kami melakukan beberapa pelaburan tambahan dengan dana yang dijana secara dalaman, iaitu Medispec dengan pembelian Ascen Plus Pharmacy Sdn Bhd dan Exabytes dengan pembelian Infinity Consulting Technology Sdn Bhd, yang memiliki Aegis. ICON Offshore mengambil keuntungan besar dari pelupusan pelantar dongkraknya, dengan jumlah pulangan sebanyak 200% dalam tempoh hanya 22 bulan selepas pembeliannya.

Butiran lanjut tentang inisiatif yang dilaksanakan Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio kami dapat dibaca seterusnya dalam laporan ini.

Pada tahun ini, jumlah dana kumulatif yang diterima mencapai RM4.0 bilion. Kami terus menyokong ekonomi dengan komitmen pelaburan berjumlah RM4.4 bilion (TK2021: RM4.4 bilion) dan jumlahnya disalurkan ke dalam ekonomi Malaysia sebanyak RM5.1 bilion (FY2021: RM5.0 bilion). Pada akhir tahun 2022, portofolio pelaburan kumulatif kami terdiri daripada 71 buah pelaburan, di antaranya, 48 adalah pelaburan langsung sementara 23 adalah melalui program penyumberan luar.

Meskipun tahun 2021 membawa kekangan bagi aktiviti pelaburan dan pelupusan berikutan perintah kawalan pergerakan yang berpanjangan dan berulang akibat pandemik, trend dan kadar faedah yang meninggi memberi cabaran-cabaran baru bagi tahun 2022, membawa kepada sentimen pengguna yang lebih lemah, yang turut menjejas prestasi syarikat portfolio kami terutama yang di dalam sektor pengguna, peruncitan dan pembuatan, atau di dalam sektor yang dianggap bukan perkhidmatan penting. Salur urusniaga berpotensi kami tetap sihat dan kami terus mempertahankan disiplin pelaburan di tengah pasaran yang penuh ketidakpastian.

Dari segi prestasi keseluruhan, kami terus memantau Navis Capital Partners, untuk pelupusan yang tepat pada masanya buat Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I), dan juga bagi Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II) untuk TAEL Partners, RM Capital Partners, dan COPE Private Equity.

PRESTASI DANA-DANA KAMI

Kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa semua dana mencatatkan pertumbuhan positif yang kukuh. Dana Ekuinas Direct (Tranche II) mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar (GPR) berjumlah RM716.6 juta, dan Kadar Pulangan Dalaman Kasar (IRR) sebanyak 11.9% setahun (TK2021: RM654.0 juta dan 12.1% setahun masing-masing). Sementara itu, Dana Ekuinas Direct (Tranche III) mencatatkan GPR berjumlah RM133.5 juta, dan IRR sebanyak 3.1% setahun berbanding dengan prestasi negatif pada tahun sebelumnya (TK2021: Kerugian Portfolio Kasar berjumlah RM125.3 juta dan IRR -4.3%). Meskipun prestasi Dana Ekuinas Direct (Tranche III) kekal negatif, namun ia mencatat peningkatan yang signifikan dan berterusan sejak beberapa tahun yang lalu, hasil dari usaha kami yang konsisten untuk memperkuatkan prestasi kewangan dan operasi ICON Offshore setelah beberapa tahun mengalami hasil yang kurang memberangsangkan akibat kejatuhan harga minyak global.

Untuk tahun 2022, kami mencatat pertumbuhan pendapatan yang disatukan sebanyak 30.2% dan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak 31.3%, jauh di atas prestasi TK2021 yang masing-masing mencatatkan 12.3% dan 27.2%.



Kami mencatat pertumbuhan pendapatan yang disatukan sebanyak **30.2%** dan pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) sebanyak **31.3%**, jauh di atas prestasi TK2021 yang masing-masing mencatatkan **12.3%** dan **27.2%**.



Prestasi Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I) kami mengalami peningkatan dengan IRR kasar sebanyak 4.1%, dibandingkan dengan prestasi tahun 2021 sebanyak 3.3%. Sebaliknya, prestasi Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II) kekal murung dengan IRR Kasar sebanyak -2.7% di bawah prestasi tahun 2021 sebanyak -0.8%.

Beralih ke prestasi bukan-kewangan kami pula, khususnya untuk ekuiti Bumiputera, Dana Langsung dan Dana Penyumberan Luar Ekuinas mencatatkan peningkatan dalam pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak RM6.5 juta atau 1.6 kali ganda dari jumlah modal yang dilabur. (TK2021: RM5.9 juta dan 1.5 kali ganda modal yang dilabur).

AKTIVITI PENCIPTAAN NILAI

Di dalam penciptaan nilai, kami terus menerapkan pendekatan khusus yang berbeza, disesuaikan untuk setiap syarikat portfolio kami untuk menangani isu-isu yang mendesak dan merangsang pertumbuhan di dalam setiap syarikat. Di antara lapan (8) teras pertumbuhan dan pembangunan, pembangunan produk dan keupayaan diberi keutamaan, diikuti oleh bakat, pemasaran, dan penjenamaan. Selain daripada membina kecemerlangan operasi, daya tahan dan ketangkasian, aktiviti penciptaan nilai kami difokuskan pada menyokong pertumbuhan pendapatan syarikat-syarikat portfolio. Digitalisasi terus diutamakan di tahun 2022 sebagai tulang belakang untuk kecekapan operasi dan jangkauan, dua aspek penting dalam mengemudi persekitaran yang semakin tidak stabil dan tidak menentu.

1. Revenue Valley

Untuk menarik semula perhatian pengguna dan meningkatkan pengenalan jenama, kami bekerjasama rapat dengan rakan-rakan industri untuk meningkatkan interaksi dan pengalaman pelanggan tatkala mereka mengunjung ke restoran-restoran Revenue Valley. Kami bekerjasama dengan chef selebriti Dato' Fazley Yaakob sebagai duta jenama dan melancarkan hidangan baru di Tony Roma's and The Manhattan FISH MARKET. Kolaborasi antara Tony Roma's, The Manhattan FISH MARKET, dan New York Steak Shack dengan myBurgerLab menghasilkan menu yang menyegarkan dan meningkatkan penembusan jenama dan bahagian pasaran. Rancangan untuk mengembangkan cawangan juga sedang dilaksanakan dengan pembukaan cawangan baru The Manhattan FISH MARKET di One Utama dan beberapa lagi dalam perancangan untuk tahun 2023.

Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

2. Cosmopoint Group

Kami terus menyokong dan menekankan akses kepada pendidikan berkualiti tinggi. Pada tahun 2022, kami memperluas lagi program-program untuk segmen pelajar dewasa yang bekerja. Cosmopoint melancarkan program pasca-siswazah dan pembelajaran jarak jauh dalam talian di Universiti dan Kolej Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC), dalam mempromosikan pembelajaran berterusan atau sepanjang hayat. Kami juga meningkatkan program-program teknikal seperti Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), program UNITAR di kolej-kolej Cosmopoint, dan memperkenalkan program kelayakan mikro yang dapat diselesaikan dalam jangka masa yang lebih singkat untuk individu yang sibuk. Ekuinas juga menubuhkan pusat-pusat kerja untuk membina kerjasama dengan pihak industri demi membuka peluang bagi latihan praktikal dan latihan industri.

3. UNITAR

Ekuinas mengambil pelbagai inisiatif untuk menyokong matlamat UNITAR dalam mewujudkan ekosistem pembelajaran yang holistik dan inovatif. Kami memperkenalkan 15 program akademik baru, dari peringkat Sijil sehingga PhD. Kami juga melaksanakan Program UNITAR Passport 2.0 untuk meningkatkan akses kepada program kelayakan mikro yang memberi lebih fleksibiliti dan pendidikan praktikal, selaras dengan kedudukan UNITAR sebagai institusi utama dalam peluang pendidikan sepanjang hayat untuk orang dewasa yang bekerja. Selain daripada meningkatkan penawaran kursus, kami juga menubuhkan UNITAR Graduate School dan melantik barisan profesor *adjunct* dan pensyarah berkelulusan PhD untuk memartabatkan kualiti.



4. Exabytes

Keperluan digitalisasi dan pelaksanaan langkah-langkah keselamatan siber untuk melindungi aset perniagaan menjadi semakin penting dari segi komersial dan sudut pengawal seliaan. Dengan itu, Ekuinas bekerjasama dengan pasukan Exabytes untuk melancarkan produk *web hosting V13* dan *virtual private servers (VPS)* baru di seluruh Malaysia, Singapura, dan Indonesia. Melalui pengambilalihan syarikat Infinity Consulting Technology Sdn Bhd yang memiliki Aegis pada bulan Mei 2022 dan penubuhan kerjasama dengan Amazon Web Services (AWS) dan Huawei Cloud Services, Exabytes kini berada di barisan hadapan transformasi digital berpusat awan untuk Malaysia dan serantau. Ini adalah tambahan kepada peningkatan penawaran produk perniagaan dan keselamatan siber. Exabytes juga bekerjasama dengan 91App untuk menawarkan penyelesaian runcit baru kepada pelanggan runcit yang ingin membina dan memperluas kehadiran mereka di pasaran maya.

5. Flexi Versa Group (FVG)

Pada tahun 2022, FVG memperluas asas operasinya di China dengan penubuhan kilang di Zhuhai. Selain itu, Ekuinas sedang dalam proses akhir penilaian sebuah pelaburan tambahan berpotensi dalam segmen komponen beracuan getah, yang juga menghasilkan komponen getah untuk peranti perubatan. Sebagai sebahagian daripada pelan pertumbuhan dalam segmen perubatan, kami telah memberi tumpuan untuk memperluas bakat dalaman dengan merekrut kakitangan kanan dan menyediakan pelan pembangunan bakat yang teguh untuk memperkuuhkan barisan bakat FVG dan menguruskan perkembangan perniagaan.

6. Davex

Sebagai sebahagian daripada pelan pertumbuhan serantau, Ekuinas bekerjasama rapat dengan Davex untuk meneroka peluang meningkatkan kehadirannya dalam pasaran, terutamanya dalam penyelesaian tenaga solar. Kami juga telah menubuhkan kerjasama untuk memperkenalkan dan menawarkan lebih banyak



produk pintar memandangkan penyelesaian pintar semakin mendapat sambutan di kalangan pengguna. Dengan pengambilalihan Xenergi Sdn Bhd sebagai pelaburan tambahan untuk Davex, Davex berada dalam kedudukan unik untuk menawarkan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui atau *renewable energy* (RE) dan kecekapan tenaga yang holistik, dengan teknologi integrasi digital untuk menerajui segmen bangunan pintar, industri dan infrastruktur pintar dan mampan.

7. ICON Offshore (ICON)

Pada tahun ini, Ekuinas telah merubah strategi ICON yang berfokus pada model perniagaan aset ringan dan perkhidmatan untuk menjadi peneraju industri tenaga menyeluruh. Untuk lonjakan ini, kami telah melibatkan pelbagai perunding, khususnya untuk pelaksanaan projek-projek teknologi maklumat (IT) yang penting, dan untuk menjalankan kajian tentang pasaran dan pesaing demi memposisikan ICON secara berkesan dalam industri ketika permintaan pasaran terhadap penyelesaian kelestarian kian berkembang. Selain itu, kami sedang meneroka perniagaan berdasarkan aset ringan dan perkhidmatan lain untuk mempelbagaikan penawaran ICON dalam industri tersebut. Di sebalik transformasi berterusan ini, ICON kekal sebagai salah satu peneraju utama dalam operasi kapal bekalan luar pesisir (OSV) di Malaysia, dengan penyata kewangan yang kukuh dan keupayaan yang mendalam.

8. Orkim

Prestasi Orkim terus meningkat dengan mantap, dengan pelaksanaan lima (5) kontrak utama yang baru daripada pelanggan-pelanggan utama dalam industri. Ekuinas bekerjasama rapat dengan pasukan pengurusan untuk mencapai matlamat perniagaan. Selain daripada usaha penambahbaikan dan kecekapan organisasi dalaman, kami turut membangunkan strategi bakat untuk meningkatkan pengekalan bakat, peluang pertumbuhan dan pembangunan, serta perancangan penggantian bakat. Selain usaha dalaman, kami menubuhkan segmen logistik bunker yang melengkapi model perniagaan semasa. Proses-proses BASSnet juga dioptimumkan untuk meningkatkan

produktiviti dalam pemantauan kos. Sistem komunikasi kapal turut dipertingkatkan untuk memastikan kecekapan sistem dan kejelasan.

9. Medispec

Bagi Medispec, kami memberi tumpuan untuk memperkuatkan akar-umbinya dalam industri farmaseutikal melalui kepelbagaian produk yang ditawarkan dan pengembangan ke pasaran serantau. Pada tahun ini, kami melancarkan suplemen Vitamode baharu seperti AcnoFend, DigestPro, serta Kids I-Care Gummy, dan mendaftarkan 13 produk etika baru untuk mengembangkan segmen pengguna baru dan memperluas bahagian pasaran. Kami juga meningkatkan kehadiran serantau, dan berjaya menembusi pasaran Brunei dan menjalin kerjasama dengan rakan niaga tempatan di Indonesia, Thailand dan Filipina untuk mendaftarkan produk-produk yang kami tawarkan. Di Malaysia, Ekuinas telah menyelesaikan pengambilalihan Ascen Plus Pharmacy Sdn Bhd dan ini membuka peluang untuk kami masuk ke ruang farmasi peruncitan premium - di mana kami telah membuka tiga (3) cawangan farmasi baru di Selangor dan Kuala Lumpur. Untuk menyokong pelan pertumbuhan Medispec, Ekuinas telah memperluaskan pasukan jualan, latihan, dan komunikasi untuk mencapai matlamat perniagaan.

10. Al-Ikhsan Sports

Al-Ikhsan Sports terus mengukuhkan kedudukannya sebagai peruncit sukan pelbagai jenama yang terbesar di negara ini. Pada tahun 2022, Al-Ikhsan Sports menjadi peruncit sukan nombor satu di Malaysia dari segi pendapatan, dengan bilangan cawangan atau outlet yang meluas di seluruh Semenanjung Malaysia. Kami terus bekerjasama rapat dengan Al-Ikhsan Sports untuk memastikan strategi dan keupayaan yang diperlukan kukuh dan tersedia agar syarikat dapat berkembang lebih jauh. Kami melancarkan outlet khusus Liverpool FC pertama di Sunway Pyramid dan terus mempromosikan jenama sekunder dan jenama dalaman Al-Ikhsan Sports, yang kini secara kolektif menyumbang 44% daripada jualan keseluruhan, meningkat daripada 41% pada tahun sebelumnya.



Perutusan Bersama Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif

PELABURAN DAN PELUPUSAN

Pada tahun 2022, kami membuat pelaburan modal dalam Xenergy Sdn Bhd sebagai pelaburan tambahan untuk Davex. Saluran urus niaga pelaburan langsung berpotensi kami tetap kukuh kerana pasukan urus niaga kami sentiasa aktif mencari dan mengenalpasti syarikat-syarikat berpotensi tinggi.

Ekuinas telah menubuhkan Dana Asas pada tahun 2022 dan yakin dapat melangsungkan dana sebanyak RM100 juta ini dalam tempoh tiga (3) tahun akan datang. Pada suku pertama 2023, kami melancarkan Dana Asas dengan pelaburan pertama dalam Eagle Cliffe (M) Sdn. Bhd. yang mengendalikan rangkaian Kaisar Farmasi. Kami meramalkan tahun 2023 yang sibuk menjelang penutupan Dana Ekuinas Direct (Tranch II), pelupusan dalam Dana Ekuinas Direct (Tranch III), dan pelaburan bagi Dana Ekuinas Direct (Tranch IV) dan Dana Asas.

Kami sedar akan cabaran dalam proses usaha wajar, bukan sahaja dalam memahami keunikan setiap perniagaan tetapi juga faktor-faktor makro dan perubahan yang berlaku yang memberi impak dan mengganggu persekitaran operasi, perniagaan, dan industri.

MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KAMI

Ekuinas tetap komited dalam mencipta nilai jangka panjang dan impak sosial positif dengan menyokong dan memudahkan pembangunan sosial yang berterusan. Melalui inisiatif-inisiatif dan platform kami, kami berhasrat membuka peluang untuk individu, keluarga, dan komuniti, terutamanya di kalangan Bumiputera, untuk berkembang dan mencapai kejayaan yang berkekalan dan lestari. Kami mencapai hasrat ini dengan meningkatkan bakat dan pemilikan ekuiti Bumiputera secara keseluruhan dalam syarikat-syarikat portfolio kami sambil terus berusaha ke arah mencapai sasaran sosial dan komersial kami.

Pada tahun ini, dana langsung dan penyumberan luar Ekuinas berjaya meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera sebanyak RM6.5 bilion atau 1.6 kali modal yang dilaburkan (TK2021: RM5.9 bilion dan 1.5 kali). Terdapat juga peningkatan sebanyak 21.9% dalam anggota pengurusan Bumiputera dan peningkatan keseluruhan sebanyak 14.4% dalam bilangan pekerja Bumiputera sejak kehadiran Ekuinas (TK2021: 19.4% dan 12.3% masing-masing) di semua syarikat dalam portfolio kami.

Kami juga gembira dengan kemajuan sosial yang dicapai melalui ILTIZAM. Melalui kerangka CSR ILTIZAM yang kukuh dan mampan, kami secara konsisten dan sistematik, kami terus berhubung dan mencipta peluang dan impak yang bermakna untuk usahawan, belia dan masyarakat Bumiputera yang kurang bernasib baik serta komuniti yang kurang dibantu.

Pada tahun 2022, ILTIZAM, melalui teras-teras utamanya telah mengagihkan RM19.6 juta yang telah memanfaatkan sekurang-kurangnya 22,000 orang individu, keluarga, dan usahawan Bumiputera. Ini menjadikan jumlah sumbangan Ekuinas untuk usaha CSR mencecah RM87.9 juta sejak penubuhannya. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk

bahagian ILTIZAM oleh Ekuinas pada halaman 102 hingga 109 laporan ini untuk ulasan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan pada tahun ini.

Skim Zakat Wakalah, di mana Ekuinas bertindak sebagai wakil bagi Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP), telah mengagihkan sejumlah RM141,006 kepada 60 penerima yang layak sebagai bantuan untuk kos perubatan, bantuan banjir, dan yuran pengajian. Selain daripada itu, RM441,011 telah disalurkan kepada 351 orang pelajar asnaf di Kolej Cosmopoint dan Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC) sebagai bantuan yuran pengajian dan sokongan kewangan akibat banjir kilat yang melanda pada Disember 2021 dan Januari 2022.

PERSPEKTIF UNTUK TAHUN 2023: OPTIMIS NAMUN BERHATI-HATI

Halatuju makroekonomi dan sentimen yang agak lemah akibat separuh kedua tahun 2022 yang kurang memberangsangkan berlanjut hingga ke tahun 2023. Meskipun sebagian besar konflik geopolitik masih belum selesai, perniagaan-perniagaan terus mara ke hadapan dengan berfokus pada keunggulan operasi, daya ketahanan dan ketangkasanan, dengan kesedaran bahawa gangguan dan disrupti boleh berlaku pada bila-bila masa dan kekangan-kekangan seperti perubahan dalam sektor tenaga, isu perubahan iklim, dan dekarbonisasi ekonomi serta ancaman kepada keselamatan makanan pasti akan berulang.

Pada tahun 2023, kami menjangkakan pertumbuhan yang sederhana di peringkat domestik, didorong oleh sektor-sektor perkhidmatan borong dan runcit, pembinaan dan pembuatan, apabila pasaran beransur pulih dari kesan ekonomi yang bergelora pada tahun 2022. Pertumbuhan dalam sektor pembuatan dijangkakan memandangkan permintaan yang meningkat secara keseluruhan, terutamanya dalam industri elektrik dan elektronik serta sektor automotif, sejajar dengan meningkatnya minat terhadap kendaraan elektrik. Perkembangan sektor pertanian diharapkan, berikutan peningkatan hasil minyak kelapa sawit mentah (CPO) serta permintaan yang meningkat untuk penternakan dan perikanan, ukuran agenda keselamatan makanan yang masih diutamakan Kerajaan. Permintaan untuk sektor perlombongan, khususnya minyak dan gas, juga diharapkan meningkat, seiring dengan peningkatan aktiviti ekonomi.

Di Ekuinas, inisiatif-inisiatif yang akan kami utamakan termasuk:

- i. Melaksanakan Kerangka ESG kami yang memasuki tahun kedua pelaksanaan. Kami sedang berusaha meraih manfaat yang maksima dari piawaian dan amalan terbaik serta data yang ada untuk meningkatkan prestasi kami dan juga profil syarikat-syarikat portfolio kami di kalangan audien sasaran mereka.
- ii. Mengukuhkan ekosistem dan platform keusahawanan baru kami, ILTIZAM Catalyst yang disasarkan membantu pengusaha kecil dan sederhana (IKS) dengan menyediakan bantuan teknikal dalam kritikal seperti pengurusan kewangan, pemasaran dan penjenamaan, adaptasi digital dan kepimpinan, melalui barisan perunding dan penasihat profesional.

- iii. Melangsungkan pelaburan di bawah Dana Asas yang berjumlah RM100 juta, dengan nilai pelaburan di antara RM10 juta hingga RM30 juta bagi setiap urusniaga, untuk membantu perusahaan sederhana berkembang ke peringkat seterusnya.
- iv. Menyelesaikan pelupusan Dana Ekuinas Direct (Tranche II) dan Dana Ekuinas Direct (Tranche III) di samping melangsungkan pelaburan untuk Dana Ekuinas Direct (Tranche IV).

Seiring dengan gelombang digitalisasi, kesedaran dan minat terhadap sektor makro seperti kesihatan, kesejahteraan, dan kepintaran buatan (AI), kami aktif mencari peluang-peluang urusniaga yang berpotensi dan yang akan beroleh keuntungan dari gelombang atau trend semasa. Dengan saluran potensi tinggi urusniaga yang kukuh, dana yang cukup dan keyakinan di atas kemampuan kami untuk mengenalpasti urusniaga berpotensi tinggi, melabur dan menjana nilai, kami menjangkakan peluang-peluang untuk melangsungkan urusniaga dan pelaburan berdasarkan penilaian yang lebih realistik.



Seiring dengan gelombang digitalisasi, kesedaran dan minat terhadap sektor makro seperti kesihatan, kesejahteraan, dan kepintaran buatan (AI), kami aktif mencari peluang-peluang urusniaga yang berpotensi dan yang akan beroleh keuntungan dari gelombang atau trend semasa. Dengan saluran urusniaga berpotensi yang kukuh, dana yang cukup dan keyakinan di atas kemampuan kami untuk mengenalpasti urusniaga berpotensi tinggi, melabur dan menjana nilai, kami menjangkakan peluang-peluang untuk melangsungkan urusniaga dan pelaburan berdasarkan penilaian yang lebih realistik.



Catatan Penghargaan dan Ucapan Terima Kasih

Tahun 2022 membawa peluang-peluang baru. Walaupun persekitaran dan pasaran tetap mencabar, Ekuinas kekal gigih dan berjaya mencapai indikator prestasi utama (KPI) yang kami tetapkan. Kejayaan kami ini tidak mungkin berhasil tanpa sokongan dan dorongan konsisten daripada semua pihak berkepentingan di sepanjang perjalanan kami ini. Kami juga menghargai peluang yang diberi untuk kami memainkan peranan memaju dan mengembangkan industri ekuiti persendirian (PE) di Malaysia.

Kami merakamkan penghargaan yang mendalam kepada Kerajaan Malaysia dan Kementerian Ekonomi yang mengawasi Ekuinas. Terima kasih di atas dorongan yang diberi dan kepercayaan yang diletakkan dalam kemampuan dan kecekapan kami untuk melaksanakan mandat yang diberi.

Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah kami di atas kebijaksanaan dan bimbingan yang diberikan sejak penubuhan Ekuinas. Pencapaian dan prestasi Ekuinas, terutama tatkala persekitaran yang mencabar dan kompleks, tidak mungkin terhasil tanpa nasihat, kebijaksanaan dan ketegasan Tuan Pengerusi dan para Ahli Lembaga.

Kami ingin menyampaikan penghargaan kami kepada kakitangan di Ekuinas dan di syarikat-syarikat portfolio kami – baik yang masih berkhidmat dengan kami maupun yang pernah berkhidmat dengan kami. Kami berbangga dengan peluang untuk bekerja bersama pasukan yang gigih, berkemampuan dan bersemangat seperti anda. Kejayaan yang ditempa Ekuinas adalah hasil daripada komitmen, kontribusi dan keyakinan anda serta kepercayaan sepasukan dan cita-cita yang didukung bersama.

Ekuinas tetap teguh dalam komitmen kami untuk mencipta nilai jangka panjang bagi Kerajaan Malaysia, pihak-pihak berkepentingan dan syarikat-syarikat portfolio kami. Untuk dekad yang akan datang, kami yakin, dengan sokongan berterusan dari anda, Ekuinas akan terus menempa pertumbuhan kukuh untuk industri ekuiti persendirian (PE) Malaysia dan membangunkan syarikat-syarikat peneraju Malaysia, lantas menempatkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang utama di rantau ini.

Terima kasih. Bersama-sama, kita akan terus memacu pembangunan bagi masa depan yang cemerlang untuk Malaysia.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda
Pengerusi

Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir
Ketua Pegawai Eksekutif



4 Prestasi Ekuiñas 2022

Laporan Prestasi Pelaburan

TESIS PELABURAN

Ekuinas berhasrat untuk mengenal pasti peluang pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersaiz sederhana di Malaysia dan mentransformasi serta mengembangkan perniagaan mereka agar menjadi peneraju pasaran dan pelaburan yang menguntungkan. Selepas pelupusan aset tersebut, Ekuinas akan menerapkan proses penciptaan nilai yang sama di syarikat-syarikat lain yang layak. Gambaran di bawah menerangkan unsur-unsur utama strategi pelaburan kami.




A KESELURUHAN

1 Dana Diterima


JUMLAH DANA TERKUMPUL DITERIMA RM4.0 BILION

RM Billion



2 Penggunaan Dana

MODAL DILABURKAN BERJUMLAH RM3.2 BILION: RM3.8 BILION SUDAH DIREALISASIKAN



Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG

1 Tinjauan Dana

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE I)	DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)	DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)	DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV)
Tahun Penubuhan 2010	Tahun Penubuhan 2012	Tahun Penubuhan 2014	Tahun Penubuhan 2019
Status Terealisasi Sepenuhnya	Status Telah Dilaburkan	Status Telah Dilaburkan	Status Sedang Dilaburkan
Modal Komited RM1.0 Bilion	Modal Komited RM1.0 Bilion	Modal Komited RM1.5 Bilion	Modal Komited RM1.0 Bilion
Tempoh 5 tahun + 2 tahun + 1 tahun	Tempoh 5 tahun + 2 tahun + 1.5 tahun + 2 tahun + 2 tahun	Tempoh 5 tahun + 1 tahun + 2 tahun + 4 tahun	Tempoh 5 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 4 tahun

JANGKA MASA PELABURAN 3 TAHUN HINGGA 5 TAHUN

Bentuk & Struktur Rasmi Satu Pengurus Dana dan Satu Pelabur	Tumpuan Pelaburan Pembelian keluar dan Dana Modal Pertumbuhan	Tumpuan Geografi Malaysia	Tumpuan Industri Pendidikan, Minyak & Gas, FMCG, Peruncitan & Rekreasi, Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan
---	---	-------------------------------------	--

2 Aktiviti Pelaburan

a. Aktiviti Pelaburan Langsung tahun 2022

RM juta Syarikat Portfolio	Sektor	Pegangan	Jumlah Tahunan		
			Pelaburan Komited	Kemasukan Pelaburan Komited oleh Pihak Lain	Jumlah Modal Ekonomi
Pelaburan Susulan: 1 Xenergi Sdn Bhd (untuk Davex (Malaysia) Sdn Bhd)	Pembuatan	N/A	21.6	-	21.6

2 Aktiviti Pelaburan (sambungan)

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Secara Kumulatif sehingga 31 Disember 2022

RM juta Syarikat Porfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan	Komited oleh	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Komited	Pihak Lain	
Dana Ekuinas Direct (Tranche I)					
1 Alliance Cosmetics Group (ACG)	FMCG	20.0%			
2 Tanjung Offshore Berhad (TOB)	Minyak & Gas	24.0%			
3 Konsortium Logistik Berhad (KLB)	Perkhidmatan	61.6%			
4 APIIT Education Group (APIIT)	Pendidikan	51.0%			
5 Burger King Group (BK)	Peruncitan - F&B	74.1%			
6 Lyndarahim Ventures Sdn Bhd (SF)	Peruncitan - F&B	90.0%	1,258.2	122.1	1,380.3
7 Hasil Pendapatan Valley Group (RV)	Peruncitan - F&B	85.8%			
8 Cosmopoint Group (Cosmopoint)	Pendidikan	90.0%			
9 UNITAR International University (UNITAR)	Pendidikan	90.0%			
10 Icon Offshore Berhad (ICON)	Minyak & Gas	70.7%			
Dana Ekuinas Direct (Tranche II)					
1 Burger King Group (BKM & BKS)	Peruncitan - F&B	100.0%			
2 ICON [^]	Minyak & Gas	17.4%			
3 PrimaBaguz Sdn Bhd (PrimaBaguz)	Pembuatan Makanan	100.0%			
4 Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd (APIIT Lanka)	Pendidikan	45.9%			
5 SF*	Peruncitan - F&B	–	1,074.9	–	1,074.9
6 RV	Peruncitan - F&B	–			
7 Coolblog Apps Sdn Bhd (Coolblog)	Peruncitan - F&B	60.0%			
8 Orkim Sdn Bhd (Orkim)*	Minyak & Gas	95.5%			
9 Tenby Educare Sdn Bhd (Tenby)	Pendidikan	70.0%			
10 Tranglo Sdn Bhd (Tranglo)	Perkhidmatan Teknologi	60.0%			

* Termasuk pelaburan sambungan

[^] Penyatuan pra-saham dan terbitan-terbitan hak

Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

2 Aktiviti Pelaburan (sambungan)

b. Aktiviti Pelaburan Langsung Secara Kumulatif sehingga 31 Disember 2022 (Sambungan)

RM juta Syarikat Porfolio	Sektor	Pegangan	Pelaburan	Komited oleh	Jumlah Kemasukan Modal Ekonomi
			Komited	Pihak Lain	
Dana Ekuinas Direct (Tranche III)					
1 MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd (Medix)	Penjagaan Kesihatan	60.0%			
2 PMCare Sdn Bhd (PMCare)	Penjagaan Kesihatan	60.0%			
3 ILMU EducationGroup (ILMU)	Pendidikan	100.0%			
4 Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd (Al-Ikhsan)	Peruncitan	35.0%			
5 ICON	Minyak & Gas	–			
6 Davex (Malaysia) Sdn Bhd (Davex)	Pembuatan	100.0%			
7 RV**#	Peruncitan	94.6%			
	- F&B		1,694.1	–	1,694.1
8 Cosmopoint#	Pendidikan	90.0%			
9 UNITAR**#	Pendidikan	100.0%			
10 ICON#	Minyak & Gas	0.3%			
11 Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG)*	Pembuatan	76.1%			
12 Exabytes Network Sdn Bhd (Exabytes)	Perkhidmatan Teknologi	45.4%			
13 ICON	Minyak & Gas	55.7%			
14 ICON@^	Minyak & Gas	0.1%			
15 ICON	Minyak & Gas	–			
Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)					
1 Medispec (M) Sdn Bhd	Penjagaan Kesihatan	75.0%	69.6	–	69.6
Jumlah Kumulatif Pelaburan Dilaksanakan					
			4,096.8	122.1	4,218.9

* Termasuk pelaburan sambungan

Dipindahkan daripada Dana Ekuinas Direct (Tranche I)


@ Dipindahkan daripada Dana Ekuinas Direct (Tranche II)

^ Penyatuan pra-saham dan terbitan-terbitan hak


2 Aktiviti Pelaburan (sambungan)

c. Analisis Komposisi Pelaburan


MENGIKUT SEKTOR



MENGIKUT KATEGORI



KAWALAN BERBANDING DENGAN MODAL PERTUMBUHAN




Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)


2 Aktiviti Pelaburan (sambungan)

c. Analisis Komposisi Pelaburan (sambungan)

SYARIKAT TERSENARAI BERBANDING DENGAN SYARIKAT PERSENDIRIAN



SYARIKAT MANDIRI (STANDALONE) BERBANDING DENGAN BELI & BINA



3 Aktiviti Realisasi**Aktitiviti Realisasi Kumulatif pada 31 Disember 2022**

Syarikat RM juta	Tahun Realisasi	Pemegangan Dana	Jumlah Direalisasi
Direalisasi sepenuhnya			
TOB	2012	100.0	
KLB	2013	100.0	
BKM & BKS^	2015	100.0	
SF^	2015	100.0	
ACG	2016	100.0	
APIIT & Tenby^	2017	100.0	
Cosmopoint*	2017	100.0	3,170.8
RV*	2017	100.0	
Tranglo	2018	100.0	
Medix & PMCare	2018	100.0	
APIIT Lanka^	2019	100.0	
Primabaguz	2019	100.0	
ICON^	2019	N/A	
Coolblog	2020	100.0	
Separai direalisasi			
UNITAR*	2017	100.0	
ICON^	2014	89.1	
ICON*	2020	N/M	

[^] Pelupusan pada peringkat dana merentasi pelbagai dana

* Dipindahkan ke Dana Ekuinas Direct (Tranche III)

4 Prestasi Syarikat Portfolio**Prestasi Syarikat Portfolio – Gabungan Hasil dan EBITDA**

	Hasil (RM juta)			EBITDA (RM juta)*		
	2022 A	2021 B	Pertumbuhan A – B	2022 A	2021 B	Pertumbuhan A – B
Kumpulan Pendidikan	79.6	68.0	17.1%	7.5	7.9	-5.1%
Peruncitan - F&B	79.4	60.5	31.2%	7.3	5.7	28.1%
Minyak & Gas	510.5	485.1	5.2%	262.5	229.3	14.5%
Peruncitan	485.4	281.6	72.4%	70.3	18.7	>100%
Kumpulan Pembuatan	362.0	282.4	28.2%	24.4	7.2	>100%
Perkhidmatan Teknologi	99.0	88.2	12.2%	8.5	16.1	-47.2%
Penjagaan Kesihatan	151.1	91.8	64.6%	20.4	20.4	0.0%
Syarikat Portfolio Digabungkan	1,767.0	1,357.6	30.2%	400.9	305.3	31.3%

* EBITDA tidak termasuk sebarang butiran tidak berulang dan luar biasa (belum diaudit untuk 2022)

Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

5 Aktiviti Pelaburan (sambungan)

5.1 Dana Ekuinas Direct (Tranche II)

a. Prestasi pelaburan

	2022	2021
IRR Kasar Tahunan	11.9%	12.1%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	8.6%	8.6%

* IRR bersih diperoleh selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain


5 Aktiviti Pelaburan (sambungan)

5.1 Dana Ekuinas Direct (Tranche II) (sambungan)

b. Dana Ekuinas Direct (Tranche II) Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul

PENINGKATAN NILAI PORTFOLIO TERKUMPUL RM1.7 BILION

RM juta (Kumulatif)




^A Jumlah digabung membentuk Pulangan Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM716.6 juta pada tahun 2022

[#] Jumlah bersih pembiayaan

c. Dana Ekuinas Direct (Tranche II) Pergerakan Nilai Portfolio Dana pada 31 Disember 2022

PEROLEHAN PORTFOLIO KASAR TAHUNAN RM62.6 JUTA

RM juta (Kumulatif)



^A Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2021 bernilai RM654.0 juta

^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2022 bernilai RM716.6 juta

^C Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM62.6 juta

[#] Jumlah bersih pembiayaan

^A Diselaraskan untuk perbandingan

Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

5 Aktiviti Pelaburan (sambungan)

5.2 Dana Ekuinas Direct (Tranche III)

a. Prestasi pelaburan

	2022	2021
IRR Kasar Tahunan	3.1%	-4.3%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah bawa hadapan)	-2.1%	-10.4%

IRR bersih diperoleh selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.


5 Aktiviti Pelaburan (sambungan)

5.2 Dana Ekuinas Direct (Tranche III) (sambungan)

b. Dana Ekuinas Direct (Tranche III) Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul

NILAI PORTFOLIO TERKINI RM1.2 BILION


RM juta (kumulatif)



c. Dana Ekuinas Direct (Tranche III) Perubahan Nilai Portfolio pada 31 Disember 2022

PULANGAN KASAR PORTFOLIO BAGI TAHUN SEMASA RM258.8 JUTA

RM juta (Kumulatif)



Laporan Prestasi Pelaburan

B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

5 Aktiviti Pelaburan (sambungan)

5.3 Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)

a. Prestasi Pelaburan

	2022	2021
IRR Kasar Tahunan	77.2%	N/M [#]
IRR Kasar Tahunan (sebelum faedah)	8.4%	N/M [#]


[#] IRR Kasar dan IRR Bersih untuk Ekuinas Direct (Tranche IV) tidak dibentangkan pada 2021 kerana dana masih dalam peringkat awal pelaburan

IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

5 Aktiviti Pelaburan (sambungan)


5.3 Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) (sambungan)

b. Dana Ekuinas Direct (Tranche III) Peningkatan Nilai Portfolio Terkumpul



^A Jumlah digabung membentuk Kerugian Kasar Portfolio kumulatif sebanyak RM91.1 juta pada tahun 2022

c. Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) Perubahan Nilai Portfolio pada 31 Disember 2022



^A Jumlah digabung membawa kepada Kerugian Kasar Portfolio terkumpul tahun 2021 bernilai RM89.8 juta

^B Jumlah digabung membawa kepada Pulangan Kasar Portfolio terkumpul tahun 2022 bernilai RM91.1 juta

^C Jumlah digabung membawa kepada perubahan pada tahun ini bernilai RM1.3 juta

Laporan Prestasi Pelaburan


B PELABURAN LANGSUNG (SAMBUNGAN)

6 Pengagihan

Jumlah yang diagihkan setakat 31 Disember 2022

RM320.0 juta

Pada April 2020, Lembaga Pengarah telah meluluskan Rangka Kerja Pengagihan Keuntungan yang Disemak, seperti berikut:



SYARIKAT PORTFOLIO SEKILAS PANDANG



COSMOPOINT GROUP

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Mac 2012

Pemilikan

90.0%



Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Mei 2012

Pemilikan

100%



ICON OFFSHORE

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

November 2012, penggabungan antara TKS dan Omni

Pemilikan

56.1%

Pelupusan Separa

Jun 2014



ORKIM SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan pembelian keluar aset bukan teras syarikat berkaitan Kerajaan (GLC)

Tarikh Pemerolehan

Mac 2014

Pemilikan

95.5%



AL-IKHSAN SPORTS SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Julai 2016

Pemilikan

35.0%



FLEXI VERSA GROUP SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

April 2018

Pemilikan

76.1%



DAVIS LIGHTING

DAVEX (MALAYSIA) SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Disember 2017

Pemilikan

100%

e exabytes

EXABYTES CAPITAL GROUP SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Mac 2019

Pemilikan

45.4%

medispec caring for health & wellness

MEDISPEC (M) SDN BHD

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Februari 2021

Pemilikan

75.0%

Laporan Prestasi Pelaburan

PERUNCITAN



Rasional Pelaburan

- Pembekal barang sukan pelbagai jenama terkemuka di Malaysia dengan pemilikan lebih daripada 24% bahagian pasaran
- Pelaburan untuk pertumbuhan keuntungan melalui peningkatan operasi dan pertumbuhan jualan

	2022 Tidak Diaudit RM juta	2021 Diaudit RM juta	2021 Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	485.4	281.6	72.4%
EBITDA Sebelum EI	70.3	18.7	>100%

EI: Butiran Luar Biasa



Al-Ikhsan Sports Sdn Bhd

Jenis Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan	Pemilikan
Julai 2016	35.0%

Profils:

- Al-Ikhsan merupakan pembekal barang sukan pelbagai jenama terkemuka di Malaysia dengan pemilikan 181 buah cawangan. Al-Ikhsan membekalkan peralatan sukan, pakaian dan kasut dari jenama terkenal seperti Adidas, Nike, Puma, Asics, Umbro dan Lotto.
- Al-Ikhsan juga merupakan pemilik utama jenama AL Sports dan memasarkan pelbagai barang sukan di bawah jenama AL.



Laporan Prestasi Pelaburan

PENDIDIKAN



Rasional Pelaburan

- Kumpulan pendidikan yang mempunyai rekod prestasi yang tinggi
- Industri yang besar dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.

	2022	2021	
	Tidak diaudit	Diaudit	Pertumbuhan
	RM juta	RM juta	%
Hasil Pendapatan	79.6	68.0	17.1%
EBITDA Sebelum El	7.5	7.9	(5.1%)
Bilangan Pelajar	11,030	9,542	15.6%

El: Butiran Luar Biasa



Cosmopoint Group

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Mac 2012

Pemilikan

90.0%

Ditubuhkan:

1991

Lokasi:

Kuala Lumpur + 11 kolej di seluruh negara

Jenis Pendidikan:

Pengajian Tinggi

Pengkhususan:

Kursus-kursus yang relevan dengan industri termasuk IT, Pengurusan Perniagaan, Seni Kulinari, Penyiaran dan Multimedia

Populasi Pelajar:

Lebih Kurang 4,000



UNITAR International University

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan	Pemilikan
Mei 2012	100.0%

Ditubuhkan:

1997

Lokasi:

Selangor + 13 pusat serantau bebas

Jenis Pendidikan:

Pengajian tinggi dan kursus pensijilan profesional

Pengkhususan:

Program Akademik di peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Kedoktoran serta Program Kelayakan Mikro melalui platform pembelajaran dalam talian dan modul latihan korporat. Mod penyampaian yang fleksibel termasuk dalam talian, konvensional dan hibrid untuk terus menyokong komitmen terhadap pembelajaran sepanjang hayat.

Populasi Pelajar:

Lebih Kurang 7,000



Laporan Prestasi Pelaburan

MAKANAN & MINUMAN



TONY ROMA'S®
RIBS • SEAFOOD • STEAKS



Rasional Pelaburan

- Pelaburan di dalam jenama makanan dan minuman F&B yang kukuh
- Pelaburan di dalam industri F&B, dipacu oleh peningkatan perbelanjaan pengguna.
- Kehadiran antarabangsa melalui francais di negara seperti Bangladesh, Singapura, Sri Lanka, Myanmar, Jordan, Maldives dan Oman.
- Pasukan pengurusan yang berpengalaman dan peluang untuk membangunkan pasukan pengurus muda yang profesional.

	2022	2021	
	Tidak diaudit RM juta	Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	79.4	60.5	31.2%
EBITDA Sebelum EI	7.3	5.7	28.1%

EI: Butiran Luar Biasa



Revenue Valley Sdn Bhd

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan	Pemilikan
Januari 2012	94.6%

Ditubuhkan:

2002

Outlet Milik Korporat:

34

Cawangan francais:

14

Jenis:

Makanan santai dan restoran perkhidmatan segera (QSR)



Laporan Prestasi Pelaburan

MINYAK & GAS



Rasional Pelaburan

- Rekod kerjasama yang kukuh dengan syarikat minyak nasional, Petronas dan syarikat minyak antarabangsa di Malaysia dan Brunei.
- Platform untuk membina sebuah syarikat peneraju OSV dan integrasi perkhidmatan O&G serantau.

	2022	2021	
	Tidak diaudit	Diaudit	Pertumbuhan
	RM juta	RM juta	%
Hasil Pendapatan	282.6	300.6	(6.0%)
EBITDA sebelum EI	126.9	141.1	(10.1%)
PAT sebelum EI	15.4	31.6	(51.3%)

EI: Butiran Luar Biasa



ICON OFFSHORE

Icon Offshore Berhad

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

November 2012,
penggabungan antara TKS
dan Omni

Pemilikan

56.1%

Pelupusan Separa

Jun 2014

Profil

- Icon Offshore Berhad (ICON) ialah syarikat penyedia perkhidmatan Kapal Sokongan Luar Pesisir (OSV) terbesar di Malaysia dan antara yang terbesar di Asia Tenggara dari segi jumlah kapal OSV.
- Memiliki 18 kapal aktif yang beroperasi di perairan Malaysia dan Brunei. Kapal-kapal tersebut mempunyai sejarah operasi antarabangsa di sekitar Asia Tenggara.



Orkim Sdn Bhd

Jenis Pelaburan

Pelaburan Pembelian Keluar aset bukan teras Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)

Tarikh Pemerolehan	Pemilikan
Disember 2014	95.5%

Profil:

- Salah sebuah syarikat kapal tangki Produk Petroleum Bersih (CPP) terkemuka di Malaysia.
- Rekod pertumbuhan yang kukuh dengan 18 kapal di bawah pemilikan dan pengurusan.
- Mengangkut CPP/LPG dari kilang penapisan ke pelbagai terminal penyimpanan minyak di seluruh Malaysia dan serantau, dengan anggaran bahagian pasaran lebih daripada 50%, dari segi kapasiti.

Rasional Pelaburan

- Syarikat peneraju Malaysia dalam industri logistik marin dengan kehadiran serantau yang kukuh.
- Rekod prestasi dengan syarikat minyak utama termasuk Petronas, Shell dan BHP.
- Pasukan pengurusan yang berpengalaman luas dengan peluang untuk mengembangkan lagi keupayaan dalaman.

	2022	2021	Pertumbuhan
	Tidak diaudit RM juta	Diaudit RM juta	%
Hasil Pendapatan	227.9	184.5	23.5%
EBITDA Sebelum EI	135.6	88.2	53.7%

EI: Butiran Luar Biasa



Laporan Prestasi Pelaburan

PEMBUATAN



**DAVIS
LIGHTING**



Rasional Pelaburan

- Pelaburan di dalam pasaran luminar yang berkembang pesat.
- Kehadiran pasaran yang kukuh di Malaysia, Singapura dan Australia. Perkhidmatan untuk pasaran serantau dibekal oleh pejabat di Australia dan Singapura.

	2022	2021	
	Tidak diaudit	Diaudit	Pertumbuhan
	RM juta	RM juta	%
Hasil Pendapatan	96.8	75.0	29.1%
EBITDA Sebelum EI	(6.6)	(16.9)	60.9%

EI: Butiran Luar Biasa

Davex (Malaysia) Sdn Bhd

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan	Pemilikan
Disember 2017	100.0%

Profil:

- Syarikat rekabentuk, perundingan dan pembuatan lampu tempatan, ditubuhkan pada 1983.
- Fokus di dalam segmen luminar dan menyediakan kelengkapan pencahayaan menyeluruh untuk pelanggan sektor komersil, industri dan kediaman. Syarikat beroperasi di bawah jenama Davis Lighting.
- Mengendalikan projek berskala besar yang terkenal seperti KLCC, Pejabat Putrajaya, Terminal 4 Lapangan Terbang Changi (Singapura), Lembaga Pembangunan Perumahan (Singapura) dan Tempat Letak Kereta Lapangan Terbang Brisbane (Australia).
- Davex memiliki pegangan majoriti dalam Xenergi Sdn Bhd, sebuah penyedia dan penyelesaian tenaga mampan, pakar dalam Tenaga Kecekapan (EE), Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) dan penyelesaian mampan.



Flexi Versa Group Sdn Bhd

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan	Pemilikan
April 2018	76.1%

Profil:

- Flexi Versa Group Sdn Bhd (FVG) ialah sebuah syarikat pengilang kontrak bersepadu yang menawarkan penyelesaian EMS lengkap dengan keupayaan merangkumi dari SMT/PCBA, perkhidmatan komponen tepat (penyelesaian elastomer dan LSR, ketepatan die-cut, fabrikasi perisai RFI/EMI/ESD, penyelesaian haba dan grafik antara muka) kepada pemprosesan polimer, suntikan acuan, kerja kayu, pemasangan abah-abah dawai dan sebagainya. Syarikat menyediakan penyelesaian sehenti kepada pelanggan di pelbagai industri termasuk akustik, perubatan, automotif, telekomunikasi tanpa wayar, pengguna-elektronik, IoT dan peranti pintar daripada rekabentuk dan pembangunan produk, pembuatan komponen hingga pemasangan produk lengkap.
- FVG telah mengembangkan pangkalan pelanggannya yang kini termasuk nama-nama terkemuka dunia dalam bidang akustik, persidangan, automotif, peralatan penjagaan diri, IoT, peranti perubatan dan peranti industri. Selain itu, FVG juga mempunyai jejak pembuatan yang luas di peringkat serantau, termasuk Malaysia, China, Singapura, Vietnam, Filipina dan Indonesia.

Rasional Pelaburan

- Hubungan kukuh dengan Pengilang Besar Peralatan Asal (OEM).
- Keupayaan pembuatan yang pelbagai dengan kehadiran di pasaran serantau

	2022 Tidak diaudit RM juta	2021 Diaudit RM juta	Pertumbuhan %
Hasil Pendapatan	265.2	207.4	27.9%
EBITDA Sebelum EI	31.0	24.1	28.6%

EI: Butiran Luar Biasa



Laporan Prestasi Pelaburan

TEKNOLOGI



Exabytes Capital Group Sdn Bhd

Jenis Pelaburan

Pelaburan dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Mac 2019

Pemilikan

45.4%

Profil:

- Ditubuhkan pada tahun 2001 dengan tumpuan untuk menjadi pusat penyelesaian sehenti untuk keperluan pelanggan akhir dalam mengembangkan perniagaan dalam talian. Produk teras termasuk pendaftaran domain, pengehosan web, rekabentuk laman web, pelayan/VPS, penyelesaian awan dan perkhidmatan pemasaran digital.
- Peneraju pasaran di Malaysia dan terkenal di Singapura dan Indonesia, digabungkan dengan lebih daripada 140,000 pelanggan PKS aktif, 60,000 akaun pengehosan dan 200,000 domain di bawah pengurusan.

Rasional Pelaburan

- Potensi untuk menjadi peneraju pasaran Asia Tenggara dalam bidang pengehosan internet dan awan untuk SME.
- Prospek pertumbuhan masa depan industri yang mantap, didorong oleh pendigitalan korporat dan pengembangan ekonomi internet.

	2022	2021	Pertumbuhan		
	Tidak diaudit	Diaudit	RM juta	RM juta	%
Hasil Pendapatan	99.0	88.2	12.2%		
EBITDA Sebelum EI	8.5	16.1	(47.2%)		



Medispec (M) Sdn Bhd

Jenis Pelaburan

Pelaburan majoriti dalam syarikat Malaysia yang kukuh

Tarikh Pemerolehan

Februari 2021

Pemilikan

75.0%

Profil:

- Ditubuhkan: 1985
- Lokasi: Petaling Jaya, Selangor & Pulau Pinang
- Medispec adalah syarikat pengedaran dan pemasaran terkemuka untuk produk farmaseutikal & suplemen kesihatan.
- Memasarkan lebih daripada 100 ubat farmaseutikal yang berbeza dan lebih daripada 40 suplemen kesihatan di bawah jenama peribadi Vitamode yang kian berkembang pesat.

Rasional Pelaburan

- Pelaburan dalam syarikat pengedar dan pemasar produk farmaseutikal & suplemen kesihatan terkemuka dengan kehadiran pasaran melalui pelbagai saluran yang kukuh.
- Saluran produk yang sihat dengan potensi pertumbuhan yang kukuh.

	2022	2021	
	Tidak diaudit	Diaudit	Pertumbuhan
	RM juta	RM juta	%
Hasil Pendapatan	151.1	91.8	64.6%
EBITDA Sebelum El	20.4	20.4	0.0%

El: Butiran Luar Biasa

Laporan Prestasi Pelaburan


C PROGRAM PENYUMBERAN LUAR

1 Gambaran Keseluruhan Dana

Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)	Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)
Tahun Penubuhan: 2011	Tahun Penubuhan: 2013
Status Dilaburkan	Status Dilaburkan
Modal Dikomited RM400.0 JUTA	Modal Dikomited RM240.0 JUTA*
Lain-lain LPs RM151.9 JUTA	Lain-lain LPs RM110.1 JUTA
Jumlah RM551.9 JUTA	Jumlah RM350.1 JUTA
Tempoh 6 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun	Tempoh Pelaburan 3 tahun hingga 6 tahun
	Tempoh 7 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun + 1 tahun
	Tempoh Pelaburan 3 tahun hingga 7 tahun
Tumpuan Pelaburan Modal Pertumbuhan di Malaysia	
Keutamaan Sektor Minyak & Gas, Pendidikan, FMCG, Runcit & Riadah, Penjagaan Kesihatan, Perkhidmatan	

* RM180.0 Juta tidak termasuk TUAS

2 Pengurus Dana Penyumberan Luar Yang Dilantik (OFMs)

NAVIS CAPITAL PARTNERS Nama Dana Navis Malaysia Growth Opportunities Fund 1, L.P.  NAVIS	TAEL PARTNERS Nama Dana TAEL Tijari (OFM) L.P. 	RM CAPITAL PARTNERS (RMCP) Nama Dana RMCP One Sdn Bhd 	COPE PRIVATE EQUITY Nama Dana COPE Opportunities 3 Sdn Bhd 
Saiz Dana RM301.9 Juta	Saiz Dana RM101.0 Juta	Saiz Dana RM109.1 Juta	Saiz Dana RM80.0 Juta

3 Aktiviti Pelaburan**a Aktiviti Pelaburan Program Penyumberan Luar Kumulatif pada 31 Disember 2022**

RM juta	Dana	Sektor	Pelaburan Komited oleh OFM			Pelaburan Bersama	Kemasukan Modal Ekonomi	Jumlah
			Pelaburan Komited Ekuinas	LP Lain	Jumlah			
Atelier Asia Sdn Bhd (Atelier)*	Navis MGO	FMCG						
MCAT Box Office Sdn Bhd (MBO)*	Navis MGO	Peruncitan & Rekreasi						
SEG International (SEGI)*	Navis MGO	Pendidikan						
Strateq Sdn Bhd (Strateq)*	Navis MGO	Perkhidmatan						
HG Power Transmission Sdn Bhd (HGPT)*	Navis MGO	Perkhidmatan	264.0	110.2	374.2	334.2	708.4	
Brickfields Asia College (BAC)	Navis MGO	Pendidikan						
Macrokiosk Sdn Bhd (Macrokiosk)	CNEF	Perkhidmatan						
R.E.A.L Pendidikan Group (REAL)	CNEF	Pendidikan						
Mega Fortris Innovation (Malaysia) Sdn Bhd (Mega Fortris)	TAP	Pembuatan						
Big Sdn Bhd (Big Group)	Navis MGO	F&B dan Peruncitan						
STX Precision Corporation Sdn Bhd (STX)	COPE	Perkhidmatan						
Consobiz Ventures Sdn Bhd (Consobiz)	RMCP	FMCG						
Excelvite Sdn Bhd (Excelvite)	TAEL	Pembuatan	75.6	46.0	121.6	19.0	140.6	
Romstar Sdn Bhd (Romstar)	RMCP	Pembuatan						
Packerman Sdn Bhd (Packerman)	RMCP	Pembuatan						
MBG Holdings Sdn Bhd (MBG)	COPE	F&B dan Peruncitan						
My Sutera Holding Sdn Bhd (MySutera)	COPE	Pembuatan						
Tanamera Group Sdn Bhd (Tanamera)	RMCP	FMCG						
Jumlah Pelaburan Yang Dilaksanakan			339.6	156.2	495.8	353.2	849.0	

* Termasuk pelaburan susulan.

Laporan Prestasi Pelaburan

C PROGRAM PENYUMBERAN LUAR (SAMBUNGAN)

4 Prestasi Dana

4.1 Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)

Prestasi Pelaburan

	2022	2021
IRR Kasar Tahunan	4.1%	3.3%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	3.4%	2.5%

4.2 Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)

Prestasi Pelaburan

	2022	2021
IRR Kasar Tahunan	-2.7%	-0.8%
IRR Bersih Tahunan (sebelum faedah)	-3.8%	-2.0%

SYARIKAT PORTFOLIO DI BAWAH PROGRAM PENYUMBERAN LUAR



SEGi
University &
Colleges



SEG INTERNATIONAL BERHAD (SEGi)

Butiran Transaksi

OFM:

Navis Capital Partners

Sektor:
Pendidikan

Tarikh Pemerolehan:
Mac 2012

BIG SDN BHD (F&B)

Butiran Transaksi

OFM:

Navis Capital Partners

Sektor:
F&B

Tarikh Pemerolehan:
Disember 2014

CONSOBIZ VENTURES SDN BHD


Butiran Transaksi

OFM:

RM Capital Partners

Sektor:
Barangan Pengguna Laris (FMCG)

Tarikh Pemerolehan:
Februari 2014



EXCELVITE SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM:

TAEL Capital Partners

Sektor:
Pembuatan

Tarikh Pemerolehan:
April 2015

ROMSTAR SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM:

RM Capital Partners

Sektor:
Perkhidmatan

Tarikh Pemerolehan:
Januari 2016

PACKERMAN SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM:

RM Capital Partners

Sektor:
Pembuatan

Tarikh Pemerolehan:
Julai 2016

TANAMERA GROUP SDN BHD

Butiran Transaksi

OFM:

RM Capital Partners

Sektor:
Barangan Pengguna Laris
(FMCG)

Tarikh Pemerolehan:
April 2017

Laporan Prestasi Pelaburan

D PRESTASI OBJEKTIF SOSIAL

a Nilai Ekuiti Bumiputera dan Jumlah Nilai Ekonomi

Jumlah Syarikat Portfolio	BUMIPUTERA				JUMLAH SYARIKAT			
	Peningkatan Nilai Bumiputera		Gandaan Modal Pelaburan Ekuinas	Peningkatan Nilai Bumiputera		Gandaan Modal Pelaburan Ekuinas		
	Ex Ante	31 Disember	Ex Ante	31 Disember	Ex Ante	Ex Ante		
	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta		
2022	2,381.4	6,694.2	6,506.1	1.6x	5,791.8	8,788.4	8,195.4	2.1x
2021	2,381.4	6,066.8	5,874.7	1.5x	5,791.8	8,361.8	7,694.6	2.0x

b Syarikat Portfolio – Pengurusan dan Pekerja

		Bilangan Pekerja Bumiputera	% Peningkatan dalam		
			% Bumiputera Kepada Jumlah		Bilangan Pekerja
			Bilangan Pekerja	Jumlah Bilangan Pekerja	Bumiputera daripada Ex Ante
2022					
Pengurusan		239	743	32.2%	21.9%
Pekerja		9,894	17,098	57.9%	14.4%
2021					
Pengurusan		234	721	32.5%	19.4%
Pekerja		9,714	16,828	57.7%	12.3%

E EKUITI NASIONAL BERHAD – SYARIKAT PENGURUSAN DANA

Ekuiti Nasional Berhad (Syarikat Pengurusan Dana)	2022	2021
	RM juta	RM juta
Jumlah Dana Di Bawah Pengurusan (FuM)	4,140.0	4,140.0
Jumlah Perbelanjaan Operasi (OPEX)	38.3	33.7
Nisbah OPEX kepada FuM	0.9%	0.8%
Keuntungan selepas Cukai dan Zakat (PATZ)	1.1	12.1

Laporan Portfolio

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE II)

pada 31 Disember 2022

1 TINJAUAN DANA

NAMA DANA	Dana Ekuinas Direct (Tranche II)
TAHUN PERMULAAN DANA	2012
STATUS	Dilaburkan sepenuhnya
MODAL TERIKAT	RM1.0 bilion
TEMPOH	5 Tahun + 2 Tahun + 1.5 Tahun + 2 Tahun + 2 Tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 5 Tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: Dana Ekuinas Direct (Tranche II) Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan
TUMPUAN INDUSTRI	<ul style="list-style-type: none">– Pendidikan– Minyak & Gas– Barang Pengguna Laris (FMCG)– Peruncitan & Rekreasi– Penjagaan Kesihatan– Perkhidmatan

Laporan Portfolio

2 PRESTASI PELABURAN

(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2022

IRR Kasar
IRR Bersih

11.9% setahun
8.6% setahun

IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

(b) Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2022

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Jumlah Realisasi RM juta
Icon Offshore Berhad	25 Jun 2014	7.8	
Burger King Singapore	18 Ogos 2015	100.0	
Burger King Malaysia	18 Ogos 2015	20.9	
Lyndarahim Ventures Sdn Bhd	28 Mac 2016	—	
Tenby Educare Sdn Bhd	17 Januari 2018	70.0	
Tranglo Sdn Bhd	11 Oktober 2018	60.0	
Asia Pacific Institute of Information Technology Lanka Pvt Ltd	25 Februari 2019	45.9	901.1
Primabaguz Sdn Bhd	18 Ogos 2020	100.0	
Icon Offshore Berhad	30 Januari 2020	—	
Coolblog Apps Sdn Bhd	20 Julai 2020	60.0	
Icon Offshore Berhad	30 September 2020	0.1	

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE III)

pada 31 Disember 2022

1 TINJAUAN DANA

NAMA DANA	Dana Ekuinas Direct (Tranche III)
TAHUN PERMULAAN DANA	2014
STATUS	Dilaburkan sepenuhnya
MODAL TERIKAT	RM1.5 bilion
TEMPOH	5 Tahun + 1 Tahun + 2 Tahun + 4 Tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 5 tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: Dana Ekuinas Direct (Tranche III) Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domisil Dana: Malaysia
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan
TUMPUAN INDUSTRI	<ul style="list-style-type: none">– Pendidikan– Minyak & Gas– Barang Pengguna Laris (FMCG)– Peruncitan & Rekreasi– Penjagaan Kesihatan– Perkhidmatan

Laporan Portfolio

2 PRESTASI PELABURAN

(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2022

IRR Kasar	3.1% setahun
IRR Bersih	-2.1% setahun

IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

(b) Ringkasan Terealisasi pada 31 Disember 2022

Syarikat	Tarikh Pelupusan	Kepentingan %	Jumlah Realisasi RM juta
ILMU Education Group	29 Disember 2017	49.0	
ILMU Education Group	17 Januari 2018	30.0	
PMCare Sdn Bhd	31 Januari 2019	60.0	
MediExpress (Malaysia) Sdn Bhd	31 Januari 2019	60.0	400.5
ILMU Education Group	25 Februari 2019	37.6	
Icon Offshore Berhad	30 Januari 2020	—	

DANA EKUINAS DIRECT (TRANCHE IV)

pada 31 Disember 2022

1 TINJAUAN DANA

NAMA DANA	Dana Ekuinas Direct (Tranche IV)
TAHUN PERMULAAN DANA	2019
STATUS	Sedang dilabur
MODAL TERIKAT	RM1.0 bilion
TEMPOH	5 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun + 4 Tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 5 tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu pengurus dana dan satu pelabur Dana: Dana Ekuinas Direct (Tranche IV) Pengurus Dana: Ekuiti Nasional Berhad Domicil Dana: Malaysia
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Pembelian Keluar dan Dana Modal Pertumbuhan
TUMPUAN INDUSTRI	<ul style="list-style-type: none">– Pendidikan– Minyak & Gas– Barang Pengguna Laris (FMCG)– Peruncitan & Rekreasi– Penjagaan Kesihatan– Perkhidmatan

2 PRESTASI PELABURAN

(a) Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2022

IRR Kasar

77.2% setahun

IRR Bersih

8.4% setahun

IRR Bersih diperolehi selepas yuran pengurusan dan perbelanjaan operasi lain.

Laporan Portfolio

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE I)

pada 31 Disember 2022

1 TINJAUAN DANA

NAMA DANA	Dana Ekuinas Outsourced (Tranche I)
TAHUN PERMULAAN DANA	2011
STATUS	Dilaburkan sepenuhnya
MODAL TERIKAT	RM400.0 juta
TEMPOH	6 Tahun + 1 Tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 6 Tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	<p>Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur.</p> <p>Penyumberan luar kepada dana dan pengurus berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Dana: Navis Malaysia Growth Opportunities Fund I, L.P. Pengurus Dana: Navis MGO I GP Ltd. Domsil Dana: Cayman Islands 2) Dana: CIMB National Equity Fund Ltd. P. Pengurus Dana: CIMB General Partner Ltd. Domsil Dana: Labuan 3) Dana: TAP Harimau Fund L.P. Pengurus Dana: TAP (Malaysia) Ltd. Domsil Dana: Labuan
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
TUMPUAN INDUSTRI	Am, kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

2 PRESTASI PELABURAN

Ringkasan Portfolio Semasa pada 31 Disember 2022

IRR Kasar

4.1% setahun

IRR Bersih

3.4% setahun

DANA EKUINAS OUTSOURCED (TRANCHE II)

pada 31 Disember 2022

1 TINJAUAN DANA

NAMA DANA	Dana Ekuinas Outsourced (Tranche II)
TAHUN PERMULAAN DANA	2013
STATUS	Dilaburkan sepenuhnya
MODAL TERIKAT	RM240.0 juta (RM180.0 juta tidak termasuk TUAS)
TEMPOH	7 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun + 1 Tahun
TEMPOH PELABURAN	3 hingga 7 Tahun
BENTUK & STRUKTUR RASMI	Satu pengurus dana dan pelbagai pelabur. Penyumberan luar kepada dana dan pengurus berikut: 1) Dana: RMCP One Sdn Bhd Pengurus Dana: RMCP Cayman Ltd. Domicil Dana: Malaysia 2) Dana: COPE Opportunities 3 Sdn Bhd Pengurus Dana: CMS Opus Private Equity Sdn Bhd Domicil Dana: Malaysia 3) Dana: Tael Tijari (OFM) L.P. Pengurus Dana: TAEI Tijari Partners Ltd. Domicil Dana: Cayman Islands
TUMPUAN GEOGRAFI	Malaysia
TUMPUAN PELABURAN	Dana Modal Pertumbuhan Minoriti
TUMPUAN INDUSTRI	Am, kecuali senarai pelaburan negatif Ekuinas

2 PRESTASI PELABURAN

Ringkasan Portfolio pada 31 Disember 2022

IRR Kasar	-2.7% setahun
IRR Bersih	-3.8% setahun

Laporan Portfolio

NOTA LAPORAN PORTFOLIO

1 Nota kepada Laporan Portfolio

Juruaudit luar, PwC, telah dilantik oleh Ekuinas untuk melaksanakan prosedur tertentu pada Pelaporan Portfolio pada muka surat 87 hingga 93 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, dan telah menyemak maklumat tentang Nilai Aset Bersih Dana dan Prestasi Pelaburan berakhir 31 Disember 2022 turut disertakan di dalamnya untuk menyokong data sumber, dan pengiraan semula, di mana perlu.



5

Strategi Kelestarian



Kelestarian Adalah Sebahagian Dari Identiti Kami

Ekuinas merupakan entiti yang sentiasa prihatin terhadap masyarakat. Matlamat kami adalah untuk mendorong penciptaan kekayaan Bumiputera yang mampan dan saksama serta meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam ekonomi. Secara ringkasnya, matlamat untuk memacu pertumbuhan syarikat-syarikat Bumiputera tempatan dan komuniti mendorong kami untuk berfikir dan bertindak secara berbeza di dalam semua urusan operasi.

Sejak penubuhan, akauntabiliti sosial dan mandat kami, serta komitmen untuk menegakkan tadbir urus korporat yang baik, telah menjadi asas yang kukuh bagi organisasi kami. Oleh itu, pengenalan Kerangka ESG pada tahun 2022 adalah perkembangan semulajadi dalam pertumbuhan syarikat. Ia juga membolehkan kami meningkatkan aspirasi syarikat-syarikat portfolio kami, selaras dengan harapan kami dan piawaian antarabangsa.

Segala kegiatan yang mendokumentasikan usaha kami, merangkumi namun tidak terhad kepada berikut:

01

Penubuhan cabang tanggungjawab sosial korporat kami, iaitu ILTIZAM pada tahun 2012 dan perkembangan mandat serta jangkauannya untuk membangunkan perniagaan bumiputera, bakat tempatan, dan komuniti yang memerlukan, secara lestari dan mampan.

02

Struktur, tadbir urus korporat, dasar, dan kerangka kerja yang dilaksanakan di Ekuinas dan juga syarikat-syarikat portfolio kami.

03

Perlaksanaan Kerangka ESG Ekuinas pada tahun 2022, bagi menyemai dan meningkatkan kemampuan dalam rantaian nilai secara lebih meluas dan berkesan.

Tahun ini, kami meneruskan usaha dan telah menggabungkan bahagian-bahagian ini di bawah satu payung dalam pelaporan tahunan ini untuk memaparkan integrasi. Ia juga menjadi platform di mana kami dapat mengesan dan mengukur prestasi ESG kami merentas teras-teras yang berbeza.

MEMAJUKAN ESG DALAM EKOSISTEM KAMI

Dalam pada kami memasuki tahun kedua pelaksanaan Kerangka ESG kami, Ekuinas dengan sukacita ingin melaporkan bahawa kami bersama-sama dengan syarikat-syarikat portfolio kami, telah mencapai semua sasaran dan mercu tanda yang telah ditetapkan untuk tahun pertama rancangan ESG kami.

Kerangka kami bertujuan merekod dan memaparkan mercu tanda, matlamat, dan pencapaian secara mudah untuk pengesanan dan ukuran, selain menjadi lebih telus, tepat pada waktunya, dan jelas. Ia juga membolehkan kami meramal dan mengatasi risiko-risiko ESG yang mempengaruhi prestasi syarikat-syarikat portfolio kami secara berkesan. Pada dasarnya, kerangka ini bertujuan membantu kami meningkatkan nilai bagi syarikat-syarikat portfolio kami, serta meningkatkan keupayaan keseluruhan ke arah kejayaan pelaburan di masa hadapan.



Kerangka dan Kemajuan ESG

KERANGKA ESG EKUINAS

Kerangka ESG ini adalah sistem yang menghubungkan mandat kami kepada inisiatif hala tuju, pendekatan dan metodologi pelaburan, penambahbaikan proses dan tadbir urus hingga ke atas pelaporan dan pendedahan. Ia juga menggariskan struktur pelaporan mengenai inisiatif, kemajuan dan matlamat Ekuinas yang diselaraskan melalui 4 tema kemampunan merangkumi aspek ESG merentas 7 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) seperti yang diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2016. Berikut adalah empat (4) tema kemampunan yang menjadi dasar kepada inisiatif, strategi, serta komitmen ESG kami:

1	2	3	4
Membantu meningkatkan usahawan, komuniti dan golongan kurang kemampuan	Memupuk inovasi perniagaan dan warga kami	Bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam segala tindakan	Menerapkan tadbir urus yang baik dan prinsip-prinsip etika

Dengan tema-tema ini sebagai asas, kami telah mengenal pasti 15 inisiatif untuk memajukan inisiatif ESG kami. Sepuluh (10) di antaranya telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2022 seperti yang diuraikan di halaman 100 dan 101, dan lima (5) inisiatif masih dalam pelaksanaan sepanjang tiga (3) tahun akan datang.


Rancangan pelaksanaan kami selama tiga (3) tahun (2022-2024) bertujuan untuk membina asas yang kukuh dan menyeluruh dalam pemahaman, integrasi, dan penerapan nilai dan prinsip-prinsip ESG oleh Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio kami. Bermula dengan memperkuatkannya secara dalaman membolehkan kami untuk memahami bagaimana kemampunan meningkatkan strategi perniagaan, pelaksanaan, dan pendedahan, yang semuanya menyumbang kepada daya tahan dan kecekapan organisasi dalam mengurus dan mengurangkan isu-isu dan risiko-risiko utama.

Menjadi syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia				
Visi dan Misi	Untuk mencipta syarikat-syarikat peneraju Malaysia bagi generasi akan datang sambil menggalakkan penciptaankekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan berdasarkan prinsip mesra pasaran, merit, dan ketelusan.			
Tema-tema Kelestarian	Membantu usahawan, komuniti dan golongan kurang kemampuan	Memupuk inovasi perniagaan dan warga kami	Bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam segala tindakan	Menerapkan tadbir urus yang baik dan prinsip-prinsip etika
Sasaran dan Metrik Kelestarian	Semua negeri di seluruh Malaysia akan disokong oleh Ekuinas	100% daripada syarikat-syarikat portfolio kami perlu melaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) inisiatif berkaitan teknologi yang ketara.	Mencapai neutral karbon menjelang tahun 2030	Merekodkan sifar insiden korupsi dan rasuah di seluruh operasi
	Sekurang-kurangnya 90% peserta latihan di bawah Program Pembangunan Profesional memperoleh pekerjaan tetap dalam tempoh 12 bulan	Semua pekerja perlu melalui sekurang-kurangnya sepuluh (10) jam latihan setiap tahun	Membangunkan pelan pengurangan pelepasan karbon berdasarkan sains, selaras dengan laluan 1.5°C	100% syarikat portfolio komited untuk mencapai penanda aras SDG yang berkaitan menjelang tahun 2030
	100% penerima manfaat akan menerima bantuan berdasarkan pendidikan yang sebelum ini tidak mereka kapai.	100% pekerja di seluruh organisasi akan menerima gaji minimum yang diselaraskan dengan pasaran berdasarkan peranan masing-masing.		
	Semua PKS yang dibantu perlu mencapai peningkatan pendapatan purata sekurang-kurangnya 10% dalam tempoh dua (2) tahun selepas program	Merekodkan sifar insiden pelanggaran standard buruh di seluruh operasi		
Matlamat Pembangunan Mampan (UNSDG) yang Diutamakan				
	Pelepasan GHG	Pengurusan tenaga	Pengurusan air dan sisa	Mendapatkan sumber secara bertanggungjawab
Ibu-ibu ESG dan kawasan impak utama	Hak asasi manusia & hubungan masyarakat	Privasi data	Kesejahteraan pelanggan dan kualiti produk	Amalan buruh dan persekitaran kerja
	Tingkah laku perniagaan beretika	Penglibatan pekerja, kepelbagai dan inklusi		Kelestarian perniagaan dan pengurusan risiko

Kerangka dan Kemajuan ESG

Untuk memastikan Ekuinas dan syarikat-syarikat portfolio kami berada di landasan yang betul, selaras dengan pelaksanaan Kerangka ESG dalam perniagaan dan pelaburan, kami telah menubuhkan Pasukan Petugas ESG yang terdiri daripada wakil terpilih dari setiap jabatan untuk menekankan kepentingan matlamat bersama ini dan komitmen dari semua pihak. Pasukan Petugas ini bermesyuarat setiap suku tahun untuk mengemaskini perkembangan setiap aktiviti dan menangani sebarang isu yang timbul dengan segera.

PENUBUHAN PASUKAN PETUGAS ESG



KEMAJUAN KAMI PADA TAHUN 2022

Fasa pertama pada tahun 2022 telah menyaksikan pelancaran sepuluh (10) inisiatif yang membentuk asas bagi pengukuran prestasi pada masa akan datang. Dengan mendefinisikan landasan menggunakan penanda aras antarabangsa, kami memperoleh pemahaman yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan akan dapat menilai prestasi kami secara lebih berkesan dan yang lebih penting, kami mampu mengenal pasti potensi risiko dan peluang ESG untuk diurus dan diambil tindakan.

Pada tahun 2022, Ekuinas berjaya mencapai semua Penanda Sasaran dan Pencapaian seperti yang ditetapkan.

Tema Kemampuan	Inisiatif 2022
 Membantu usahawan, komuniti dan golongan kurang kemampuan	Semua negeri di seluruh Malaysia akan disokong oleh Ekuinas. Sekurang-kurangnya 90% daripada peserta latihan siswazah menganggur akan mendapat pekerjaan tetap selepas menamatkan Program Pembangunan Profesional (PDP). 100% penerima manfaat akan menerima sokongan berdasarkan pendidikan di bawah Program Pemerkasaan Pendidikan ILTIZAM (EEP) yang sebelum ini tidak mereka kecapi. Semua PKS yang disokong di bawah program ILTIZAM Advance, perlu mencapai peningkatan pendapatan purata sekurang-kurangnya 10% dalam dua (2) tahun selepas program.

Tema Kemampuan	Inisiatif 2022
 Memupuk inovasi perniagaan dan warga kami	<p>70% syarikat dalam portfolio akan melaksanakan sekurang-kurangnya dua (2) inisiatif Digital/Teknologi yang penting.</p> <p>100% syarikat dalam portfolio menyediakan dokumentasi proses dan pembelajaran untuk memudahkan perancangan dan pelaksanaan latihan sumber manusia, seperti membangunkan kerangka, memantau keberkesanan dan menyediakan borang maklum balas.</p> <p>100% syarikat dalam portfolio mematuhi syarat gaji minima mengikut Perintah Gaji Minimum.</p>
 Bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam segala tindakan	100% data persekitaran bagi tahun 2019-2022 telah dikumpul untuk Ekuinas dan syarikat-syarikat dalam portfolionya.
 Menerapkan tadbir urus yang baik dengan prinsip etika	<p>Tiada insiden korupsi dan rasuah di seluruh Ekuinas dan syarikat-syarikat dalam portfolionya.</p> <p>Pengemaskinian Buku Panduan Pelaburan Ekuinas untuk menggabungkan proses ESG, dan pelaksanaan sekurang-kurangnya satu (1) latihan Proses Ketekunan Wajar ESG.</p>

Berkenaan dengan pengenalan dan pelaksanaan Rangka Kerja ESG di dalam syarikat-syarikat portfolio kami, kami sedar bahawa tiada satu pendekatan yang sesuai bagi semua memandangkan industri yang berbeza dan tahap kesedaran dan kematangan setiap syarikat berbeza. Oleh itu, kami sedang menggaris penanda sasaran yang praktikal untuk memastikan setiap syarikat portfolio menerima pakai dan memulakan perjalanan ESG mereka dengan cara yang bermakna.

Penanda Sasaran penting bagi Syarikat-syarikat Portfolio

Mengiktirafkan komitmen Ekuinas kepada ESG dan memastikan pasukan kepimpinan kanan semua syarikat portfolio faham tentang tumpuan dan fokus ESG Ekuinas.	Pengesahan Standard ESG Minima Ekuinas oleh Lembaga Pengarah semua syarikat portfolio.	Menerima pakai kerangka ESG dengan tumpuan, sasaran, dan inisiatif yang ditakrifkan.	Latihan penilaian kepentingan dilakukan untuk mengenal pasti isu-isu ESG utama yang perlu diuruskan.	Menerima pakai Sasaran ESG oleh Lembaga Pengarah semua syarikat portfolio bagi FY2022.	Menerima pakai dan melaksanakan Inisiatif ESG untuk mencapai sasaran ESG seperti yang telah ditakrifkan.
--	--	--	--	--	--

Flexi Versa Group (FVG) dan Al-Ikhsan Sports telah berjaya melaksanakan semua inisiatif untuk tahun 2022, dan syarikat-syarikat portfolio yang lain telah berjaya menutup jurang masing-masing pada suku pertama tahun 2023. Secara ringkas, syarikat-syarikat portfolio telah merekodkan pencapaian asas sebanyak 53%.

ini akan memantau dan mengukur pelepasan gas rumah hijau (GHG), penggunaan tenaga dan sisa.

Seperti yang ditakrifkan di dalam sasaran ESG kami, Ekuinas dan 100% syarikat dalam portfolionya akan mencatatkan insiden-insiden pelanggaran standard buruh di seluruh operasi yang selaras dengan standard yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan.

Memandang ke hadapan, kami sedar bahawa kemampuan adalah satu usaha berterusan. Untuk menjana impak yang bermakna, ia perlu terlebih dahulu diintegrasikan dalam budaya kami. Sebagai sebuah syarikat, kami terus dipandu oleh nilai-nilai organisasi dan didorong oleh etika perniagaan kami dalam usaha untuk meneruskan komitmen ESG kami.

Sosial: ILTIZAM Bersama Ekuinas



Entrepreneurship ◆ Education ◆ Community

MEMANGKIN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI, MEMPERKASA USAHAWAN DINAMIK DAN BAKAT MUDA DARI KOMUNITI KURANG BERNASIB BAIK DAN YANG TERPINGGIR



Selama lebih sedekad, ILTIZAM, cabang tanggungjawab sosial Ekuinas telah melancarkan program dan inisiatif strategik yang berfokus kepada menghubungkan komuniti, dan menyokong ekosistem untuk pembangunan mampan komuniti usahawan dan bakat muda yang berpotensi. Pada masa yang sama, matlamat ILTIZAM adalah untuk menggalakkan kemajuan sosioekonomi yang mampan dan inklusif untuk individu, keluarga dan komuniti sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ekuinas.

Setiap tahun, Ekuinas memperluaskan inisiatif dan pelaburan sosialnya untuk memperdalam tahap penglibatan komuniti dan penciptaan nilai di bawah tiga (3) teras platform CSRnya, iaitu Keusahawanan, Pendidikan dan Komuniti.

Pada 2022, Ekuinas telah meningkatkan jumlah pelaburan CSRnya kepada **RM19.6 juta**, mencatatkan peningkatan 12% berbanding dengan RM17.5 juta pada 2021. RM19.6 juta telah disalurkan untuk program Keusahawanan, Pendidikan dan pembangunan Komuniti yang memberi manfaat kepada **22,000 individu, keluarga dan usahawan di seluruh Malaysia**. Sejak penubuhannya, jumlah perbelanjaan Ekuinas untuk tanggungjawab sosial korporat mencecah RM87.9 juta.

Dalam menyokong agenda Keusahawanan ILTIZAM, usaha kami bertumpu kepada Pembangunan Bumiputera dan komuniti kurang berasib baik dengan mewujudkan peluang untuk usahawan mikro dan kecil, membantu membina kapasiti, dan memperkasakan usahawan tempatan yang stabil dan perniagaan-perniagaan berpotensi tinggi untuk berkembang menjadi peneraju industri. Program pemerkasaan sahawan ILTIZAM ini melengkapkan mandat dan agenda pelaburan Ekuinas.

Sejak tercetusnya pandemik COVID-19, teras Keusahawanan diberi keutamaan tertinggi dengan peruntukan terbesar pada tahun 2022 dengan jumlah RM9.5 juta, meningkat daripada RM8.9 juta pada tahun sebelumnya. Matlamat teras Keusahawanan adalah untuk menyokong pembangunan lestari perniagaan Bumiputera. Selaras dengan objektif ini, ILTIZAM Catalyst, sebuah program baharu telah dilancarkan pada suku ke-3 tahun 2022. ILTIZAM Catalyst disasarkan untuk menyokong pembangunan kapasiti perusahaan mikro, kecil dan sederhana yang berpotensi tinggi dan mempunyai rekod keuntungan. Program ini berlangsung selama tiga (3) hingga enam (6) bulan dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Daripada 113 finalis yang layak, 21 perniagaan telah berjaya menyertai program ILTIZAM Catalyst yang pertama ini.

Akses kepada pendidikan berkualiti sememangnya menjadi prasyarat bagi negara dan ekonomi yang teguh dan maju. Salah satu keutamaan bagi teras Pendidikan ILTIZAM adalah untuk membina modal insan yang dinamik melalui sistem sokongan yang tersusun. Sejak bermulanya program ini pada tahun 2012, pemerkasaan dan pembangunan kendiri telah memberi manfaat bagi ramai individu, keluarga, dan masyarakat, terutamanya 582 graduan Program Pembangunan Profesional (PDP) ILTIZAM. PDP mencungkil bakat, meningkatkan keterampilan, pengetahuan, dan membantu mengatasi halangan-halangan peribadi.

Di bawah teras Pendidikan, ILTIZAM telah melangsungkan komitmen berjumlah RM8.7 juta ke arah pelbagai inisiatif merentasi platform akademik dan bukan akademik untuk memberi sokongan menyeluruh terutamanya kepada belia yang kurang berkemampuan dan berasib baik untuk memperoleh ilmu, kemahiran dan kecekapan yang akan membuka peluang-peluang pekerjaan dan membawa kepada kehidupan yang mampan. Pada tahun 2022, lebih banyak inisiatif telah diperkenalkan di bawah teras Pendidikan terutamanya bagi mereka yang kurang kecenderungan akademik. Ini meluaskan jangkauan dan sasaran kami, memandangkan program utama kami, ILTIZAM PDP disasarkan untuk pemegang ijazah.

Di bawah teras ILTIZAM untuk Komuniti, kami terus berusaha menyediakan peluang-peluang kepada komuniti yang kurang mendapat bantuan atau sokongan. Program-program bertujuan meningkatkan kualiti hidup mereka secara mampan. Pada tahun 2022, kami meningkatkan belanjawan dan sokongan pasca bencana untuk komuniti yang terjejas akibat bencana alam seperti banjir.

Pada tahun 2022, di bawah Program Sokongan Komuniti (CSP Care) ILTIZAM, kami telah bekerjasama dengan lebih 20 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mengagihkan makanan, menyalurkan bantuan kepada masyarakat yang kurang berasib baik, mangsa bencana banjir dan menyokong kesedaran tentang kesihatan mental. Kami juga mengagihkan sejumlah RM1.3 juta untuk empat (4) inisiatif di bawah CSP Care untuk komuniti B40 termasuk asnaf, pelajar gelandangan, kanak-kanak berkeperluan khas, orang kurang upaya, warga tua dan mangsa banjir.



ILTIZAM UNTUK KEUSAHAWANAN

Peranan kami di Ekuinas adalah jelas iaitu untuk mengalakkan penciptaankekayaan dan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama dan mampan. Dengan mandat ini, muncul tanggungjawab untuk mewujudkan peluang kepada usahawan Bumiputera untuk membangunkan dan mengembangkan perniagaan mereka.

Dengan itu, mewujudkan laluan yang jelas dan peluang untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi tetap menjadi asas teras ini. Tahun demi tahun, ILTIZAM berhubung dan terlibat dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Bumiputera di seluruh negara bagi memahami cabaran dan keperluan mereka dan membantu menutup jurang dari perspektif kewangan dan bukan kewangan dengan cara berkesan. Program keusahawanan ILTIZAM telah dirancang untuk menyokong usahawan yang berkebolehan, tidak mengira saiz atau peringkat pertumbuhan, melalui pelbagai inisiatif untuk pembinaan kapasiti yang positif, memperkuuhkan asas perniagaan, serta memberi mereka landasan yang kukuh untuk pertumbuhan yang mampan.

ILTIZAM Advance, bersama dengan program baharu yang telah diperkenalkan pada tahun 2022, iaitu ILTIZAM Catalyst, terus menyasarkan SME yang berpotensi tinggi dengan menyediakan bantuan teknikal dan amali yang disesuaikan berdasarkan keperluan setiap perniagaan, dengan tujuan melonjakkan perniagaan mereka ke tahap seterusnya. ILTIZAM Sosial dan ILTIZAM Ihsan pula adalah platform untuk menyokong para usahawan mikro, untuk memberi sokongan dan bantuan membangun kembali dengan lebih kuat pasca pandemik dengan pembukaan semula ekonomi. Dengan platform baharu ILTIZAM Catalyst yang menyediakan berbagai pilihan bantuan teknikal dalam pembinaan kapasiti, Ekuinas melengkapkan jangkauannya dalam ekosistem keusahawanan. Usaha diteruskan dengan mengenal pasti usahawan muda dan perniagaan Bumiputera yang berpotensi dalam berbagai peringkat pertumbuhan, membantu menggariskan hala tuju pertumbuhan dan trajektori perkembangan yang stabil, agar mereka mampu bersaing menjadi perusahaan terkemuka yang berdaya tahan dan inovatif dalam sektor masing-masing.



ILTIZAM Advance

Program ILTIZAM Advance merupakan inisiatif pembangunan kapasiti yang menyasarkan perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) untuk meningkatkan operasi dan perniagaan mereka. Program penciptaan nilai ini memberi tumpuan kepada operasi, perancangan kewangan dan perniagaan serta penambahbaikan untuk meningkatkan perniagaan, rangkaian dan pengedaran. Pada tahun 2022, tiga (3) syarikat telah berjaya menyelesaikan program ini (Sosio Intelligence, Eatalian Express dan ATF Sport Taping), sementara dua (2) lain masih dalam bimbingan (Hutan Ration dan Quranic Pro Academy).

Terdapat tiga (3) syarikat baharu yang turut serta ke dalam programnya:

1. Zaahara Ventures, sebuah syarikat yang mengeluarkan kelengkapan Muslim seperti teleung dan sejahad.
2. Physiomobile, rangkaian perkhidmatan fisioterapi Bumiputera terbesar dengan rangkaian 12 klinik dan pusat pemulihan; dan
3. AKAL, sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan korporat yang berkualiti.

Kini, jumlah Syarikat di bawah inisiatif ILTIZAM Advance mencapai 18 syarikat.

Syarikat-syarikat yang telah tamat Program ILTIZAM Advance pada 2022

1. SOCIO Intelligence

- SOCIO Intelligence (SOCIO) berjaya menamatkan tiga (3) rancangan penciptaan nilai (VCP) pada tahun ini. Kerangka Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko telah dibentuk untuk memastikan perlindungan aset intelektual SOCIO. Selain itu, SOCIO telah berjaya menggunakan dua (2) sistem operasi, iaitu Zoho CRM dan Click Up, untuk meningkatkan kecekapan operasi dan menyelaraskan proses perniagaan mereka. SOCIO juga telah menambahbaik struktur pasukannya dengan mengenal pasti keupayaan dan jurang-jurang yang ada dan mengembangkan bakat berprestasi tinggi untuk meningkatkan kualiti kerja.
- SOCIO menyediakan perkhidmatan dan penyelesaian digital yang kreatif dan pintar. Beribu pejabat di Kuala Lumpur, SOCIO turut mempunyai pejabat di Bangkok, Thailand untuk memperluas kehadirannya sebagai penyedia penyelesaian digital.

2. Eatalian Express

- Diasaskan oleh pasangan suami isteri Ahmad Yusman Faris Mohd Yusoff dan Noraida Mohd Razali, syarikat ini mengeluarkan pasta dan sos infusi sayuran premium dengan tujuan menawarkan pilihan makanan yang lebih sihat kepada pengguna.

ILTIZAM Bersama Ekuinas

- Pada tahun 2022, Eatalian Express mengembangkan perniagaannya dengan menawarkan *Little Nuur Ready-to-Eat* dan produk mesra perjalanan, dengan menawarkan sos pasta, bubur bayi dan makanan bayi lain.
- Tiga (3) VCP telah berhasil diselesaikan termasuk (1) Rombakan laman web Eatalian Express dan peningkatan antara muka pengguna. (2) Penjenamaan dan pemasaran bersama Dato' Fazley Yaakob dan keunikan resipi yang dicipta daripada produk Eatalian Express. (3) Menyediakan kerangka, SOP, dan struktur untuk Eatalian Express' Vegetable Pasta untuk pengiktirafan oleh HACCP.

3 ATF Sport Taping

- ATF Sport Taping diasaskan oleh dua (2) orang jurutera, yang juga bekas pemain dalam Pasukan Ragbi Kebangsaan Malaysia. Mereka mengeluarkan pelbagai jenis pita sukan premium termasuk Kinesio, pembalut, underwrap, dan pita tegar.
- Dua (2) VCP yang telah berjaya diselesaikan adalah: (1) Pemasaran digital untuk meningkatkan kesedaran pelanggan dan menarik minat orang ramai untuk mencuba produk ATF. (2) Menghasilkan 21 video pendek untuk meningkatkan kesedaran dalam kepentingan penggunaan pita sukan dan informasi tentang penggunaan pelbagai pita sukan secara betul.

Syarikat-syarikat yang masih menjalani pelan penciptaan nilai

1. Hutan Ration

- Hutan Ration adalah sebuah syarikat yang berfokus kepada pembuatan granola dan bar tenaga atau *energy bars*. Hutan Ration bangga dengan penggunaan 100% bahan semula jadi dan halal, tanpa bahan pengawet, bahan tambahan, pewarna, atau gula tambahan. Setiap bar dirumuskan khusus kepada keperluan pemakanan untuk aktiviti sukan yang berbeza.
- Pelan penciptaan nilai untuk Hutan Ration diteruskan dengan usaha untuk menambah baik prestasi kewangan dan portfolio produk mereka. Analisa kos dan keuntungan telah dikendalikan dengan bantuan perunding profesional untuk mengenal pasti penentuan harga yang lebih kompetitif.
- Untuk mencapai hasrat meningkatkan pengenalan produk Hutan Ration melalui saluran pengedaran yang paling berkesan, kami terlibat secara aktif dengan pengedar dan penasihat perniagaan. Kejayaan yang ketara ialah kerjasama yang terjalin dengan Al-Ikhlas Sports untuk mengeluarkan empat (4) perisa bar tenaga yang unik untuk Al-Ikhlas Sports yang kini dipasarkan di semua outlet Al-Ikhlas Sports. Kebersediaan Hutan Ration untuk menampi secara lebih aktif di acara-acara sukan tempatan dan antarabangsa diberi fokus, serta keterlibatannya dalam pameran-pameran bergerak bagi meningkatkan kesedaran pasaran dan membina penglibatan pengguna.
- Berhubung dengan penciptaan nilai untuk pemasaran digital pula, pemasar digital profesional telah dilantik sebagai usaha untuk meningkatkan jualan dan mengubahsuai laman web Hutan Ration. Inisiatif ini akan diteruskan sehingga bulan Jun 2023.

2. Quranic Pro Academy

- Quranic Pro Academy (QPA) adalah sebuah pusat pendidikan al-Quran dalam talian yang komited untuk menyediakan pendidikan al-Quran yang terbaik untuk kanak-kanak dan juga

LOCAL ENTREPRENEUR FINDS SPORTS FOOD NICHE, READY TO COMPETE BEYOND BORDERS



Source: <https://www.bernama.com/en/business/news.php?id=2091955>

orang dewasa. QPA menawarkan 15 jenis latihan dan kelas yang melibatkan kecekapan membaca al-Quran untuk pelajar dari berbagai negara termasuk Malaysia, Brunei dan Singapura.

- Sebagai sebahagian daripada penciptaan nilai untuk QPA demi mengukuhkan kemampuan perniagaan, Ekuinas melibatkan perunding perniagaan untuk membangun dan melaksanakan strategi perniagaan jangka panjang, menubuahkan struktur organisasi baru, menyusun jadual dan modul latihan kakitangan serta mengukuhkan usaha pemasaran.

Syarikat-Syarikat Baharu pada tahun 2022

1. Zaahara Ventures

- Tambahan terkini kepada senarai peserta program ILTIZAM Advance ialah Zaahara Ventures, sebuah syarikat yang mengeluarkan keperluan asas muslimin dan muslimat seperti telekung, sejadar dan sebagainya. Syarikat ini telah beroperasi selama tujuh (7) tahun, sejak 2015.
- Berikutnya penyertaan ke program ini, usaha telah dibuat untuk meningkatkan jangkauan dan kesedaran pelanggan terhadap Zaahara Ventures melalui pemasaran kreatif dan gerai pop-up di beberapa pusat membeli-belah yang terpilih. Dengan memperluaskan saluran pengedarannya melalui acara-acara setempat dan gerai, Zaahara Ventures tidak hanya berhasil meningkatkan kesedaran jenama mereka tetapi juga mengembangkan keterlibatan dengan pelanggannya secara signifikan.
- Seorong perunding penjenamaan yang berpengalaman telah dilantik untuk mengenal pasti titik jualan unik (USP) Zaahara Ventures dan mewujudkan perbezaan serta identiti jenama unik untuk Zaahara Ventures.

2. Physiomobile

- PMMY Group Sdn Bhd, juga dikenali sebagai Physiomobile adalah penyedia perkhidmatan fisioterapi Bumiputera terbesar dengan rangkaian 12 klinik dan pusat pemulihan - sepuluh daripadanya terletak di Selangor dan Lembah Klang, sementara dua lagi di Melaka dan Johor Bahru.
- Ekuinas membantu Physiomobile dalam meningkatkan operasi dan kecekapan pengurusan, dengan mengkaji semula perkhidmatan pelanggan agar dapat meningkatkan pengalaman dan keterlibatan pelanggan secara keseluruhan. Selain itu, usaha juga telah dibuat untuk meningkatkan kehadiran jenama secara dalam talian dan meningkatkan trafik ke laman webnya serta meluaskan peluang untuk menukar prospek menjadi pelanggan.

3. AKAL

- AKAL Corporate Advisors Sdn Bhd (AKAL) ditubuhkan pada tahun 2010 dengan tujuan untuk menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan korporat yang berkualiti.
- Alat diagnostik Perusahaan Mikro dan Kecil (MASE) Ekuinas telah mengenal pasti proses dan cabaran perniagaan dalamannya - antaranya berkaitan dengan sistem pengebilannya, dan keperluan untuk semakan perniagaan menyeluruh bagi mengenal pasti penambahbaikan yang diperlukan dalam penawaran perkhidmatannya serta potensi kerjasama.

ILTIZAM Catalyst

ILTIZAM Catalyst menyasarkan perusahaan kecil dan baru, namun yang mempunyai rekod prestasi dua (2) tahun minima, dengan jumlah pendapatan tahunan antara RM300,000 hingga RM1,000,000. ILTIZAM Catalyst adalah inisiatif pembinaan kapasiti yang menyediakan sokongan teknikal serta bimbingan daripada pakar perunding yang berkelayakan untuk menangani isu-isu dalam bidang-bidang kritikal perniagaan iaitu kewangan dan pematuhan, penjenamaan dan pemasaran, penggunaan digital dan kepimpinan asas.

ILTIZAM Catalyst telah dilancarkan pada Julai 2022, berikutnya penglibatan secara meluas dengan pihak berkepentingan mengenai titik kepayahan, batu penghalang dan bantuan yang diperlukan untuk membina asas perniagaan yang kukuh yang akan membuka jalan untuk pertumbuhan yang mampu. Dalam perasmianya pada tahun ini, ILTIZAM Catalyst menyenaraikan pendek 113 permohonan, di mana 21 daripadanya telah dipilih untuk menyertai program ini. Syarikat-syarikat terpilih mewakili pelbagai industri seperti peruncitan, makanan dan minuman (F&B), perkhidmatan, pembuatan, penjagaan kesihatan, pendidikan, seni dan media.

Berdasarkan pencapaian awal dan maklum balas positif daripada peserta kohort pertama, ILTIZAM berhasrat untuk meneruskan inisiatif Catalyst ini sebagai program tahunan untuk membantu lebih banyak perusahaan kecil dan sederhana melalui bantuan teknikal yang sangat diperlukan untuk mengukuhkan dan meningkatkan asas perniagaan.

ILTIZAM Sosial

Tahun ini menyaksikan ILTIZAM Sosial menumpukan usahanya di Sabah dan Sarawak melalui dua (2) inisiatif. Yang pertama ialah kerjasama berterusan dengan MyHarapan untuk melengkapkan belia dan usahawan dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjadi dinamik dan lincah. ILTIZAM juga mengadakan Bengkel Kemahiran Dalam Talian ILTIZAM (IOSW), yang memberi manfaat kepada 11 usahawan sosial di Sabah. Modul utama program ini merangkumi pengurusan kewangan, penyelidikan pasaran serta pemasaran digital – yang merupakan tunjang pertumbuhan penting untuk perniagaan. Inisiatif kedua ialah ILTIZAM Social Impact Accelerator Sabah (ISIAS) yang merupakan program peningkatan kemahiran mendalam selama enam (6) bulan yang memanfaatkan sepuluh (10) usahawan sosial dengan melengkapkan mereka dengan kemahiran pemasaran, kewangan, perancangan strategik dan pembangunan produk.

ILTIZAM Ihsan

Menyedari bahawa usahawan mikro Bumiputera terus berdepan dengan cabaran dalam kedua-dua perniagaan dan pemulihan pendapatan selepas pandemik, ILTIZAM Ihsan, iaitu satu inisiatif dalam menyediakan bantuan kewangan kecil kepada usahawan mikro Bumiputera telah dilanjutkan untuk tahun kedua.

ILTIZAM Ihsan adalah inisiatif bersama dengan entiti pengurusan zakat di seluruh negara dan pada 2022 telah menyaksikan ILTIZAM bekerjasama dengan lapan (8) agensi zakat negeri untuk mengenal pasti dan membantu usahawan mikro yang paling terjejas dan memerlukan bantuan untuk membina semula perniagaan kecil mereka. Sebanyak RM7.7 juta telah disalurkan dan ini telah memanfaatkan 3,653 penerima manfaat dari sembilan (9) buah negeri termasuk Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Johor, Kelantan, Melaka, Sabah, Negeri Sembilan dan Terengganu.

Pasca pandemik, ILTIZAM Ihsan akan terus bekerjasama dengan agensi-agensi zakat untuk membantu dan meningkatkan usahawan mikro pada tahun-tahun akan datang, dengan harapan untuk memperkasakan komuniti usahawan mikro di seluruh negara.



ILTIZAM Bersama Ekuinas



ILTIZAM UNTUK PENDIDIKAN

Teras Pendidikan Iltizam bertujuan menyediakan sokongan dengan pendekatan holistik dalam pembangunan akademik, vokasional dan kemahiran pelajar dari peringkat awal hingga pengajian tinggi. Kami percaya bahawa pendidikan adalah alat untuk mobiliti sosial dan penciptaan kekayaan yang mampar, lantas program kami bertujuan untuk memotivasi dan memperkasakan para pelajar untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang kelak akan memudahkan dan membantu mereka menjana pendapatan mampar. Program-program kami ini sentiasa dikaji semula untuk penambahbaikan mengikut isu dan keperluan semasa kanak-kanak dan belia.

Program-program di bawah Pendidikan ILTIZAM ialah:

1. Program Pemerkasaan Pendidikan (EEP)
 - a. Tabung Kerjasama Pendidikan
 - b. Dana ILMU
 - c. Program Latihan dan Pembangunan Marin Industri Minyak & Gas
 - d. Program Sokongan Sekolah
 - e. Program Kembali ke Sekolah
 - f. Program Kemahiran Pendidikan
 - Projek Walter Barber
 - Projek ILTIZAM Beauty
 - Projek Hero Muay Thai
 - Projek Heads Up Second Chance
 - Projek Bring the Opportunity Programme (BTOP)
2. Program Pembangunan Profesional (PDP) ILTIZAM

ILTIZAM Education Empowerment Programme (EEP)

Tabung Kerjasama Pendidikan

Pada tahun 2022, kerjasama pertama dengan Yayasan Pelajaran MARA (YPM) membubuhkan pelaksanaan tiga (3) inisiatif untuk memanfaatkan belia Bumiputera daripada komuniti B40:



- Program PINTAR : Program akademik di bawah inisiatif Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan kerjasama Maktab Rendah Sains MARA untuk membantu pelajar luar bandar meningkatkan prestasi akademik mereka. ILTIZAM mengagihkan RM74,000 untuk menyediakan kelas tuisyen kepada 200 orang calon SPM yang dipilih dari lokaliti Betong, Sarawak dan Sandakan, Sabah.
- Skim Dana Ehsan Pendidikan (SDEP) menyediakan bantuan kewangan untuk pelajar B40 yang ingin melanjutkan pelajaran di universiti tempatan. ILTIZAM mengagihkan RM250,000 untuk mendaftarkan 100 pelajar di bawah pelbagai program akademik bagi sesi 2022. Bantuan kewangan ini meliputi yuran kemasukan, yuran pengajian dan kos sara hidup.
- ILTIZAM menganjurkan Program Latihan Kemahiran bagi menyediakan latihan teknikal berkaitan industri automotif untuk belia dari komuniti B40 yang kurang cenderung dari segi akademik. RM90,000 telah diagihkan untuk menaja orang 30 belia dan mereka akan ditempatkan di PHN Industries Sdn Bhd untuk peluang pekerjaan selepas tamat latihan.

Dana ILMU

Memasuki tahun kesepuluh, Dana Pendidikan ILTIZAM atau Dana ILMU yang telah diperkenalkan pada 2013 terus menyokong pelajar dari golongan B40 yang menunjukkan keazaman dan kecemerlangan dalam bidang akademik tetapi mempunyai kekangan kewangan. Pada 2022, ILTIZAM mengagihkan sejumlah RM1.5 juta kepada 3,465 pelajar berpotensi tinggi di bawah program 'Live and Learn' bagi meringankan beban pelajar B40 di Kolej Cosmopoint dan Universiti Antarabangsa UNITAR. Bantuan kewangan ini meliputi yuran akademik dan kos sara hidup.

Latihan Pembangunan Ahli Marin Untuk Industri Minyak & Gas

ILTIZAM meneruskan usaha untuk membina dan mengembangkan bakat bagi salah satu industri utama negara iaitu minyak dan gas. Sejak 2016, program ini telah menyediakan latihan akademik dan teknikal untuk krew perkapalan. Pada tahun 2022 sahaja, ILTIZAM menyalurkan hampir RM630,000 untuk melatih 27 anak kapal Bumiputera dari pelbagai pangkat seperti Pegawai Dek dan Pegawai Enjin yang berkhidmat dengan ICON Offshore Berhad dan Orkim Sdn Bhd.

Program Sokongan Sekolah

Di bawah Program Sokongan Sekolah (SSP), ILTIZAM memfokuskan kepada tiga (3) sekolah yang majoriti pelajarnya terdiri daripada komuniti Orang Asli. Sekolah tersebut ialah Sekolah Kebangsaan Bukit Lanjan di Damansara Perdana, Sekolah Kebangsaan Tun Abdul Razak di Kuala Kubu Bharu dan Sekolah Kebangsaan Sungai Melut di Dengkil. Di bawah program ini, sejumlah RM61,000 telah diagihkan untuk pelbagai inisiatif ke arah meningkatkan kadar kehadiran ke sekolah di kalangan murid-murid Orang Asli dan tahap celik huruf di samping menaik taraf kemudahan sekolah. Inisiatif ini telah memanfaatkan lebih daripada 426 orang murid.

ILTIZAM juga bekerjasama dengan Pusat Autisme IDEAS dan menaja program intervensi awal selama enam (6) bulan yang merangkumi terapi pertuturan dan permainan untuk 57 kanak-kanak autisme daripada komuniti B40.

Dalam menyokong akses kepada pendidikan berkualiti untuk pelajar cacat penglihatan, ILTIZAM menyumbang lapan (8) mesin Brailler klasik Perkins kepada Sekolah Kebangsaan Jabi di Pokok Sena dan Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas di Pasir Mas, Kelantan. Sekolah-sekolah ini telah dikenal pasti dengan bantuan Yayasan Orang Buta Malaysia.

Program Kembali Ke Sekolah

Program Kembali Ke Sekolah ILTIZAM telah dilancarkan pada tahun 2016 dengan tujuan meringankan beban keluarga berpendapatan rendah dengan menyediakan kelengkapan sekolah seperti pakaian seragam, beg, stokin, dan kasut sebagai persediaan menghadapi tahun persekolahan baru.

Tahun ini, ILTIZAM mengagihkan keperluan sekolah berjumlah RM475,695 kepada pelajar di seluruh negara. Melalui Kerjasama dengan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan agensi lain, ILTIZAM mengenalpasti kanak-kanak dan kelurga miskin di seluruh Malaysia untuk dibantu melalui program ini. Melalui Kerjasama dengan Yayasan Orang Buta, ILTIZAM membantu 100 orang pelajar cacat penglihatan dari 29 buah sekolah. Program Kembali ke Sekolah ILTIZAM memanfaatkan lebih daripada 4,029 kanak-kanak daripada komuniti kurang berkemampuan di 40 buah sekolah di seluruh negara.



ILTIZAM Bersama Ekuinas



Program Pendidikan Kemahiran

Sejak dari penubuhannya, ILTIZAM melancarkan pelbagai projek perintis untuk mencari peluang-peluang baru dalam membantu golongan asnaf dan B40 selain daripada platform akademik yang ada, bagi memudahkan akses kepada latihan profesional dan peluang pekerjaan. Pada 2022, ILTIZAM mengendalikan program-program berikut selepas projek perintis awal:

- ILTIZAM menyalurkan RM500,500 untuk menaja 20 orang belia lelaki dari komuniti B40 untuk mendapat sijil rasmi sebagai penggunting rambut profesional di bawah projek ILTIZAM Walter Barber dan 25 orang belia wanita untuk menjalani latihan dandanan rambut profesional di bawah Project ILTIZAM Beauty.
- Di bawah Project Hero Muay Thai, ILTIZAM bekerjasama dengan Discover MuayThai dalam mengendalikan dua (2) program, iaitu Akademi Discover MuayThai (DMT) dan DMT Elite. Kursus selama empat (4) bulan DMT Academy ini telah direka untuk membantu pesalah juvana dan anak muda dalam membina disiplin, keyakinan diri dan kemahiran hidup sambil meningkatkan pergaulan mereka dengan masyarakat. Program ini telah menaja 14 orang belia yang kurang berasib baik, termasuk yang tercicir dari sekolah dan universiti, pesalah juvana, anak yatim dan belia B40, untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran hidup penting yang sejajar dengan minat mereka sama ada dalam seni mempertahankan diri atau akademik. Setelah tamat Latihan, tujuh (7) individu meneruskan perjalanan dengan DMT sebagai pelatih MuayThai, enam (6) individu telah menceburti penempatan pekerjaan profesional dan seorang (1) telah melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam (6).

Program DMT Elite pula bertujuan untuk melengkapkan pemilik gim seni mempertahankan diri dan bekas atlet dengan kemahiran keusahawanan untuk mencipta nilai dan membawa impak kepada komuniti mereka. DMT Elite membantu kira-kira 20 orang belia dengan menyediakan modul latihan pengurusan gim, jualan dan pemasaran serta strategi perniagaan.

- ILTIZAM menyalurkan hampir RM91,000 di bawah Project Heads Up Second Chance untuk menaja 55 orang belia Bumiputera daripada komuniti B40 yang telah ditempatkan di Sekolah Henry Gurney, sekolah untuk pesalah juvana. Program ini bertujuan untuk membina keyakinan dan melengkapkan pelajar juvana dengan kemahiran yang boleh dipasarkan atau mampu menolong mereka mendapat pekerjaan untuk menyara hidup dan juga bergaul semula dengan Masyarakat selepas keluar dari sekolah. Semua 55 peserta berjaya mendapat pekerjaan selepas program tersebut.

- Project Bring the Opportunity Programme (BTOP) ialah program yang menggabungkan modul latihan dan kaunseling sukan untuk menggalakkan penyertaan aktif dalam sukan, meningkatkan keyakinan diri, sambil mengemudi pelajar daripada aktiviti-aktiviti yang tidak produktif. 60 orang pelajar kurang berkemampuan dari Sekolah Kebangsaan Badak di Bachok, Kelantan terlibat di dalam program sepanjang 10 bulan yang dianjurkan buat kali pertama ini. Ia menggabungkan latihan bola sepak dan kaunseling. Program ini terbukti berkesan dengan kadar kehadiran ke sekolah menunjukkan peningkatan yang luar biasa.

Program Pembangunan Profesional (PDP) ILTIZAM



Pelaksanaan program Pendidikan induk ILTIZAM, iaitu Program Pembangunan Profesional (PDP) ILTIZAM yang telah menjadi program tahunan, diteruskan pada 2022 dengan kohort seramai 75 orang graduan. Sejak pelancaran program laihan sambil bekerja selama 12 bulan ini pada tahun

2012, PDP telah melatih seramai 582 orang graduan, dengan purata 88% kadar kejayaan di mana graduan berjaya mendapat pekerjaan tetap dalam tempoh enam (6) bulan atau kurang, setelah menamatkan Latihan.

Graduan-graduan PDP ini berjaya memperoleh penempatan tetap dalam berbagai organisasi termasuk Ekuinas, syarikat portfolio dan syarikat rakan kongsi seperti Al-Ikhlas Sports, KAF Investment Bank, TikTok, Alam Flora Sdn. Bhd, Habib Jewels dan banyak lagi.

Bersempena dengan ulang tahun ke-10 program PDP pada tahun 2022, sebanyak 271 orang alumni telah berkumpul untuk majlis makan malam alumni PDP yang dianjurkan pada julung kali. ILTIZAM juga telah merasmikan dan melancarkan portal Alumni PDP untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan dan jalinan rangkaian di antara semua alumni. Papan pemuka alumni ini bertujuan untuk memudahkan kerjasama yang berkesan di antara alumni, selain mengekalkan hubungan erat dengan Ekuinas.



ILTIZAM UNTUK KOMUNITI

ILTIZAM meneruskan komitmennya di bawah teras ketiga, iaitu Komuniti, untuk menyokong dan memberi bantuan kepada masyarakat Bumiputera yang kurang berasib baik melalui Program Sokongan Komuniti (CSP). Pada tahun 2022, kira-kira 10,000 orang telah menerima manfaat daripada pelbagai inisiatif di bawah CSP.

Agihan Makanan

- ILTIZAM menyalurkan RM518,000 melalui pengagihan makanan kepada golongan kurang berkemampuan seperti keluarga B40, isi rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), orang kurang upaya, ibu tunggal dan anak yatim. ILTIZAM turut bekerjasama dengan kira-kira 20 badan bukan kerajaan (NGO) dan lima (5) rumah kebajikan dan masjid untuk mengagihkan makanan dan keperluan harian kepada 4,000 individu.
- Sebanyak RM351,000 telah disalurkan sebagai bantuan kepada golongan kurang berkemampuan dan menyokong aktiviti sepanjang bulan Ramadan. ILTIZAM telah bekerjasama dengan 26 NGO, rumah kebajikan, surau dan sekolah, dan telah memanfaatkan 3,200 orang isi rumah, khususnya golongan asnaf dan gelandangan, pelajar B40, kanak-kanak berkeperluan khas, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas. Bantuan yang disalurkan bertujuan meringankan beban kewangan dan menyediakan juadah berbuka puasa dan bersahur pada bulan Ramadan, khususnya untuk sekolah tahfiz, rumah kebajikan dan rumah OKU.

Bantuan Pasca Bencana

- ILTIZAM turut menyalurkan RM429,000 melalui kerjasama dengan 24 NGO dan sebuah sekolah tahfiz untuk membantu komuniti yang terjejas akibat bencana banjir dengan pengagihan bekalan makanan, barangani isi rumah, kit pembersihan dan kebersihan serta bantuan untuk kerja-kerja pemulihan yang memanfaatkan seramai 3,100 isi rumah.

Kesedaran Kesihatan Mental

- ILTIZAM telah menaja sebanyak RM37,000 kepada Yayasan MyHeart untuk menganjurkan bengkel serta program kesedaran kesihatan mental selama sebulan untuk mendidik orang ramai tentang kesihatan mental dan langkah-langkah menangani kemurungan. Program ini dijalankan secara fizikal dan digital, melalui Facebook Live dan telah memanfaatkan kira-kira 300 pesakit dan orang awam.



SKIM ZAKAT WAKALAH

Ekuinas juga bertindak sebagai wakil Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ MAIWP), untuk pengagihan zakat wakalah kepada masyarakat asnaf seperti fakir, miskin, muallaf, fisabilillah dan gharimin yang tidak tersenarai sebagai penerima di bawah program-program CSR ILTIZAM yang lain.

Bagi Zakat yang diterima daripada LZS, sejumlah RM141,006 telah diagihkan kepada 60 penerima yang layak, termasuk satu (1) surau, 50 individu asnaf dan sembilan (9) orang pesakit asnaf melalui Hospital Canselor Tuanku Muhriz di mana RM50,000 telah disalurkan. Dana yang diagihkan digunakan untuk perbelanjaan perubatan, bantuan banjir dan yuran pendidikan.

Ekuinas turut menerima RM655,659 daripada PPZ MAIWP dan sebanyak RM441,011 telah diagihkan kepada 351 orang pelajar asnaf di Kolej Cosmopoint dan Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMUC). Bantuan kewangan ini disalurkan untuk yuran pendidikan dan bantuan bencana bagi mereka yang terjejas akibat banjir kilat yang melanda pada bulan Disember 2021 dan Januari 2022.

PENGHARGAAN

ILTIZAM ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa CSR, kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan Ekuinas, Syarikat-syarikat portfolio, syarikat rakan kongsi PDP, pihak NGO, Kementerian Ekonomi, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan kementerian-kementerian lain serta Kerajaan Malaysia atas sokongan berterusan terhadap program-program ILTIZAM.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih khusus kepada Y.Bhg. Tan Sri Rahamat Bivi Yusoff yang telah berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa CSR (CSRC) Ekuinas dari 2017 hingga Jun 2022. Sumbangan beliau amat besar dan kepimpinan beliau dalam menetapkan standard tadbir urus yang tinggi untuk CSR Ekuinas amat dihargai.

Misi ILTIZAM kekal untuk terus berkhidmat kepada komuniti-komuniti yang kurang berasib baik dan kurang mendapat bantuan dengan membuka peluang-peluang untuk mereka membangun, mencapai matlamat dan potensi mereka. Adalah menjadi harapan kami bahawa ILTIZAM telah membawa impak positif dalam kehidupan individu-individu dan komuniti yang dibantu dan semoga ILTIZAM terus memberi inspirasi kepada mereka yang dibantu, agar mereka menyumbang semula kepada komuniti masing-masing.




Penyata Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, Ekuinas komited sepenuhnya terhadap standard tadbir urus yang tinggi, ketelusan dan pelaporan yang berkualiti dalam Laporan Tahunannya. Sejak penubuhannya dan dari pelbagai pendedahan yang dibuat setiap tahun, Ekuinas jelas mengamalkan prinsip dan amalan yang sesuai dengan keperluan tadbir urus korporat yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia), Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (MCCG) 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Kod) dan panduan-panduan lain yang berkaitan yang dikeluarkan oleh badan-badan kawal selia walaupun Ekuinas bukan entiti yang tersenarai awam.

RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

Kerangka Tadbir Urus Korporat kami, yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dilaksanakan sejak tahun 2010, berdasarkan prinsip-prinsip berikut:



RANGKA KERJA TADBIR URUS KORPORAT EKUINAS

PENYATA TADBIR URUS YANG BAIK

Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa

Peranan dan Tanggungjawab Pengarah

Pengurusan Pihak Berkepentingan

Kebertanggungjawaban dan Audit

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Sistem dan Kawalan Dalaman

Rangka Kerja Audit Dalaman


Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Rangka Kerja Audit Luaran

Kenyataan ini telah disediakan berpandukan kepada prinsip pendedahan dan panduan amalan korporat terbaik yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia dalam Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (MMLR), MCCG 2021 serta Dasar Pendedahan Ekuinas. Kenyataan ini bertujuan untuk menyediakan pihak berkepentingan Ekuinas dengan maklumat peringkat tinggi yang bermakna dan penting tentang amalan tadbir urus Ekuinas, dengan tumpuan kepada tiga (3) prinsip utama yang tertera di dalam Kod iaitu Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga, Audit Berkesan & Pengurusan Risiko dan Integriti dalam Pelaporan Korporat & Hubungan Bermakna dengan Pihak Berkepentingan.

Sepanjang tahun kewangan, Lembaga Pengarah terus memastikan standard tertinggi tadbir urus korporat diamalkan dan diperbaiki lagi untuk meningkatkan perlindungan pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah menerima pakai Piagam Tadbir Urus yang mentakrifkan prinsip tadbir urus utama yang perlu dipatuhi oleh Lembaga Pengarah dan Syarikat, dan menetapkan nilai-nilai utama, prinsip-prinsip dan ethos Ekuinas.

Piagam ini bukan sahaja sebagai peringatan tentang peranan dan tanggungjawab Lembaga, tetapi juga sebagai pernyataan umum tentang hasrat dan jangkaan tentang bagaimana Lembaga akan melaksanakan tugas mereka. Piagam ini membincangkan antara lain, Tugas dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah, Komposisi Lembaga Pengarah, Pemisahan Kuasa, Kod Etika, Delegasi Kuasa, Penglibatan Pemegang Kepentingan dan Komunikasi, serta Proses Kawalan dan Audit Dalam.



Penyata Tadbir Urus Korporat


TANGGUNGJAWAB DAN HAD BIDANG KUASA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi, yang berperanan bukan eksekutif, mengetuai dan menyelia kerja Lembaga Pengarah di mesyuarat dan bertanggungjawab ke atas kepimpinan Lembaga Pengarah, organisasi dan kecekapan organisasi, serta memastikan prinsip dan proses Lembaga Pengarah dikekalkan. Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah untuk pembangunan dan pelaksanaan strategi, dasar, perniagaan dan perilaku Ekuinas.

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif jelas diasingkan dan dipegang oleh individu yang berbeza untuk memastikan keseimbangan kuasa yang sesuai. Pemisahan tanggungjawab dan peranan yang jelas menggalakkan perbahasan yang membina, keberkesanannya dalam membuat keputusan dan meningkatkan akauntabiliti. Menggabungkan kedua-dua jawatan boleh menyebabkan tindakan berat sebelah dan menjelaskan keupayaan dan kesanggupan Pengarah Bebas untuk melaksanakan pertimbangan yang bebas.

Para Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, yang kesemuanya merupakan individu yang berkelayakan dan cemerlang, membawa kepada Lembaga pengetahuan mendalam dalam bidang masing-masing. Mereka tidak mengambil bahagian dalam operasi harian dan tidak terlibat dalam sebarang urusan perniagaan atau hubungan lain dengan Ekuinas untuk memastikan bahawa mereka mampu melaksanakan pertimbangan secara objektif dan bertindak demi kepentingan terbaik Ekuinas. Profil ahli Lembaga diserlahkan pada halaman 16 ke 25 Laporan Tahunan ini.

KOMPOSISI DAN KESEIMBANGAN LEMBAGA PENGARAH



Memandangkan Kerajaan Malaysia secara tidak langsung adalah pemegang saham muktamad Syarikat, sebagai tambahan kepada definisi yang ditetapkan dalam MMLR, Lembaga Pengarah juga mempertimbangkan sebagai sebahagian daripada kriterianya mengenai Pengarah Bebas, ahli yang sedang dalam perkhidmatan kerajaan (dan telah berkhidmat selama dua tahun lepas) sebagai tidak bebas.

Lembaga Pengarah komited untuk mengekalkan perwakilan Pengarah Bebas yang kukuh dalam Lembaga serta memastikan objektiviti terhadap semua isu yang dibincangkan. Struktur semasa Lembaga dan integriti setiap Pengarah memastikan tiada individu atau kumpulan yang mendominasi proses membuat keputusan. Lembaga diterajui oleh ahli Lembaga yang aktif dan berpengalaman dengan latar belakang profesional yang pelbagai termasuk industri dan komersial, perakaunan

dan kewangan, perniagaan dan pengurusan, kawal selia dan perkhidmatan awam. Gabungan kemahiran dan pengalaman ini menambah nilai dalam menerajui hala tuju strategik dan prestasi Ekuinas sebagai organisasi pengurusan dana ekuiti persendirian bertaraf dunia dan untuk membimbing organisasi dalam mencapai objektif dan visinya.

Pada 31 Disember 2021, Lembaga Pengarah terdiri daripada tujuh (7) ahli, di mana majoriti daripadanya adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Pengerusi semasa telah berkhidmat selama lebih daripada sembilan (9) tahun secara kumulatif, bagaimanapun, setelah dinilai oleh Lembaga dan memenuhi kriteria kebebasan, beliau dikekalkan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas sementara sebagai sebahagian daripada rancangan penggantian Lembaga.

Nama Pengarah	Status Kepengurusan Sebagai Pengarah	Tempoh Berkhidmat Kumulatif (Tahun)
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif	13
Tan Sri Dato Seri Mohamed Jawhar Hassan¹	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	13
Datuk Ali Abdul Kadir	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	7
Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff¹	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	11*
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3
Datuk Saiful Anuar Lebai Hussen¹	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	3
Datuk Maimoonah Mohamed Hussain	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Kurang daripada 1
Dato' Abdul Mutualib Alias	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Kurang daripada 1
Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	Kurang daripada 1
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir	Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)	7

* Dikategorikan sebagai Pengarah Bebas pada Oktober 2019

¹ Nota: Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff meletak jawatan pada 30 Jun 2022; Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan meletak jawatan pada 30 September 2022; Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Hussen meletak jawatan pada 14 Oktober 2022.

Pelantikan dan Pemilihan Semula Lembaga Pengarah

Saiz dan komposisi Lembaga Pengarah disemak dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), demi memastikan saiz Lembaga adalah kondusif untuk tujuan perbincangan dan proses membuat keputusan yang berkesan serta memastikan bahawa Lembaga mempunyai bilangan pengarah bebas yang sewajarnya. Jawatankuasa tersebut juga berusaha untuk mengekalkan keseimbangan kepakaran, kemahiran dan keupayaan yang berkesan di kalangan para Pengarah, termasuk mengelakkan potensi konflik kepentingan.

NRC menentukan dan menyemak profil ahli-ahli Lembaga Pengarah dan membuat saranan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, pencalonan semula dan persaraan Pengarah.

Apabila Pengarah sedia ada memilih untuk bersara atau Pengarah baru perlu dilantik, NRC akan mengkaji semula kepakaran, kemahiran dan ciri-ciri ahli dan komposisi Lembaga Pengarah. NRC akan mengenalpasti keperluan Ekuinas dan menyenarai pendek calon-calon yang mempunyai profil bersesuaian untuk dicalonkan atau dicalonkan semula. Sekiranya perlu, NRC juga boleh memohon nasihat daripada perunding luar bidang sumber manusia.

Keahlian NRC terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dan majoritinya adalah Pengarah Bebas. Maklumat terperinci mengenai skop dan fungsi NRC boleh didapati di halaman 91 di dalam Penyata Tadbir Urus Korporat.

Kebebasan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah, melalui NRC, menjalankan penilaian ke atas kebebasan dan sikap berkecuali semua Pengarah Bebas sepanjang

tahun kewangan untuk memastikan pertimbangan bebas dilaksanakan demi kepentingan terbaik Syarikat. Pengarah Bebas mempunyai kewajipan untuk mengisyiharkan kebebasan mereka dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai sebarang kemungkinan konflik kepentingan. Penilaian kebebasan berpandukan takrifan "pengarah bebas" seperti yang ditetapkan oleh MMLR Bursa Malaysia.

Keberkesanan Lembaga Pengarah

Penilaian Keberkesanan Lembaga (BEE) adalah latihan bagi Lembaga Pengarah untuk memantau prestasinya sendiri dan komitmen untuk peningkatan berterusan. Melalui NRC, penilaian formal dijalankan untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, prestasi dan sumbangan Pengarah individu. NRC menjalankan BEE dengan bantuan Jabatan Perundungan Syarikat dan CGRM. Prestasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya, termasuk Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif telah disemak melalui soal selidik dan penilaian kendiri mengenai bidang-bidang utama termasuk Tanggungjawab Lembaga Pengarah, Komposisi dan Pentadbiran Lembaga Pengarah, Tatakelakuan Lembaga Pengarah, Interaksi dan Komunikasi Lembaga Pengarah, serta Struktur dan Proses.

BEE terkini dijalankan pada tahun 2021 bagi TK2020/2021. Keputusan BEE yang dijalankan pada masa itu adalah positif, mengesahkan bahawa Lembaga Pengarah berkesan dalam peranan menyediakan panduan strategik, dan pemantauan pelaksanaan, sambil mengekalkan tugas fidusiaris mereka. Lembaga Pengarah mengambil tindakan segera dalam menangani bidang penambahbaikan yang diketengahkan dalam laporan itu termasuk penambahbaikan kepada komposisi Lembaga dan perancangan penggantian untuk Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.

Penyata Tadbir Urus Korporat

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH

Mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun untuk menyemak dan meluluskan keputusan kewangan dan membincangkan laporan tentang prestasi, rancangan dan usul Syarikat yang dibuat oleh pihak Pengurusan. Mesyuarat Lembaga Pengarah juga diadakan pada penghujung tahun kewangan untuk mempertimbang dan meluluskan belanjawan Syarikat bagi tahun berikutnya. Mesyuarat Khas Lembaga Pengarah akan diadakan apabila perlu bagi mempertimbangkan hal-hal yang memerlukan keputusan segera pihak Lembaga Pengarah.

Jadual Mesyuarat Lembaga dimaklumkan kepada semua ahli sebelum permulaan setiap tahun kewangan untuk membolehkan perancangan awal dan komitmen untuk kehadiran daripada semua Ahli Pengarah.

Kehadiran di Mesyuarat-Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Rekod kehadiran para Pengarah di mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Lembaga	Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko	Jawatankuasa Pelantikan & Ganjaran	Jawatankuasa Pelaburan	Jawatankuasa CSR
Bilangan Mesyuarat Diadakan	8	5	6	5	2
Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Dihadiri				
Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda	8	–	6	–	–
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan	5 daripada 5	3 daripada 3*	5 daripada 5*	–	–
Datuk Ali Abdul Kadir	7	5	–	5	–
Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff	4 daripada 4*	2 daripada 2*	–	–	–
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed (Dilantik sebagai Pengerusi ARMC berkuatkuasa pada 26 Ogos 2022)	6	4	–	4	–
Datuk Saiful Anuar Lebai Husen	5 daripada 5*	2 daripada 3*	4 daripada 5*	–	–
Tan Sri Shahril Ridza Ridzuan	3 daripada 3*	–	–	–	–
Datuk Maimoonah Mohamed Hussain (Dilantik sebagai ahli NRC berkuatkuasa pada 26 Ogos 2022)	6 daripada 6*	–	1 daripada 1*	3 daripada 3*	–
Dato' Abdul Mutalib Alias (Dilantik sebagai Pengerusi ARMC, ahli NRC dan Pengerusi CSRC yang berkuatkuasa pada 26 Ogos 2022)	6 daripada 6*	3 daripada 3*	1 daripada 1*	–	2
Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir	8	5	6	5	2

* Mencerminkan bilangan mesyuarat selepas perlantikan

TANGGUNGJAWAB DAN HAD KUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah menetapkan Had Kuasa yang merizabkan kuasa penuh membuat keputusan kepada Lembaga mengenai perkara khusus seperti:

- i. Pemerolehan dan pelupusan pelaburan;
- ii. Rancangan tahunan, belanjawan dan strategi Syarikat;
- iii. Dasar-dasar utama, prosedur dan delegasi kuasa; dan
- iv. Perubahan kepada Pengurusan Kanan dan Eksekutif.

Selain daripada perkara-perkara di atas yang secara khusus memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah juga meluluskan urus niaga yang melebihi had nilai ambang tertentu, sambil mewakilkan kuasa untuk urus niaga di bawah had tersebut kepada Pengurusan untuk mengoptimumkan kecekapan operasi. Lembaga Pengarah menyelia hal ehwal perniagaan Ekuinas dan bertanggungjawab diatas perkara-perkara berikut:

- bimbingan strategik kepada Ekuinas dan meneliti objektif-objektif yang disarankan serta strategi pencapaiannya;
- meningkatkan nilai jangka panjang bagi pihak berkepentingan Ekuinas di samping memelihara dan melindungi nilai-nilai asas Ekuinas untuk kepentingan mereka;
- memantau pengurusan Ekuinas secara efektif termasuk sistem kawalan dan akauntabilitinya;

- meluluskan dan memantau hala perbelanjaan modal yang besar, pengurusan modal dan pemerolehan/pelupusan pelaburan;
- memantau pematuhan semua obligasi undang-undang, cukai dan kawal selia;
- mengkaji semula dan mengesahkan sistem pengurusan risiko dan pematuhan dalaman serta kawalan, kod perilaku, pendedahan berterusan, pematuhan undang-undang serta dasar-dasar korporat penting yang lain;
- memantau prestasi pihak Pengurusan dan pelaksanaan strategi dan dasar, di samping memastikan ketersediaan sumber yang berkaitan;
- melulus dan memantau laporan kewangan dan laporan-laporan lain-lain kepada pasaran, kakitangan dan pihak berkepentingan; dan
- melulus pelantikan, pelantikan semula atau penggantian juruaudit luaran

Sejak penubuhannya, Ekuinas tetap komited dan mengamalkan pelaburan mampan dalam melaksanakan semua pelaburannya. Dalam konteks ini, Lembaga Pengarah sedar akan tanggungjawabnya termasuk menetapkan strategi, keutamaan dan matlamat kelestarian Syarikat. Pada TK2021, Lembaga Pengarah telah menerima pakai kerangka ESG Ekuinas dan pendekatan pelaksanaannya. Butiran tentang usaha dan matlamat Kelestarian kami terdapat di halaman 98 Laporan Tahunan ini.

KOD PERILAKU

Ekuinas telah menerima pakai Kod Etika Pengarah untuk semua ahli Lembaga Pengarah Ekuinas yang berdasarkan prinsip-prinsip keikhlasan, integriti, tanggungjawab dan tanggungjawab sosial korporat. Kod Etika Pengarah menetapkan nilai-nilai etika di seluruh Syarikat dan memastikan pematuhan.

Selaras dengan komitmen Lembaga Pengarah dalam menyokong dan mempromosikan budaya integriti di syarikat selaras dengan keperluan dan jangkaan dalam Garis Panduan Prosedur Memadai (GAP) bagi Seksyen 17A Akta SPRM, Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi yang berkaitan telah diformalkan dan dilaksanakan di Ekuinas dan semua syarikat dalam portfolionya.

KOD PERILAKU

KOD PERILAKU PENGARAH

KOD PERILAKU PEKERJA

KOD PERILAKU PENYEDIA PERKHIDMATAN

Dasar Penyelewengan dan Pemberi Maklumat

Polisi Rasuah & Anti Korupsi (ABC)

Pendedahan & Urus Niaga Sekuriti

Penyata Tadbir Urus Korporat

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tanggungjawabnya dengan cekap dari segi pemantauan pengurusan syarikat secara bebas, beberapa jawatankuasa lembaga pengarah (Jawatankuasa Lembaga Pengarah) telah ditubuhkan, seperti berikut:

- Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko;
- Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran;
- Jawatankuasa Pelaburan;
- Jawatankuasa CSR.

Fungsi dan Bidang Tugas (TOR) bertulis bagi semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditakrifkan dengan jelas dan di mana berkenaan, mematuhi saranan Kod. Kuasa dan bidang tugas akan disemak secara berkala untuk memastikan kandungannya kekal relevan dan dikemaskini.

Saranan dan keputusan yang dibuat oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dicatat dan direkodkan di dalam minit mesyuarat Ringkasan laporan dan pertimbangan setiap Jawatankuasa ini seterusnya dimasukkan ke dalam minit mesyuarat Lembaga Pengarah.

Huraian ringkas setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan tanggungjawab utama mereka adalah seperti berikut:

a. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif.

Pengerusi

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed
(Berkuatkuasa 26 Ogos 2022)

Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff
(Sehingga 30 Jun 2022)

Ahli:

Datuk Ali Abdul Kadir

Dato' Abdul Mutualib Alias
(Berkuatkuasa 26 Ogos 2022)

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
(Sehingga 30 September 2022)

Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Hussen
(Sehingga 14 Oktober 2022)

Butiran lanjut berkenaan TOR dan ringkasan aktiviti Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko sepanjang tahun kewangan ini dibentangkan di halaman 122 hingga 123 Laporan Tahunan ini.

b. Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC)

Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC) dianggotai oleh tiga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, dan seorang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif di mana kesemuanya bukan ahli kumpulan

Pengurusan dan tiada sebarang hubungan perniagaan atau hubungan lain yang mampu menjelaskan pertimbangan bebas mereka. Ahli-ahlinya terdiri daripada:

Pengerusi

Datuk Maimoonah Mohamed Hussain
(Berkuatkuasa 30 September 2022)

Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan
(Sehingga 30 September 2022)

Ahli:

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda

Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed

Dato' Abdul Mutualib Alias
(Berkuatkuasa 26 Ogos 2022)

Datuk Seri Saiful Anuar Lebai Hussen
(Sehingga 14 Oktober 2022)

Sebanyak enam (6) mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan ini dan rekod kehadiran setiap ahli disediakan di dalam jadual di halaman 114. Maklumat lanjut mengenai aktiviti NRC sepanjang tahun kewangan diterangkan secara terperinci di halaman 120.

c. Jawatankuasa Pelaburan (IC)

Jawatankuasa Pelaburan dianggotai oleh ahli-ahli Pengurusan Kanan Syarikat dan sekurang-kurang satu (1) orang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Struktur ini lazimnya diperlakukan di sebahagian besar firma ekuiti persendirian bagi memastikan keputusan pelaburan dibuat tepat pada masanya dengan penyeliaan yang mencukupi, komitmen yang teguh dan kebertanggungjawaban pihak kakitangan pelaburan yang profesional.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa Pelaburan termasuk:-

- meluluskan cadangan bagi semua keputusan pelaburan dan pelupusan yang dibuat oleh Ekuinas;
- meluluskan semua keputusan berkaitan pengurusan pelaburan yang dibuat oleh Ekuinas; dan
- mengkaji kualiti dan kebolehpercayaan semua maklumat kewangan yang berkaitan dengan pelaburan.

d. Jawatankuasa CSR (CSRC)

Jawatankuasa CSR (CC), yang dipengerusikan oleh seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan terdiri daripada Pengurusan Kanan, telah ditubuhkan untuk mengkaji semula dan memantau program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ekuinas serta memastikan Syarikat melaksanakan tadbir urus dan kawalan dalam bagi aktiviti CSR pada standard tertinggi. Kumpulan Pengurusan dikehendaki memaklumkan aktiviti-aktiviti dan program-program CSR kepada Jawatankuasa CSR dan/atau Lembaga Pengarah apabila diarahkan.

Tanggungjawab dan fungsi utama Jawatankuasa CSR termasuk:

- menyemak dan meluluskan program-program yang dirancang serta peruntukan
- memantau pelaksanaan aktiviti-aktiviti CSR; dan
- membincangkan sebarang isu mustahak berkaitan projek-projek CSR yang mempunyai risiko kewangan atau reputasi kepada Ekuinas.

e. Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC)

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC), yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan terdiri daripada kumpulan Pengurusan Kanan, ditubuhkan untuk membantu ARMC dan Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas. SMC bermesyuarat pada setiap suku tahun untuk mengkaji laporan risiko suku tahunan sebelum membentangkan laporan tersebut kepada ARMC.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN KHIDMAT NASIHAT BEBAS

Untuk membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugasannya, pihak Pengurusan menyediakan laporan pelaburan dan laporan kewangan menyeluruh secara berkala. Lazimnya, pihak Pengurusan berusaha untuk mengemukakan agenda mesyuarat bersama satu set kertas kerja Lembaga Pengarah yang mengandungi maklumat yang berkaitan kepada ahli Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya lima (5) hari sebelum mesyuarat diadakan. Ini adalah untuk memberi masa yang secukupnya kepada ahli Lembaga Pengarah untuk menyemak, menimbang dan memahami dengan lebih mendalam perkara-perkara yang akan dibincangkan sebelum mesyuarat diadakan, lalu memberi peluang secukupnya untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan.

Kertas Kerja Lembaga Pengarah disediakan dalam format yang distrukturkan dengan kemas, konsisten, ringkas dan tepat, mengandungi maklumat kuantitatif dan kualitatif, agar keputusan terbaik dapat dicapai.

Kertas Kerja Lembaga Pengarah merangkumi antara lainnya:

- i. Minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah terdahulu;
- ii. Kesemua Minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah terdahulu;
- iii. Laporan perkara-perkara berbangkit;
- iv. Laporan perkara-perkara yang memerlukan pertimbangan dan kelulusan Lembaga Pengarah;
- v. Laporan kewangan suku tahunan dan laporan prestasi Pelaburan Syarikat; dan
- vi. hal-hal penting lain yang perlu dibincangkan dan diluluskan.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) hadir di pembentangan ini untuk menjawab sebarang pertanyaan daripada ahli Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah mempunyai akses bebas kepada Ketua Pegawai Eksekutif, Pengurusan Kanan, Setiausaha Syarikat, serta juruaudit dalaman dan luaran pada bila-bila masa dirasakan perlu. Lembaga Pengarah boleh memohon nasihat profesional bebas mengikut budi bicara, sekiranya perlu, bagi memastikan ketersediaan maklumat dan nasihat yang lengkap sebelum keputusan penting dibuat.

Setiausaha Syarikat membantu Lembaga Pengarah menyediakan agenda mesyuarat serta mentadbir, menghadiri dan menyediakan minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah, serta memastikan aliran maklumat yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan jawatankuasanya. Pihak Pengurusan juga membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan dan proses tadbir urus yang mantap dalam Syarikat.

INTEGRITI DALAM LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah berhasrat untuk menyediakan dan membentangkan laporan penilaian prestasi kewangan syarikat yang seimbang dan bermakna dalam semua pendedahan yang dibuat kepada pihak berkepentingan. Lembaga Pengarah, dibantu oleh Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, menyelia proses dan kualiti laporan kewangan, di samping mengkaji semula dan memantau integriti penyata kewangan Syarikat. Lembaga Pengarah juga mengkaji kesesuaian dan perubahan kepada dasar-dasar perakaunan Syarikat, serta memastikan penyata kewangan ini mematuhi keperluan dan peraturan perakaunan serta amalan-amalan tadbir urus korporat yang baik.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko juga bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, dan ini adalah satu forum di mana juruaudit luar boleh mengemukakan, antara lain, sebarang kebimbangan mengenai aspek pematuhan penyata kewangan. Semua piawaian perakaunan yang berkaitan telah diterima pakai, tertakluk kepada apa-apa penjelasan bagi perbezaan ketara yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

KEBEBAAN JURUAUDIT LUAR

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah mewujudkan hubungan rasmi dan telus dengan juruaudit dalaman dan luar Syarikat. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko bersidang secara berkala dengan juruaudit luar dan dalaman untuk membincangkan dan mengkaji pelan audit, prestasi kewangan suku tahunan, penyata kewangan tahunan dan sebarang penemuan audit, serta membuat cadangan untuk kelulusan pihak Lembaga Pengarah. Pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan, selaras dengan keperluan amalan terbaik.

Lembaga Pengarah menyedari potensi konflik kepentingan yang mungkin timbul jika juruaudit luar terlibat dalam menyediakan perkhidmatan selain dari audit kepada Syarikat. Untuk mengurangkan risiko ini, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko menilai prestasi, kebebasan dan bayaran juruaudit luar secara tahunan.

Penyata Tadbir Urus Korporat


PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengekalkan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang dapat menjamin secara munasabah, operasi yang cekap dan berkesan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, serta prosedur dan garis panduan dalaman.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang memberikan gambaran tentang keseluruhan keadaan kawalan dalaman di dalam Syarikat, dibentangkan di halaman 124 hingga 130 dalam Laporan Tahunan ini.

Fungsi Audit Dalam

Lembaga Pengarah memberi kuasa kepada Pengurusan untuk mencapai objektif perniagaan dalam had etika perniagaan dan standard tadbir urus yang baik. Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), yang juga beroperasi sebagai fungsi audit dalaman, melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, ini menunjukkan komitmen Syarikat dalam memastikan kewibawaan rangka kerja tadbir urus. Struktur pelaporan CGRM adalah seperti yang ditunjukkan di bawah:



Unit Integriti Dan Tadbir Urus (IGU)

Lembaga Pengarah telah menubuhkan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) dibawah Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai sokongan kepada Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dalam menggalakkan nilai dan budaya yang lebih telus, kebertanggungjawaban dan integriti. NACP bertujuan membawa transformasi ke arah menjadi negara yang berintegriti dan bebas rasuah.

Lembaga Pengarah juga telah meluluskan pelantikan Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) sebagai Pegawai Integriti untuk Ekuinas. IGU bertanggungjawab untuk empat fungsi utama seperti di bawah dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah hal-hal berkaitan integriti dan inisiatif-inisiatif anti rasuah setiap suku tahun.



HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Ekuinas berurusan dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam memenuhi peranan dan objektifnya sebagai sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan. Syarikat mengakui pentingnya untuk mengekalkan ketelusan dan akauntabiliti bagi menjayakan dan memastikan hubungan yang produktif dengan pihak berkepentingan Syarikat. Oleh itu, Syarikat memberi penekanan kepada kepentingan pengedaran maklumat dan ketelusan kepada orang awam dan pihak berkepentingan.

Interaksi dan Komunikasi dengan Pihak-Pihak Berkepentingan

Syarikat mengamalkan dasar pengurusan dan komunikasi pihak berkepentingan yang komprehensif dan dasar ini sentiasa dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar tersebut menyediakan panduan bagaimana Syarikat berinteraksi dengan kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza termasuk masyarakat awam, badan kerajaan dan pihak berkuasa, demi mematuhi keperluan pendedahan yang berterusan dan tepat pada masanya. Selain daripada siaran akhbar dan pengumuman, Syarikat menggunakan laman sesawang sebagai saluran komunikasi utama untuk menyebarkan maklumat kepada pihak-pihak berkepentingan dan orang awam. Syarikat komited untuk memastikan khalayak awam dapat mengakses maklumat tersebut dengan mudah melalui laman sesawang www.ekuinás.com.my. Sebarang pertanyaan mengenai Ekuinas boleh diajukan kepada:



Penyata Tadbir Urus Korporat

FUNGSI JAWATANKUASA PELANTIKAN DAN GANJARAN

Bidang Tugas dan Tanggungjawab

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran (NRC), selaras dengan bidang tugasnya, adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dengan perkara-perkara berkaitan pelantikan dan ganjaran yang merangkumi di antara lain:

- ▶ Pelantikan pengarah, pengurusan kanan dan memudahkan program induksi untuk pengarah baharu dan program latihan yang sesuai untuk melatih dan melengkapkan Pengarah baharu dan sedia ada secara berterusan;
- ▶ Mengkaji gabungan kemahiran, pengalaman, kecekapan utama dan ciri-ciri lain yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan Lembaga Pengarah Ekuinas;
- ▶ Menentukan kerangka atau dasar untuk pakej ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif, dan ahli anggota Pengurusan yang lain seperti yang ditetapkan untuk dipertimbangkan;
- ▶ Mengkaji ganjaran para Pengarah Bukan Eksekutif untuk memastikan ianya selaras dengan pasaran dan mencerminkan pengalaman dan kepakaran yang setanding dengan tugas dan tanggungjawab mereka;
- ▶ Mengkaji mana-mana perubahan besar dalam struktur faedah pekerja di Syarikat, dan jika difikirkan sesuai, mencadangkan kepada Lembaga untuk diterima pakai; dan
- ▶ Mengkaji dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah rangka kerja untuk skim insentif tahunan Syarikat untuk diterapkan.

Terma Terperinci Rujukan NRC boleh didapati di <https://www.ekuinias.com.my/governance>

Ringkasan Aktiviti pada tahun 2022

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, NRC melaksanakan beberapa aktiviti utama seperti berikut:

- ▶ Menjalankan penilaian tahunan ke atas komposisi dan kebebasan Pengarah Bebas;
- ▶ Menyemak dan mempertimbangkan pelantikan/pembaharuan kontrak Pengurusan Kanan Ekuinas;
- ▶ Menimbang dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ekuinas untuk TK2021, Pembayaran Bonus dan Peningkatan Merit untuk TK2022;
- ▶ Menyemak Cadangan Rangka Kerja KPI untuk TK2022;
- ▶ Berbincang dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, Laporan Perbandingan Pampasan dan Struktur Gaji yang dicadangkan untuk dikemaskini;
- ▶ Berbincang dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, rancangan penggantian serta pembaharuan/pelantikan Pengarah-pengarah Ekuinas;
- ▶ Berbincang dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, penyusunan semula komposisi Lembaga dan jawatankuasa-jawatankuasa

KOMPOSISI LEMBAGA, PENYUSUNAN SEMULA DAN PERANCANGAN PENGGANTIAN

Untuk memastikan bahawa Ekuinas terus mempunyai Lembaga Pengarah yang kukuh, berdedikasi dan dinamik dengan campuran kemahiran dan pengalaman yang relevan selaras dengan keperluan terkini Syarikat, pada tahun kewangan semasa, NRC telah menjalankan suatu latihan untuk mencadangkan penyusunan semula dan pelaksanaan perancangan pengganti bagi Lembaga Pengarah untuk memastikan peralihan para Pengarah dilakukan secara teratur dan Pengarah baru dilantik untuk memperkuuhkan lagi komposisi Lembaga.

NRC meminta nasihat daripada pakar perunding luar untuk menjalankan latihan pemetaan calon dalam mengenal pasti calon yang sesuai sebagai Pengarah Bukan Eksekutif, dengan pengalaman atau kepakaran tertentu seperti berikut:

- ▶ Pengalaman yang kukuh dalam pelaburan dan/atau perbankan
- ▶ Pengalaman dalam industri yang Ekuinas sedang melabur atau bermamat untuk melabur
- ▶ Pengalaman korporat dan/atau usahawan profesional

Di samping itu, NRC juga mengenal pasti dan mengesyorkan kepada Lembaga, calon-calon untuk perancangan bagi jawatan penggantian Pengerusi Lembaga Pengarah, dan Pengerusi untuk ARMC, NRC dan CSRC dan pelantikan ahli-ahli baharu Lembaga, apabila ahli-ahli sedia ada bersara persaraan ahli sedia ada.

LATIHAN PENGARAH

Objektif dasar Syarikat berkenaan ganjaran Pengarah adalah untuk menarik dan mengekalkan Pengarah berkualiti tinggi yang diperlukan untuk menerajui kejayaan Syarikat. Bagi Pengarah Eksekutif, komponen ganjaran dirangka agar berkait rapat dengan prestasi korporat dan juga individu. Bagi Pengarah Bukan Eksekutif pula, ganjaran adalah berdasarkan pengalaman dan bidang tanggungjawab yang dipikul oleh Pengarah Bukan Eksekutif tersebut.

NRC mengesyorkan rangka kerja bagi pakej ganjaran untuk Pengarah Eksekutif kepada Lembaga Pengarah yang mempunyai tanggungjawab muktamad meluluskan pakej ganjaran Pengarah Eksekutif.

Butiran ganjaran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, secara agregat, dikategorikan ke dalam komponen utama, adalah seperti berikut:

Ganjaran	Jumlah Keseluruhan (RM)
Gaji/Bayaran	3,401,092
Ganjaran lain (contoh, Elaun dan faedah lain)	884,304


Ganjaran yang dibayar kepada para pengarah sepanjang tahun dianalisa mengikut julat yang relevan adalah seperti berikut:

Kadar ganjaran (RM)	Pengarah Eksekutif	Pengarah Bukan Eksekutif
Bawah RM100,000	2	
RM100,000 – RM200,000		7
Lebih RM2,000,000	1	

LATIHAN PENGARAH

Lembaga Pengarah mengakui kepentingan pendidikan berterusan untuk para Pengarah bagi memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan tanggungjawab serta menangani cabaran yang dihadapi. Program-program latihan, persidangan dan seminar yang relevan dan bermanfaat kepada para Pengarah dikenal pasti secara berterusan dan Syarikat memperuntukkan bajet yang khusus untuk latihan bagi menyokong pembangunan berterusan para Pengarah. Pengarah sentiasa dimaklumkan mengenai perkembangan perniagaan Syarikat termasuk menerusi taklimat oleh Pengurusan Kanan dan perunding/pakar luar tentang isu-isu strategik berkaitan bidang atau industri tertentu.

Program latihan dan pembangunan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah, termasuk penglibatan mereka sebagai penceramah dalam konvensyen di dalam dan luar negara mengenai topik yang relevan kepada peranan mereka semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:



Laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah Ekuinas dengan sukacitanya membentangkan laporan Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

KOMPOSISI DAN KEHADIRAN JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO

ARMC telah ditubuhkan pada tahun 2010 selaras dengan Kod dan MMLR. Ahli-ahli jawatankuasa dilantik dari kalangan ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan memenuhi keperluan berikut:

- Dianggotai tidak kurang daripada tiga (3) orang ahli
- Majoriti adalah pengarah bebas
- Semua ahli adalah pengarah bukan eksekutif
- Sekurang-kurangnya seorang adalah ahli persatuan perakaunan; dan
- Pengarah gantian tidak boleh dilantik sebagai ahli ARMC

Komposisi ARMC dan rekod kehadiran ahli-ahli adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Status Jawatan Pengarah	Bilangan Mesyuarat Dihadir	%
Dato' Abdul Hamid Sheikh Mohamed (Pengerusi Jawatankuasa – Berkuatkuasa 26 Ogos 2022)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	4 daripada 5	80
Tan Sri Dr Rahamat Bivi Yusoff (Bekas Pengerusi Jawatankuasa – Meletak Jawatan 30 Jun 2022)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	2 daripada 2	100
Datuk Ali Abdul Kadir	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	5 daripada 5	100
Dato' Abdul Mutualib Alias (Berkuatkuasa 26 Ogos 2022)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3 daripada 3*	100
Tan Sri Dato' Seri Mohamed Jawhar Hassan (Meletak Jawatan 30 September 2022)	Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	3 daripada 3*	100
Datuk Saiful Anuar Lebai Husen (Meletak Jawatan 14 Oktober 2022)	Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif	2 daripada 3*	67

* Kehadiran mencerminkan jumlah mesyuarat yang dijadualkan semasa Pengarah memegang jawatan

Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko

ARMC bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun, dan lebih kerap jika perlu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Kewangan (CFO), Ketua Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) dan wakil-wakil juruaudit luar turut menghadiri mesyuarat apabila diperlukan. ARMC juga mengendalikan mesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan semasa mesyuarat ARMC pada 17 Mac 2022 dan 30 September 2022.

Pengerusi ARMC membuat laporan mengenai setiap mesyuarat yang diadakan kepada pihak Lembaga Pengarah dan minit-minit mesyuarat didokumenkan dan diedarkan kepada setiap ahli ARMC.

Bidang Tugas dan Tanggungjawab

Dalam melaksanakan tugas dan menyempurnakan tanggungjawabnya, ARMC dipandu oleh Terma Rujukan dan ditugaskan untuk:

- Membantu Lembaga Pengarah dalam merealisasikan tugas fidusiari dan memberikan pengawasan tadbir urus dalam pengurusan rangka kerja risiko Syarikat dan strategi mengurus risiko utama;
- Mengkaji kecukupan dan keberkesanan amalan dan prosedur pengurusan risiko, proses perniagaan, pelaporan kewangan dan kawalan dalaman;
- Memastikan kebebasan audit dalaman dan fungsi audit luaran dan kajian semula aktiviti, kecekapan dan prestasi; dan

- d) Mengkaji, menyokong, mempromosikan dan memantau program kod etika (COE) di seluruh Syarikat yang merangkumi pengurusan konflik berkepentingan, mencegah penyalahgunaan kuasa, rasuah, perdagangan orang dalam dan pengubahan wang haram dan memastikan program pemberi maklumat adalah dilaksanakan di seluruh Syarikat.

Terma Rujukan ARMC yang lengkap dan terperinci boleh didapati di ekuinas.com.my/governance.

Aktiviti-Aktiviti

Selaras dengan bidang tugas ARMC, aktiviti berikut telah dilaksanakan sepanjang tahun kewangan ini:

- Menyemak dan meluluskan pelan audit jabatan CGRM dan juruaudit luar, termasuk skop kerja mereka untuk tahun kewangan yang disediakan oleh jabatan CGRM dan juruaudit luar;
- Menyemak laporan untuk Syarikat yang disediakan oleh CGRM dan juruaudit luar serta mempertimbangkan isu dan pelan tindakan;
- Menyemak laporan suku tahunan dan tahunan Syarikat, sebelum diserahkan kepada Lembaga untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Mengkaji semula dasar dan prosedur utama yang dicadangkan untuk diterima pakai oleh Syarikat, sebelum dikemukakan kepada Lembaga untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Menyemak laporan Pengurusan Risiko yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko setiap suku tahun untuk pertimbangan dan kelulusan;
- Bertemu dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pengurusan;
- Mengkaji semula prestasi, kebebasan dan yuran juruaudit luar;
- Menyemak laporan mengenai ARMC, Penyata Tadbir Urus Korporat dan SORMIC sebelum dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan Syarikat;
- Menyemak dan membincangkan laporan audit, isu dan cadangan daripada juruaudit luar dan dalam hasil daripada audit yang dijalankan sepanjang tahun;
- Mengkaji kecukupan sumber dan kecekapan kakitangan audit dalaman untuk melaksanakan rancangan dan hasil kerja mereka
- Menyemak dan membincangkan laporan Unit Integriti dan Tadbir Urus (IGU) untuk kelulusan Lembaga Pengarah, sebelum diserahkan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri atau agensi Kerajaan lain.

Fungsi Audit Dalaman

Syarikat mempunyai fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh Jabatan CGRM. Jabatan CGRM melaporkan kepada ARMC dan secara administratif kepada CEO. Fungsi audit dalaman mempunyai tiga (3), kakitangan yang terdiri daripada Ketua Jabatan CGRM, satu (1) Pengurus dan satu (1) Pelatih Eksekutif. Ketua Jabatan CGRM, Muhd Hafiz Muhtar adalah Ahli Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM).

Jabatan CGRM telah menerima pakai Piagam Tadbir Urus Korporat yang memperuntukkan kebebasannya dalam menilai dan melaporkan kecukupan, integriti dan keberkesanan sistem kawalan dalaman secara keseluruhan, pengurusan risiko dan tadbir urus korporat dalam Syarikat menggunakan pendekatan yang sistematik dan berdisiplin. Inisiatif penambahbaikan peninjauan dan kawalan yang dijalankan oleh CGRM ditakrifkan dalam pelan audit tahunan yang dikaji semula dan diluluskan oleh ARMC sepanjang tahun kewangan.

Sepanjang tahun ini, sebagaimana dinyatakan dalam pelan audit dalaman yang diluluskan, CGRM telah menyemak dan membantu mendokumen dan menetapkan dasar dan prosedur Syarikat, serta memudahkan cara semakan risiko dan dokumentasi pelaporan risiko Ekuinas kepada SMC dan ARMC. CGRM turut berbincang dengan pengurusan Syarikat-syarikat Portfolio untuk menggalakkan pelaksanaan tadbir urus dan amalan-amalan terbaik.

CGRM juga terlibat dalam melaksanakan proses usaha wajar yang meliputi tadbir urus dan risiko pelaburan dalam usaha perolehan pelaburan baru. Sebagai sebahagian daripada proses penilaian pelaburan, isu-isu utama akan dibangkitkan kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam usaha memastikan semua risiko pelaburan utama dikurangkan secara teliti.

Semua fungsi audit dalaman sepanjang tahun ini telah dikendalikan oleh Jabatan CGRM selaras dengan Rangka Kerja Amalan Profesional (IPPF) oleh Institut Juruaudit Dalaman (IIA) dan rangka kerja Jawatankuasa Sponsoring Organizations of the Treadway Commission (COSO) yang memastikan kakitangan juruaudit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan yang boleh mengganggu objektiviti dan kebebasan mereka. Tiada satu pun bidang fungsi audit dalaman yang ditugaskan kepada sumber luar.

Laporan ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 16 Mac 2023.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

PENGENALAN


Lembaga Pengarah dengan sukacitanya membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman menurut perenggan 15.26(b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia (MMLR). Ini adalah untuk menggalakkan tadbir urus korporat dan amalan terbaik, meskipun Syarikat tidak tertakluk kepada MMLR.

STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO DAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah telah memastikan proses yang berterusan untuk mengenalpasti, menilai dan mengurus risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat. Ini terkandung dalam Rangka Kerja Tadbir Urus Korporat yang merangkumi Rangka Kerja dan Dasar Pengurusan Risiko, Piagam Audit Dalaman dan Rangka Kerja Sistem dan Kawalan Dalaman.

Dasar dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah menerangkan dengan jelas akauntabiliti dan kebertanggungjawaban untuk proses pengurusan risiko, termasuk mengenalpasti risiko dan cara mengurus risiko yang mampu menjelaskan matlamat strategik atau pelaksanaan Syarikat.

Struktur dan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman diringkaskan seperti berikut:



Walaupun mana-mana sistem tidak dapat memberikan jaminan mutlak terhadap kerugian material, penipuan, salah laku atau pelanggaran undang-undang atau peraturan, Lembaga Pengarah tetap komited untuk mengekalkan sistem kawalan dalaman yang berkesan dan kukuh serta integriti yang tinggi melalui proses kajian, pemantauan dan jaminan.

Untuk membantu Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC) ditubuhkan di mana tanggungjawab utamanya adalah untuk pengurusan risiko dan pengawasan kawalan dalaman; tugas ini dibantu oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) dan Pengurusan Kanan dalam melaksanakan dasar-dasar dan prosedur ke atas risiko dan kawalan.

Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (ARMC)

ARMC menyelia semua aktiviti pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat. Antara tanggungjawab utama ARMC adalah untuk memastikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dilaksanakan dengan baik, menilai pendedahan risiko dan mengkaji isu-isu kawalan dalaman yang dinyatakan oleh Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM), pihak Pengurusan, dan juruaudit luar; dan mengkaji semula fungsi dan pelan kerja CGRM. Jabatan CGRM yang berfungsi sebagai audit dalaman Syarikat melapor terus kepada ARMC.

ARMC dianggotai oleh majoriti ahli Lembaga Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang diberikan akses penuh kepada juruaudit dalaman dan luar. Jawatankuasa bermesyuarat dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC)

Jawatankuasa Pengurusan Kanan (SMC) membantu Lembaga Pengarah menjalankan fungsi berkaitan isu-isu pengurusan risiko Ekuinas.

Berikut adalah tugas dan tanggungjawab utama SMC berkaitan pengurusan risiko:

- menyemak dan mencadangkan dasar pengurusan risiko dan membuat laporan untuk diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah;
- memantau pendedahan Syarikat dan syarikat portfolio kepada risiko serta menyarankan tindakan yang diperlukan;
- mengkaji prestasi keseluruhan, inisiatif yang dilaksanakan dan risiko perniagaan utama syarikat portfolio setiap suku tahun; dan
- mengkaji sebarang risiko dan pendedahan ketara yang wujud dan menilai inisiatif yang dikendalikan oleh pihak Pengurusan dan syarikat portfolio untuk mengurangkan risiko.
- mengekalkan, berkomunikasi dan memantau pematuhan polisi dan prosedur.

Melalui perbincangan dengan setiap pasukan portfolio, ketua-ketua jabatan dan pihak pengurusan syarikat portfolio, inisiatif-inisiatif utama yang perlu dilakukan untuk mengurangkan risiko dikenal pasti. Laporan Ringkasan risiko berdasarkan keutamaan dan dibentangkan kepada SMC dan ARMC pada setiap suku tahun. Laporan suku tahunan Pengurusan Risiko telah dibentangkan dan diluluskan oleh ARMC dan Lembaga Pengarah.

Jabatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM)

Peranan Jawatan Tadbir Urus Korporat dan Pengurusan Risiko (CGRM) adalah untuk membantu ARMC dan pihak pengurusan syarikat dalam melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan dengan mewujudkan kawalan dalaman yang kos efektif, menilai risiko dan mengesyorkan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko dan memastikan adanya proses tadbir urus yang sewajarnya. Sebagai sebahagian daripada proses ini, CGRM menyalurkan kepada ARMC analisa bebas, penilaian, nasihat serta informasi berkenaan aktiviti-aktiviti yang disemak.

Rancangan tahunan CGRM serta KPI disemak dan diluluskan oleh AMRC dan Lembaga Pengarah dan keputusan audit-audit dilaporkan dan dimaklumkan kepada Pengurusan dan ARMC secara berkala.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam

AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Rangka kerja pengurusan risiko Syarikat adalah panduan pragmatik mengenai pengenalpastian dan pengurusan risiko yang utama dalam mencapai objektif strategik. Keberkesanan rangka kerja pengurangan risiko sentiasa dikaji dan ditambah baik secara sistematis.

Syarikat telah mengenalpasti jenis-jenis risiko seperti berikut – strategik, kewangan, operasi dan pelaburan. Risiko tidak terhad hanya kepada empat kategori ini sahaja tetapi risiko pelaburan dianggap sebagai risiko perniagaan paling kritikal dalam Syarikat.

RISIKO EKUINAS (SYARIKAT)

Strategik	Pelaburan Langsung	Program Penyumberan Luar	Operasi
<ul style="list-style-type: none"> Persekitaran luaran Pembentukan Kawalan selia Pihak berkepentingan 	<ul style="list-style-type: none"> Aliran urusniaga dan penilaian Prestasi dan pengurusan pelaburan Objektif bukan kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> Aliran urusniaga dan penilaian Prestasi dan pengurusan pelaburan Objektif bukan kewangan 	<ul style="list-style-type: none"> Sumber Manusia Perbendaharaan Pengurusan dan Pelaporan Kewangan Pematuhan Perkhidmatan Bersama Korupsi dan Rasuah

RISIKO SYARIKAT-SYARIKAT PORTFOLIO

Strategik dan Pasaran	Perniagaan dan Kewangan	Strategi Penciptaan Nilai	Pelaksanaan
<ul style="list-style-type: none"> Persekitaran luaran Industri Kerajaan dan Kawal Selia 	<ul style="list-style-type: none"> Operasi perniagaan Perbelanjaan modal dan pelaburan Penggearan/Hutang 	<ul style="list-style-type: none"> Pengembangan Perniagaan Penggabungan dan Pengambilalihan 	<ul style="list-style-type: none"> Sumber Manusia Sistem dan Proses IT Pengurusan dan Laporan Kewangan Korupsi dan Rasuah

Semua risiko penting yang dikenalpasti kemudiannya dinilai dan diberi ranking berdasarkan kemungkinan ia berlaku, berlandaskan Rangka Kerja Risiko Syarikat. Melalui perbincangan dengan Pengurusan, inisiatif utama untuk mengurangkan risiko tersebut kemudian dikenal pasti untuk dilaksanakan.

Proses ini dilaksanakan sekurang-kurangnya setiap suku tahun, dengan mengenal pasti risiko perniagaan baru dan meninjau semula risiko yang sedia ada serta memantau keberkesanan langkah-langkah pengurangan risiko yang dikenal pasti.



STRATEGI PENGURANGAN RISIKO

Inisiatif pengurangan risiko direka berdasarkan empat strategi yang biasa iaitu mengelak, mengurangkan, memindahkan atau menerima, melalui pelaksanaan proses kawalan dalaman dan/atau polisi selaras dengan selera risiko organisasi.

Sebagai ilustrasi, proses membuat keputusan pelaburan Syarikat dipandu oleh parameter pelaburan yang diperkenalkan melalui Kerangka Pelaburan Syarikat, untuk memastikan urus niaga yang dijalankan berada dalam kriteria pelaburan utama di mana sektor-sektor keutamaan dikenal pasti berdasarkan pendekatan penyaringan yang telus dan beberapa sektor dikecualikan daripada pertimbangan pelaburan.

Rangka kerja Pelaburan Ekuinas meliputi pengurusan risiko dengan semakan risiko yang rapi terhadap semua cadangan atau urusniaga strategik dan tertentu untuk memastikan risiko dikenal pasti, dianalisa, ditetapkan keutamaannya dan diurus secara konsisten. Semua pelaburan diteliti dengan rapi bagi memastikan pelaburan tersebut sejajar dengan tumpuan strategik Syarikat yang berupaya mencapai kadar pulangan yang sewajarnya dan mengambil kira semua faktor risiko lain yang berkaitan, seperti risiko industri dan risiko pelaksanaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga telah menetapkan bahawa semua cadangan pelaburan yang diserahkan oleh pihak Pengurusan perlu disertakan dengan penilaian risiko yang menyeluruh dan cadangan strategi pengurangan risiko yang sesuai.

Risiko strategik diurus melalui usaha pemantauan faktor-faktor utama ekonomi, prospek industri, perkembangan kawal selia serta perjumpaan dan pengemaskinian secara berkala dengan pihak Kerajaan.

Bagi mengurus risiko kewangan, dasar perbendaharaan dan had kuasa kewangan Syarikat didokumenkan, disemak secara berkala dan dilaporkan kepada Lembaga Pengarah. Dasar yang diluluskan menetapkan had-had bagi pengurusan kecairan, risiko pihak bertentangan dan pembiayaan Syarikat. Sebarang risiko kewangan yang ketara, seperti kecairan, penggearan, hutang bersih dan pendedahan kredit dikenalpasti, dinilai, ditangani dan dilaporkan kepada pihak Lembaga Pengarah secara berkala.

Risiko operasi sememangnya tidak dapat dihapuskan sepenuhnya dan kos untuk mengurangkan risiko sedemikian mungkin melampaui manfaat yang bakal diraih. Oleh yang demikian, Syarikat bertindak mengurus risiko operasi dengan menggunakan

pakai dasar dan prosedur operasi standard, had kuasa yang ditetapkan dan rangka kerja laporan berkala yang merangkumi laporan operasi dan kewangan dan jika perlu, mengambil insurans perlindungan untuk mengurangkan potensi risiko.

Selaras dengan Objektif Strategik 6.2: Ketahanan Entiti Korporat yang Lebih Besar terhadap Ancaman Rasuah dalam Pelan Pencegahan Rasuah Nasional (NACP) dan arahan yang berkaitan dari Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Syarikat telah memperkenalkan satu penilaian terhadap Risiko Rasuah dan Korupsi sebagai sebahagian daripada proses dan pelaporan pengurusan risiko Syarikat. Bahagian di mana terdapat potensi korupsi dan rasuah yang mungkin berlaku telah dikenal pasti dan risiko telah dikurangkan dengan pengawalan sedia ada serta inisiatif-inisiatif seperti memperkuatkannya dasar yang berkaitan kepada perkara Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi, mengendalikan taklimat untuk kakitangan dan program kesedaran berkala.

MEMASTIKAN KESESUAIAN DAN KEBERKESANAN SISTEM

Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk mengekalkan struktur dan persekitaran kawalan yang teguh agar operasi Syarikat dapat dikendalikan dengan sebaiknya. Antara proses penting yang telah disediakan untuk menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman, adalah seperti berikut:

- **Jawatankuasa Lembaga Pengarah**
Selain daripada Lembaga Pengarah, syarikat juga menggalakkan tadbir urus korporat dan ketelusan dengan adanya Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pelantikan dan Ganjaran dan Jawatankuasa Pelaburan. Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah ini ditubuhkan dengan tujuan membantu Lembaga Pengarah memantau pengurusan Syarikat secara bebas dengan tanggungjawab dan kuasa yang diperuntukkan dengan jelas dalam bidang tugas masing-masing.
- **Rangka Kerja Dasar dan Prosedur Operasi Standard (SOP)**
Prosedur bertulis mengenai proses-proses penting Syarikat didokumen, dilaksana dan dijelaskan oleh pihak Pengurusan kepada kakitangan Syarikat, selaras dengan Rangka Kerja Dasar dan SOP yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Dasar-dasar ini disokong oleh prosedur yang didokumenkan untuk mengurus risiko operasi. Dasar dan prosedur ini bertujuan untuk memastikan bahawa prinsip atau mekanisme kawalan dalaman menjadi sebahagian daripada operasi Syarikat.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Dasar dan Rangka Kerja SOP



Nota: 1 & 2 Rangka Kerja Pelaburan telah dimuktamadkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah

PERKHIDMATAN BERSAMA	KEWANGAN & PERAKAUNAN	SUMBER MANUSIA
	Dasar Perakaunan dan/atau Prosedur Operasi Standard meliputi:	Prosedur dan/atau Dasar Sumber Manusia meliputi:
	<ul style="list-style-type: none"> Aset Tetap Tunai Runcit (<i>Petty cash</i>) Prosedur dan Dasar Pelaporan Kewangan Belanjawan Pembayaran dan Tuntutan Garis Panduan Nilai Saksama Portfolio Pelaburan 	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan Gaji Latihan dan Pembangunan Pengambilan Pekerja & Perancangan Modal Insan Pengurusan Prestasi & Pampasan Pelan Pengekalan Jangka Panjang Pengurusan Bakat Hubungan Pekerja
	PERBENDAHARAAN	PERUNDANGAN
	<ul style="list-style-type: none"> Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perbendaharaan 	<ul style="list-style-type: none"> Prosedur Operasi Standard Perundangan
	PEROLEHAN & PENTADBIRAN	M.I.S
	<ul style="list-style-type: none"> Dasar dan Prosedur Operasi Standard Perolehan 	<ul style="list-style-type: none"> Dasar dan Prosedur Operasi Standard Teknologi Maklumat
	TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)	KOMUNIKASI
	<ul style="list-style-type: none"> Dasar dan Prosedur Operasi Standard CSR 	<ul style="list-style-type: none"> Dasar dan Prosedur Operasi Standard Komunikasi
	PENGURUSAN PIHAK BERKEPENTINGAN	DASAR PENDEDADAHAN
	<ul style="list-style-type: none"> Dasar dan Prosedur Operasi Standard Pengurusan Pihak Berkepentingan 	<ul style="list-style-type: none"> Rangka Kerja dan Dasar Pendedahan

• Kod Etika

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menjadi contoh kepimpinan terbaik bagi perilaku dan tadbir urus korporat yang berhemah. Kod Etika telah dipersetujui dan diguna pakai oleh semua Pengarah dan Kakitangan untuk memastikan standard perilaku tinggi yang sering dikaitkan dengan amalan perniagaan beretika. Semua Pengarah dan Kakitangan dikehendaki memahami Kod ini dan menandatangani borang akuan penerimaan.

• Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan

Syarikat percaya bahawa hubungan dengan penyedia perkhidmatan mestilah berdasarkan prinsip integriti, kejujuran dan kebertanggungjawaban serta menentang sekeras-kerasnya apa jua bentuk sogokan atau rasuah. Dengan matlamat ini, Kod Perilaku Penyedia Perkhidmatan ini perlu dipatuhi oleh semua pembekal, perunding, penasihat dan kontraktor utama yang berurusan dengan Ekuinas. Ekuinas boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi sebarang ketidakpatuhan Kod ini termasuk, dan tidak terhad kepada penamatian perkhidmatan atau larangan mencadangkan apa jua perkhidmatan kepada Ekuinas untuk jangka masa yang ditetapkan.

- Had Kuasa Yang Didokumenkan**

Pihak Pengurusan diberikan Had Kuasa yang diluluskan bagi mengendali operasi harian, membuat keputusan pelaburan, perolehan dan pelupusan aset sebagai kaedah kawalan untuk mengurangkan sebarang risiko penyalahgunaan kuasa.

- Buku Panduan Pencegahan Penipuan, Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi dan Dasar Pemberian Maklumat**

Untuk mengukuhkan budaya etika perniagaan dan tadbir urus yang baik di seluruh Syarikat, dasar pemberian maklumat telah diperkenalkan untuk menyediakan akses kepada kakitangan yang berniat baik melaporkan apa-apa salah laku yang disyaki. Dasar ini menekankan komitmen Syarikat terhadap integriti dan etika dengan membantu untuk memupuk dan mengekalkan persekitaran di mana kakitangan boleh bertindak sewajarnya tanpa rasa takut kepada mana-mana pihak. Polisi disemak secara berkala dan semakan terakhir telah dijalankan pada 2018.

- Kawalan Pelaburan**

Dalam kebanyakan kes pelaburan, pegawai kanan Ekuinas dilantik menganggotai jawatankuasa pengurusan eksekutif dan lembaga pengarah syarikat portfolio untuk terlibat secara aktif dalam hala tuju strategik, proses membuat keputusan utama dan bahagian-bahagian operasi utama.


Di samping menjalin hubungan baik dengan pengurusan syarikat portfolio, Ekuinas turut mengambil bahagian dalam inisiatif proses operasi untuk mencipta nilai dan menyokong tadbir urus dan amalan terbaik.

Ekuinas juga menyediakan dana kepada Pengurus Dana Penyumberan Luar (OFM) pihak ketiga yang melaksanakan pelaburan bagi pihak Ekuinas. Walau bagaimanapun, Ekuinas tidak mempunyai pengaruh langsung ke atas operasi dan kepentingan kawalan mereka dalam syarikat pelaburan OFM, oleh itu mereka tidak diuruskan sebagai sebahagian daripada Kumpulan dalam pelaksanaan sistem kawalan dan akan tertakluk kepada pengurusan risiko masing-masing dan amalan kawalan dalaman.

LAPORAN PENGURUSAN RISIKO

Laporan Pengurusan Risiko meliputi penilaian risiko dan keberkesanan kawalan sedia ada, serta keperluan untuk kawalan tambahan bagi mengurangkan risiko untuk Syarikat dan kesemua Syarikat Portfolio.

Elemen utama proses ini adalah:-



Proses pelaporan dan pemantauan berkala ini diterapkan untuk meninjau sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta berfungsi sebagai platform untuk mengesahkan bahawa tindakan yang diperlukan telah diambil atau sedang diambil untuk memperbetulkan kelemahan atau kelemahan yang ketara yang dikenal pasti semasa proses pengurusan risiko.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Kecukupan Sistem Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

CEO dan Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Ekuinas telah memberi jaminan kepada Lembaga Pengarah bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Syarikat beroperasi dengan berkesan dalam tahun kajian dan sehingga masa Penyata ini diluluskan.

Penyemakan Penyata oleh Juruaudit Luar

Juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

Berdasarkan prosedur yang dilaksanakan, mereka telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada sebarang perkara yang pada pemerhatian mereka boleh menyebabkan mereka beranggapan bahawa Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman (SORMIC) yang bertujuan untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan tidak disediakan, dalam semua aspek material, mengikut pendedahan yang digariskan oleh perenggan 41 dan 42 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk Pengarah Terbitan Tersenarai, dan tidak ada maklumat dalam SORMIC yang tidak tepat.

Semakan jaminan terhad mereka telah dilaksanakan mengikut Panduan Amalan Audit dan Jaminan (AAPG) 3 – Panduan Juruaudit Mengenai Penglibatan Melaporkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman yang disertakan dalam Laporan Tahunan yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG3 tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada SORMIC meliputi semua risiko dan kawalan, atau untuk memberi pendapat tentang kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Syarikat, termasuk penilaian dan pendapat oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan.

KESIMPULAN

Bagi tahun kewangan yang dikaji, berdasarkan siasatan, maklumat dan jaminan yang disediakan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman di dalam Syarikat adalah kukuh dan mencukupi untuk melindungi kepentingan pihak berkepentingannya. Ini berdasarkan pertanyaan, maklumat dan jaminan yang diberikan, dan tumpuan berterusan yang ditunjukkan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan terhadap langkah-langkah untuk melindungi dan mempertingkatkan nilai pihak berkepentingan dan kemampuan perniagaan akan terus dilaksanakan.

Penyata ini disediakan selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 16 Mac 2023.




Dasar Pendedahan

PENDAHULUAN

Sebagai sebuah firma ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang mengurus dan melabur dana awam, Ekuinas beroperasi di dalam persekitaran yang dikawal selia dengan ketat. Justeru itu, kami menitikberatkan ketelusan di dalam perhubungan dengan semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan, syarikat-syarikat penerima pelaburan, pihak media dan seluruh rakyat Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Ekuinas telah mewujudkan rangka kerja pendedahan yang mesra-pasaran, telus dan dibentuk mengikut penanda aras amalan terbaik global.




Garis panduan pendedahan Ekuinas dirumus berdasarkan beberapa garis panduan industri, antaranya seperti garis panduan Walker Guidelines Monitoring Group 2007, sebuah badan pemantauan ekuiti persendirian yang menggalakkan ketelusan dan pendedahan, dan Garis Panduan Laporan European Private Equity & Venture Capital Association (EVCA) 2006. Rangka kerja pendedahan Ekuinas telah dihasilkan berikutan kajian menyeluruh mengenai pendedahan yang disediakan oleh firma-firma ekuiti persendirian, dana negara berdaulat atau *sovereign wealth funds* dan dana lindung nilai atau *hedge funds* terkemuka di seluruh dunia.

Dasar pendedahan kami merangkumi prinsip utama berikut:




Pendedahan dibuat pada tahap berbeza-beza, daripada informasi asas seperti nombor telefon untuk dihubungi dan maklumat aras syarikat di laman web rasmi, sehingga maklumat terperinci mengenai strategi dan matlamat syarikat, perolehan dan pelupusan, serta prestasi portfolio. Namun begitu, Ekuinas memilih organisasi seperti 3i plc yang berpangkalan di United Kingdom dan Tabung Pencen Kerajaan Norway, sebagai penanda aras, memandangkan organisasi ini menyediakan pendedahan sepenuhnya mengenai semua pegangan dan pemilikan portfolio, latar belakang kumpulan pengurusan, profil syarikat portfolio terpilih, serta laporan tahunan dan penyata kewangan teraudit.

Ekuinas komited untuk menyediakan pendedahan maklumat korporat yang saksama dan komprehensif, sejajar dengan amalan terbaik firma Ekuiti persendirian global. Kami berhasrat mematuhi semua undang-undang dan peraturan demi memastikan komunikasi yang sewajarnya disebarluaskan kepada pihak awam menurut keperluan undang-undang dan kawal selia yang berkuat kuasa.



Dasar Pendedahan



Alam Sekitar

'Bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam segala tindakan' adalah ikrar yang terpahat dalam kerangka ESG kami yang menggariskan 3 inisiatif utama untuk tahun 2022-2024.

1 Pendedahan metrik operasi berkaitan alam sekitar (pelepasan dan kecekapan tenaga)

2 Pembangunan pelan untuk meminimakan kesan alam sekitar daripada operasi, merangkumi pelepasan gas rumah hijau, penggunaan tenaga dan sisa

3 Pelaksanaan amalan perolehan yang mampan di seluruh rangkaian operasi.


Sementara negara kita menuju peralihan dari kebergantungan pada bahan bakar fosil kepada sumber tenaga alternatif seperti tenaga boleh diperbaharui, korporat Malaysia juga telah meningkatkan tumpuan terhadap komitmen sifar bersih untuk mencapai hasrat negara ke arah rendah karbon.

Di kala Malaysia memajukan agenda Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG), ia penting bagi Ekuinas menjadi contoh dan teladan dalam amalan terbaik berdasarkan piawaian antarabangsa.

Sebagai salah satu langkah pertama dalam menyokong hasrat Sifar Bersih negara, Ekuinas melaksanakan audit tenaga peringkat awal untuk mengumpulkan data tentang sistem penggunaan tenaga elektrik dan peralatan yang dimiliki serta sistem unit pengendalian udara (AHU) di pejabat-pejabat kami. Dengan analisis ini, kami dapat menilai dan menetapkan garis panduan asas tentang penggunaan tenaga elektrik, indeks tenaga bangunan, dan potensi penjimatatan tenaga sebagai persediaan untuk melaksanakan langkah-langkah penjimatatan tenaga yang dicadangkan sambil mematuhi peraturan semasa di bawah Suruhanjaya Tenaga.

Selain daripada menjalankan audit tenaga yang lebih komprehensif untuk mengesan dan mengukur penggunaan tenaga serta pengurangan karbon yang dianggarkan di pejabat utama Ekuinas, syarikat-syarikat portfolio kami juga akan menjalani latihan audit tenaga yang serupa. Ini akan memberi kesedaran dan memastikan sumbangan aktif ke arah pencapaian matlamat negara berkaitan pelepasan karbon sifar.

Sebagai tambahan, syarikat-syarikat dalam portfolio kami yang menghadapi risiko alam sekitar yang lebih tinggi telah mengambil langkah-langkah dalam memupuk pendekatan holistik terhadap komitmen ESG mereka untuk memudahkan keputusan-keputusan korporat dibuat secara berkesan untuk kelestarian jangka panjang.



Alam Sekitar

Sebagai contoh, untuk mengurus risiko-risiko utama secara lebih berkesan, ICON Offshore Berhad ("ICON"), yang menyediakan perkhidmatan sokongan logistik bagi ekosistem minyak dan gas di laut, telah mengenal pasti dan menilai perkara-perkara penting yang berpotensi mempengaruhi perniagaan dan persekitaran operasinya. Pengurusan atasan ICON juga telah mencatat kemajuan ke arah mengukuhkan komitmen ESGnya:

Kemajuan ICON dalam komitmen ESG:

- Menilai output sisa dan sampah daripada segmen perniagaan untuk merancang strategi pelupusan dan pengurangan sisa yang lebih baik
- Mengamalkan pengurusan dan pelupusan sisa secara bertanggungjawab supaya tidak memudarati komuniti sekeliling
- Mematuhi amalan terbaik dan piawaian industri berhubung dengan pelepasan udara
- Memastikan sifar tumpahan alam sekitar utama
- Melaksanakan protokol keselamatan untuk kapal operasi dan penggunaan pelantar penggerudian
- Mewujudkan tanggungjawab sistem pengurusan bahan buangan untuk kapal dan pelantar

Sorotan Kejayaan Utama Alam Sekitar ICON pada 2022



Orkim Sdn Bhd, yang juga beroperasi dalam sektor minyak dan gas, memulakan perjalanan kelestariannya beberapa tahun yang lalu dengan menukar kapal-kapal mereka kepada alternatif yang mesra alam untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. Lima (5) kapal mesra alam dalam armadanya telah terbukti dapat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 30%. Walaupun kosnya lebih tinggi dalam memperoleh dan menyelenggarakan kapal-kapal ini, ini mencerminkan komitmen ESG organisasi sejajar dengan hasrat mencapai sifar pelepasan gas rumah hijau menjelang tahun 2050, dan pengurangan pelepasan karbon sebanyak 50% menjelang tahun 2030. Kapal-kapal mesra alam ini juga merupakan pelaburan untuk masa depan memandangkan lebih ramai pelanggan memilih solusi yang lebih bersih dan mampan.





Ekuiti Nasional Berhad

200901025164 (868265 U)

Level 16, Surian Tower, No 1 Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor.

Tel: +603 7710 7171 Fax: +603 7710 7173